

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 12	Khamis	27 Mac 2014
----------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Y.B. Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad</i> (<i>Johor Bahru</i>)	(Halaman 29)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 27 Mac 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah kementerian akan berdialog dengan *Malaysian Employers Federation* untuk menggalakkan mereka untuk menerima cadangan *Malaysian Trades Union Congress (MTUC)* untuk membayar elaun kos kehidupan atau COLA sebanyak RM300 bagi pekerja sektor swasta; dan
- (b) sekiranya cadangan tersebut ditolak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian agar golongan pekerja swasta boleh menikmati elaun atau bayaran tambahan untuk menampung kos kehidupan yang semakin meningkat

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengerang, sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada tetamu kita daripada Kolej Profesional MARA, Indera Mahkota, Kuantan dan juga pelajar-pelajar daripada Skudai, Johor. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Pengerang kerana prihatin tentang masa depan pekerja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 21 akta yang terletak di bawah kawalan Kementerian Sumber Manusia yang berkaitan dengan pekerja dan juga majikan.

Di samping itu, terdapat pelbagai organisasi dan pertubuhan yang ditubuhkan oleh kerajaan atau secara bersama majikan dan pekerja dan juga berkaitan dengan kepentingan pekerja dan majikan. Antaranya boleh saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua ialah CUEPACS tentang perkhidmatan awam, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Malaysian Employers Federation (MEF), Kesatuan Majikan-majikan Malaysia, Persatuan Pekerja-pekerja Malaysia, Persatuan Pemborong Binaan Malaysia, Persatuan Keselamatan dan Sektor Kesihatan Pekerja Malaysia, Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia dan lain-lain lagi.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pengerang, di bawah Kementerian Sumber Manusia terdapat berbagai-bagai jawatankuasa dan majlis yang ditubuhkan

yang juga membicarakan, membahaskan tentang kepentingan pekerja dan majikan, malahan boleh dikatakan keseluruhan pertubuhan yang saya sebutkan pada awal tadi yang terdiri daripada kesatuan sekerja dan sebagainya, menduduki dalam badan-badan yang terlapun kita bina ini, bentuk ini. Umpamanya dalam PERKESO ada terdiri daripada wakil-wakil mereka. Majlis Perunding Gaji Negara juga terdapat wakil-wakil mereka. Perbadanan Sumber Manusia terdapat wakil mereka dan lain-lain yang kalau saya sebutkan satu persatu amat banyak Tuan Yang di-Pertua.

Kembali kepada soalan utama yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pengerang, suka saya maklumkan bahawa kerajaan telah melaksanakan Dasar Gaji Minimum bermula pada tahun 2013 yang mana matlamat utama dasar tersebut adalah untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga dapat dipenuhi. Dalam hal ini, salah satu kriteria utama penetapan kadar gaji minimum adalah pendapatan garis kemiskinan yang digunakan sebagai indikator bagi menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja. Selain itu, indeks harga pengguna juga digunakan bagi menyelaraskan kadar gaji minimum dengan peningkatan kos sara hidup.

Sehubungan dengan itu, elemen kos sara hidup seperti yang dicadangkan oleh MTUC sebenarnya telah diambil kira pada penetapan kadar gaji minimum yang akan dikaji sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun supaya selaras dengan keadaan ekonomi ini. Dua hari ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pengerang, kita mengadakan *review* bersama dengan World Bank dan juga ILO tentang pelaksanaan gaji minimum ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, cadangan pemberian elaun kos sara hidup (COLA) sebanyak RM300 bagi pekerja swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Walaupun saya sebut pada awal tadi bahawa kita ada perbincangan berbagai-bagai isu tentang pekerja dan majikan dengan pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun pelaksanaan COLA ini tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar elaun COLA atau elaun seumpamanya kepada pekerja mereka.

Kementerian sentiasa menggalakkan perbincangan konstruktif antara pekerja dan majikan bagi mendapatkan terma-terma penggajian terbaik yang dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua belah pihak. Bagi pekerja-pekerja sektor swasta yang mempunyai kesatuan sekerja pemberian elaun COLA ataupun elaun sara hidup ini, boleh dimasukkan sebagai salah satu terma dalam proses rundingan bersama, *collective bargaining* antara kesatuan sekerja dan pihak majikan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 13 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]. Manakala bagi pekerja yang tidak diwakili kesatuan sekerja, perkara ini boleh dibincangkan dalam jawatankuasa perundingan bersama antara majikan dan pekerja.

Berhubung dengan cadangan dialog antara kementerian dan MEF mengenai cadangan pemberian elaun COLA tersebut, kementerian berpandangan adalah lebih wajar sekiranya MTUC mengadakan dialog secara terus dengan MEF terlebih dahulu. Kementerian tiada halangan untuk

menjadi pengantara jika terdapat permintaan daripada pihak-pihak yang terlibat sekiranya dialog secara terus yang diadakan tidak mencapai kata sepakat. Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan kedua iaitu (b), apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian. Saya kira berbagai-bagai langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan kementerian dalam kita menangani isu masalah sara hidup pekerja-pekerja ini.

■1010

Antara yang telah pun saya sebutkan tadi ialah semakan semula gaji minimum setiap dua tahun. Sekarang sedang pun kita buat dan World Bank dan ILO telah mencadangkan kepada kita supaya kita melihat kembali kadar pendapatan, kadar sara hidup ini.

Yang kedua ialah pelaksanaan Productivity-Linked Wage System (PLWS) di mana kerajaan telah memperkenalkan sistem ini (PLWS) bagi membolehkan majikan mewujudkan pendekatan yang lebih meluas dan teratur bagi meningkatkan produktiviti dan upah pekerja. Pekerja akan aktif meningkatkan produktiviti dan akan menikmati faedah daripadanya.

Faedah pelaksanaan PLWS. Suka saya sebutkan sedikit di sini Yang Berhormat Pengerang, bagi makluman Dewan yang mulia ini, faedah pelaksanaan PLWS adalah seperti berikut:

- (i) pembayaran upah akan diselaraskan mengikut prestasi ekonomi dan ini akan mengurangkan impak negatif terhadap majikan dan pekerja;
- (ii) menjamin kestabilan pekerjaan dan mengurangkan risiko berlakunya pembuangan kerja sewaktu kelembapan ekonomi;
- (iii) mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua pihak iaitu majikan dan pekerja;
- (iv) membolehkan syarikat menyelaras polisi mengikut suasana ekonomi semasa;
- (v) memperbaiki pengkhususan kerja mengikut kemahiran dan meningkatkan kerjaya para pekerja; dan
- (vi) meningkatkan motivasi pekerja dan kepuasan pekerja.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu panjang lebar. Jawapan yang bukan sahaja kepada soalan yang saya tanya, juga kepada soalan yang saya tidak tanya. Tidak apa, terima kasihlah Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

Jadi, sekarang Yang Berhormat Menteri, ini soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri jawab. Bila kita tengok tentang hubungan pekerja dan majikan, kita tidak boleh menafikan bahawa adanya hubungan yang kadang-kadangnya yang berat sebelah. Jadi, disebabkan itu yang mana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, NGO-NGO, badan-badan pertubuhan yang telah diwujudkan adalah untuk membantu, untuk memperkasakan dan juga memberikan kekuatan kepada pekerja-pekerja. Kita

tidak menyebut negara kita adalah sebuah negara sosialis tetapi negara kita adalah negara yang mengimbangkan antara hak pekerja dan juga hak majikan.

Jadi, itu sebabnya soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bila Yang Berhormat telah memberikan jawapan yang begitu mendalam. Adakah tuntutan COLA ini yang dibuat oleh MTUC terhadap Malaysia Employers Federation (MEF) tertakluk juga kepada hak yang dituntut oleh pekerja-pekerja asing.

Kalau kita tengok dalam negara kita memang ramai pekerja asing sama ada melalui sistem pendatang asing tanpa izin ataupun pendatang asing dengan izin. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam perbincangan COLA tuntutan ini, adakah ia termasuk juga kepada pekerja-pekerja asing. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebutkan tadi bahawa perbincangan khusus kita tentang COLA ini belum kita adakan. Oleh sebab dalam peraturan kita tidak ada meminta secara undang-undang untuk kita melaksanakan COLA. Walau bagaimanapun terserah kepada majikan dan juga pekerja atas perundingan mereka.

Untuk makluman, saya kira ada sebuah badan. Tentang pekerja asing ini juga terserah kepada perbincangan yang boleh dilaksanakan, diadakan. Walau bagaimanapun dari segi pembayaran gaji, seperti biasa yang kita tahu bahawa kita tidak boleh membezakan antara pekerja asing dan pekerja swasta. Cuma dalam konteks COLA ini hari ini tidak ada lagi perbincangan khusus yang kita adakan.

Bagi saya sebenarnya, memang saya bersetuju. Cuma kadang-kadang dari segi pekerja atau dari segi terminologi yang kita ambil tentang COLA ini. Sebenarnya kalau kita lihat sumbangan ataupun tindakan kerajaan dalam membantu pekerja-pekerja ini cukup banyak. Walaupun bukan *direct* di bawah Kementerian Sumber Manusia, tetapi kementerian keseluruhan kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional. Umpamanya, program bantuan segera kerajaan kepada rakyat. BR1M, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, baucar buku pada anak-anak, bayaran rumah mesra rakyat yang RM3,000 ke bawah pendapatannya, tidak kira mereka pekerja swasta ataupun kerajaan, mereka layak.

Harga kosnya lebih kurang RM70,000 tetapi subsidi yang diberikan oleh kerajaan RM40,000 tak silap saya. Maknanya, cukup besar. Ini antara faedah-faedah yang diperoleh oleh rakyat kita. *[Disampuk]* Apa dia? Jadi, saya kira ini oleh sebab kita tidak sebut ia sebagai COLA. Semua ini kalau kita lihat, semuanya membantu rakyat untuk mengurangkan bebanan hidup akibat daripada kenaikan taraf hidup di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dari jawapan Yang Berhormat Menteri nampaknya *clear* bahawa kerajaan tidak akan mendengar atau mengimplementasikan COLA ini di negara ini. Itu dari jawapan Yang Berhormat.

Saya hendak tanya khususnya, adakah asas dalam permintaan COLA ini dari MTUC memandangkan kenaikan harga barang, situasi ekonomi yang terkini dan keadaan yang luar

biasa dan juga berkaitan dengan gaji minimum. Di mana RM900 itu yang diimplementasikan tahun dahulu di mana beberapa majikan tidak mengimplementasikannya, tindakan susulan diambil. Adakah analisis akan dibuat supaya gaji minimum ini walaupun dua tahun sekali yang akan diambil kira tetapi macam di Indonesia satu tahun sekali ia akan dianalisis. Apakah tindakan kerajaan dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya hendak betulkan *statement* Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya tidak mengatakan kerajaan tidak membenarkan pembayaran COLA, saya tidak sebut. Cuma kita tidak ada undang-undang untuk kita melaksanakan secara undang-undang COLA ini. Itu saya hendak betulkan. Okey, tentang gaji minimum.

Sebenarnya memang dalam peraturan kita, Majlis Perundingan Gaji Negara, telah menetapkan bahawa *revision* atau kaji semula mesti dibuat dalam tempoh dua tahun. Kita awal laksanakan gaji minimum adalah pada tahun 2013. Hari ini sudah tahun 2014 dan semalam pun dua hari, kita telah mengadakan seminar seperti mana yang disebutkan, Yang Berhormat baru masuk. Tentang bagaimana kita hendak melihat supaya pelaksanaan gaji minimum ini bukan sahaja boleh menguntungkan pekerja tetapi dalam masa yang sama tidak boleh membebankan majikan. Kita tidak hendak timbulnya rasa tidak adil antara kedua-dua ini.

Oleh sebab itulah saya berharap supaya *revision* ataupun kaji semula yang dilaksanakan ini akan dapat memberikan pulangan ataupun *findings*, hasil yang cukup baik bagi kita melaksanakan gaji minimum. Mungkin kalau keadaan mungkin baik, mungkin kita pertingkatkan ataupun sebaliknya. Saya kira itu terletaklah pada hasil daripada perundingan ataupun kaji semula yang dilakukan oleh pihak-pihak termasuklah Majlis Perundingan Gaji Negara yang melibatkan wakil pekerja, wakil majikan dan lain-lain wakil yang terdiri daripada kementerian, termasuklah pakar-pakar daripada Bank Dunia dan juga ILO. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, minta soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu hebatnya Tuan Yang di-Pertua ini, dia faham.

Yang Berhormat Menteri, sejarah COLA ini telah pun dilakukan pada tahun 1974 oleh Almarhum Tun Abdul Razak. Saranan beliau sehinggakan mengheret MAFA dan juga NUPW ke mahkamah. Membolehkan rakyat menerima habuan sara hidup diperbaiki dan juga tidak ada akta membolehkan COLA itu diwajibkan. Namun, pada Mesyuarat Agung MTUC yang lalu, meresolusikan atau mengusulkan bahawa COLA itu diminta dijadikan ia sebagai asas wajib untuk penambahan setiap pekerja. Jadi, tidak ada isu berkenaan pertindihan antara gaji minimum dengan COLA.

Ini soalan saya, soalannya ialah berbunyi begini. Apakah boleh kerajaan dalam masa proses untuk mengkaji semula konsultasi gaji minimum 2013 ini yang telah Yang Berhormat

Menteri bicarakan tadi, memasukkan COLA itu sebagai gaji minimum? Bila dia masukkan gaji minimum, maka ia dikatakan akta wajib dan tidak boleh lagi satu saranan atau cadangan.

Sebabnya ialah kerana mana-mana syarikat tidak mungkin, tidak pernah terjadi *joint consultative committee* ini bersepadu untuk mendapat kata *solid* atau kata sepakat. Tak pernah berlaku dan MEF tidak akan menyetujui cadangan MTUC kerana ini membebankan MEF, katanya. Jadi, saya cadangkan, saya minta Yang Berhormat Menteri, apakah boleh ia dimasukkan ke dalam gaji minimum, ia automatik menjadi gaji akta. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hebat! Hebat! [*Dewan riuh*]

■1020

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Ini sahabat saya. Saya kalau Yang Berhormat duduk di sini lagi sedap saya bekerja tentang bela pekerja ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya apa juga elaun tidak boleh dimasukkan dalam gaji minimum. Gaji minimum ialah gaji minimum asas. RM900 tidak boleh elaun panas, elaun sejuk dan sebagainya, tidak boleh. Sebab itulah awal tadi saya hendak sebutkan kadang-kadang dari segi terminologi Tuan Yang di-Pertua, kita panggil ia COLA. Mungkin kalau saya tukarkan katalah BR1M tadi RM600. Saya sebut ini adalah COLA tahunan, sekali setahun. Mungkin pekerja tidak akan timbulkan lagi isu ini sebab sudah sebut COLA tetapi banyak lagi benda-benda lain yang telah pun diberi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan, saya hendak baca sikit apakah elaun yang telah pun dibayar oleh majikan kepada pekerja. Saya bukan hendak bela majikan. Sebab itu kita kena ambil tindakan mana majikan-majikan yang tidak membayar gaji minimum ini Yang Berhormat Kuala Langat. Saya serius sebab saya sayang pekerja saya. Dia kerja kuat, dapat hasil, kita dapat untung, majikan pun dapat untung tetapi kena *be fair*, dengan adanya mereka. Elaun yang kita bayar, yang sektor swasta bayar, elaun kedatangan, elaun makan, elaun kerja malam, elaun lebih masa, elaun dobi, elaun pengangkutan, petrol, elaun *hardship*, elaun rajin.

Saya rajin kerja Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak bayar elaun. Elaun panas ada juga. Kalau tempat mereka yang bekerja dalam bidang-bidang yang panas, maknanya dalam petroleum dan sebagainya, mereka dibayar elaun panas. Elaun ibu tunggal, elaun taska, elaun telefon, elaun keraian dan lain-lain lagi. Maknanya banyak. Katalah saya sebagai ini saya tukar satu elaun menjadi elaun COLA.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Yang Berhormat, saya sebutkan jenis-jenis elaun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang ada itu *collective agreement*. Saya cakap tadi, yang tidak ada kesatuan, yang tidak ada perjanjian bersama. Jangan membawa benda yang jauh-jauh sampai pening kepala segera hendak memikirkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya faham Yang Berhormat Kuala Langat adalah orang yang ada pengetahuan tentang pekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau peraturan mesyuarat dilanggar, kehebatan itu akan berkurangan. *[Ketawa]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri, *confuse* saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Kuala Langat orang yang cukup berpengalaman tentang kesatuan sekerja *confuse*, saya baru lagi, saya tidak *confuse*. Kenapa harus? Saya cuma hendak memberitahu kepada Dewan kerana sebahagian kita bukan semua arif tentang perkara ini. Cuma saya tahu bahawa tidak semua majikan membayar semua elaun ini. Itu cuma saya hendak sebutkan.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: Begitu juga dalam perkhidmatan awam. Berbagai-bagai elaun dibayar, tidak semuanya sama. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit. Walau bagaimanapun, ada majikan yang membayar umpamanya...

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Hendak tolong dia.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib: ...COLA ini. COLA sektor perladangan *National Union of Plantation Workers* (NUPW), mereka ini dibayar COLA. Sebab itu kita sudah beritahu tadi, terpulung pada majikan dan juga pekerja, kesatuan dan *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, kita kementerian bersedia untuk mencari jalan untuk kebaikan pekerja.

2. **Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta Perdana Menteri menyatakan status pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan di Bandar Baru Tunjung yang dicadangkan pembinaannya sejak Rancangan Malaysia Kesembilan di Mukim Pendek, Kota Bharu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

*"Batu ditabur lima ketul,
Dikira berkali sama juga,
Sudah lamaku tidak muncul,
Hari ini kujawab tiga".*

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengemukakan permohonan bagi kelulusan pembiayaan projek pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Tunjung di Bandar Baru Tunjung, Mukim Pendek, Kota Bharu, Kelantan di bawah *rolling plan* kelima Rancangan Malaysia Kesepuluh dan permohonan tersebut sedang dalam pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi, JPM. Dalam masa yang sama, BPH juga telah menerima beberapa cadangan pembinaan di Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan oleh beberapa syarikat swasta yang berminat untuk melaksanakan projek

pembangunan ini melalui kaedah *Private Finance Initiatives* (PFI). Cadangan-cadangan tersebut sedang diperhalusi dan dalam pertimbangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya perhatikan bahawa kerjasama kerajaan negeri dengan persekutuan sangat baik dalam program-program atau projek pembinaan daripada persekutuan di Tunjung ini. Terdapat beberapa lagi perancangan pembinaan yang telah diluluskan dari sudut pengambilan tanahnya. Cuma saya ingin bertanya, apakah punca-punca yang menjadi kelewatan rancangan pembinaan yang dirangka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini masih belum dibuat dalam keadaan kerajaan negeri memberi kerjasama yang begitu baik? Seterusnya dari segi maksud Wisma Kompleks Gunasama Persekutuan dari segi kepenggunaannya, apakah maksudnya? Sekian.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kelewatan bagi sesetengah projek dan banyak juga projek yang telah dikenal pasti untuk pembangunan contohnya untuk polis, tentera, masih tidak dapat dilaksanakan di atas beberapa sebab yang tertentu berdasarkan kepada kes tiap-tiap projek. Saya tidak boleh jawab sekali gus begitu tetapi kalau ditanya khusus, saya boleh jawab bahawa projek ini terlewat kenapa dan sebagainya. Yang Berhormat, kalau boleh tanya yang itu saya boleh jawab secara bertulis. Akan tetapi secara umumnya, memang ada kelewatan untuk setengah-setengah projek kerana ada beberapa perkara yang menyebabkan tergendalanya projek tersebut.

Keduanya, ada juga projek yang pengambilan tanah itu ia lebih kepada *land bank*. Contohnya, satu projek yang telah dirancang untuk sepuluh tahun bagi sebuah hospital. Kalau sekiranya kita tidak membuat pengambilan tanah di sebelah hospital itu, ia akan menghadapi masalah bila berlaku pembesaran hospital. Sebab itu *land bank* untuk sesetengah jabatan itu difikirkan ke arah itu. Contohnya, sebuah tanah di hospital di Kangar yang telah diambil sejak tahun 1960 tetapi sekarang diguna untuk padang bola. Akan tetapi itu memang pembesaran hospital di masa akan datang.

Kemudian yang keduanya, kerjasama yang erat itu kita ucap terima kasih dan kita harap berterusan termasuk juga apabila kita hendak melaksanakan projek-projek yang menjadi keutamaan seperti tebatan banjir. Kita berharap pengambilan tanah di kerajaan negeri itu tidak dilewatkan untuk membolehkan sesetengah projek itu disegerakan. Saya minta kerjasama diteruskan dengan tidak ada niat-niat yang lain seperti tujuan melambatkannya dan sebagainya. Kalau boleh, pemikiran itu 'diselamatkan' juga dengan Selangor. Kemudian yang lain, saya telah menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya lupa sebut tentang guna sama. Gunasama ini bermakna semua Jabatan Persekutuan berada di satu bangunan ya dan juga yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini, bukan sahaja Kota Bharu tetapi Kuala Kangsar juga tidak terkecuali tentang bangunan persekutuan ini. Jadi soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sekiranya projek ini tidak ada ketentuan, maka boleh atau tidak tapak ini dipergunakan ataupun dicadangkan untuk pembangunan-pembangunan lain supaya tanah ini tidak terbiar? Saya sendiri pun ada cadangan lain tetapi oleh kerana tidak ada ketentuan itu, kita mahu tahu status dan bolehkah atau tidak kita mengunjurkan cadangan-cadangan lain untuk dimajukan? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa pendekatan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Ada yang mencadangkan PFI. Yang ini boleh dibuat cadangan supaya bangunan itu terus diadakan. Keduanya, penggantian tanah, *land swap* yang boleh dibuat dan dicadangkan kepada pihak kerajaan dan juga lain-lain lagi yang boleh kita buat cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Demikian juga di Muar. Sahabat saya di belakang ini. Ia masalahnya tidak ada tanah tetapi ada tanah pihak jabatan, kementerian lain yang sesuai untuk tujuan bangunan guna sama itu, mereka akan buat cadangan. Kerajaan terbuka sebab kerajaan ini ialah kerajaan di antara yang terbaik di dunia.

■1030

3. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah Klinik Kesihatan Duvanson Putatan dibina dan dijangka siap; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian akan menyediakan latihan dan sijil kecekapan kepada para pemberi khidmat menjaga di hospital-hospital kerajaan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan rombongan PERKEP daripada Parlimen Balik Pulau. Ada di sebelah sana. [*Tepuk*]

Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ada dua bahagian daripada soalan ini. Satu berkenaan dengan Klinik Kesihatan Duvanson Putatan. Satu lagi tentang latihan kepada kakitangan kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Klinik Kesihatan Duvanson, kementerian sememangnya menyedari keperluan sebuah klinik di kampung itu terutamanya dengan kepesatan pembangunan di Daerah Putatan.

Kementerian juga sedia maklum dengan kesesakan di klinik kesihatan berhampiran seperti Klinik Kesihatan Putatan dan juga Klinik Kesihatan Penampang, kawasan yang berhampiran. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan tersebut sebidang tanah telah pun dikenal

pasti dan sekarang ini di peringkat kajian kesesuaian tapak tersebut. Kita akan membuat permohonan kepada EPU dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Tuan Yang di-Pertua.

Bahagian kedua tentang latihan. Pihak Kementerian Kesihatan sememangnya menyediakan latihan dalam bidang masing-masing kepada semua warga kerja KKM yang terlibat di dalam memberi perkhidmatan kesihatan. Latihan-latihan yang dilaksanakan ialah latihan pra perkhidmatan dan juga latihan dalam perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita ada 33 buah institusi latihan di seluruh Malaysia yang memberikan tawaran dalam 13 bidang termasuk Diploma Kejururawatan sehingga Diploma Teknologi Pergigian dan lain-lain. Ada 13 bidang semuanya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang ringkas ke atas soalan yang saya mohon dijawab. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ingat Yang Berhormat Balik Pulau pada ketika itu menjadi Setiausaha Kementerian MOSTI. Saya juga telah berkali-kali bertanyakan soalan ini kepada bekas Menteri Kesihatan dahulu, bekas Presiden MCA telah pun juga melawat kawasan tersebut. Tapaknya juga telah dilawati, kalau saya tidak silap sebanyak dua tiga kali.

Soal kesesuaian itu memang tidak ada timbul sama sekali kerana kawasan itu memang dikelilingi oleh kampung-kampung. Tidak salah jika saya menganggarkan tidak kurang daripada 10,000 orang pengguna klinik itu terutama sekali apabila institusi pusat latihan pertanian didirikan dekat dengan tapak yang dicadangkan itu.

Oleh itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berharap kerana hal ini sudah lebih kurang 10 tahun tetapi masih lagi belum diadakan dan telah berulang kali ditanyakan oleh orang kampung, "*Mana sudah janji kamu untuk membina klinik di Kampung Duvanson ini?*"

Soalan seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai soal latihan kepada mereka yang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan ini. Pada 4 hari bulan jam kurang lebih 8.30 di HQ2 Damai, saya telah ditegah masuk hospital. Sebagai Ahli Parlimen, kadang-kadang pengundi kita mahu kita melawat pesakit-pesakit tetapi ditegah oleh sekuriti. Mungkin bukan penjawat di hospital itu tetapi dikontrakkan kepada syarikat. "*Encik, tidak boleh masuk. Ini arahan*".

Saya *introduce* mengatakan bahawa saya Ahli Parlimen. Saya mahu melawat abang saya yang sakit tenat di ICU pada 4 hari bulan. Beliau telah meninggal pada 5 hari bulan. Saya telah ditegah. Nasib baik saya berjumpa dengan seorang *nurse* tempatan Tuan Yang di-Pertua ketika di lif. "*Saya bilang tolonglah, saya minta tolonglah, saya mahu tengok abang saya.*" Selepas itu selepas setengah jam barulah saya dapat masuk.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa ini bukan kakitangan hospital tetapi sekuriti itu. Dia tidak kenal. Encik, dia panggil saya kasi kad, encik? Jadi satu lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sungguh prihatin. Kakitangan-kakitangan di hospital ini ramai sekali, doktor-doktor yang baru ramai sekali tetapi kenapa tidak kementerian selain daripada berkerumun di satu tempat di hospital, tugaskan juga mereka di luar-luar bandar, klinik-klinik luar bandar.

Dedahkan mereka masalah orang kampung. Kenapa kementerian tidak melihat ini? Banyak graduan kita yang berkerumun di sebelah. Apa *you* buat di sana? Buat kacau sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila lihat ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sememangnya kementerian sedar akan perkara ini. Akan tetapi sebab sementara waktu, keperluan memang ada. Akan tetapi buat sementara perkhidmatan diberikan melalui klinik yang dekat seperti Klinik 1Malaysia Ketiau dua kilometer, *patient load* dia lebih kurang 40 hingga 50 orang sehari. Kemudian Klinik Kesihatan (Jenis 3) Penampang. Ini yang lama dan yang baru sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap dalam tahun 2015.

Klinik lama 400 orang hingga 500 orang *per day* dan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Putatan juga ini ramai, ada 700 orang sehari. Satu lagi klinik yang dekat ialah Klinik Petagas, enam kilometer, sehari dalam tujuh lapan pesakit. Jadi keperluan memang mendesak. Kedua-dua buah klinik ini masalahnya ialah pendatang asing yang ramai. Kalau lihat *figure* memang keseluruhan kedua-dua buah Klinik Putatan dan Klinik Penampang, pada tahun 2013 jumlah pesakit yang datang 193,000 orang warganegara Malaysia dan yang bukan warganegara sebanyak 91,000 orang. Lebih setengah, hampir setengah. Jadi memang amat sesak. Oleh sebab di dalam hal ini kita cuba hendak mengagih-agihkan kerja untuk memastikan rakyat kita mendapat yang terbaik.

Berkenaan dengan HQ3 ini, Hospital Queen Elizabeth ini sekuritanya memang kerap kali digunakan oleh orang lain. Jadi tidak kenal siapa di Malaysia ini. Kebanyakan kerapnya adalah pekerja asing. Mereka tidak kenal kita. Akan tetapi apabila mereka pekerja asing tidak kenal jadi ia tidak fleksibel. Dalam ini tidak mengapalah kita buat teguran supaya apabila ada wakil-wakil seperti Ahli Parlimen atau wakil rakyat dan sebagainya diberi keistimewaan supaya dapat masuk.

Kakitangan kita memang ramai Tuan Yang di-Pertua tetapi kadarnya tidak mencukupi lagi. Di Sabah dan Sarawak contohnya belum mencukupi dan masih lagi kosong. Contohnya pegawai perubatan di Sabah masih lagi 30% tidak diisi penuh lagi. Sarawak 27% belum diisikan lagi. Begitu juga jururawat di Sabah nampaknya sudah 94% diisi. Sarawak sudah di sini 92%.

Jadi kita sedang mengagih-agihkan dan kita buat *reemployment* Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kawasan yang ramai doktor kita agihkan kepada kawasan yang belum ada doktor dan sebagainya. Dalam hal ini, Klinik 1Malaysia pun jika pesakitnya lebih daripada 100 orang, kita juga menghantar pegawai perubatan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Isu yang ada di depan kita sekarang bukan sahaja kita berhadapan dengan masalah kekurangan doktor ataupun kakitangan. Kita juga kekurangan doktor pakar terutama di hospital-hospital daerah. Apa yang saya ingin minta penjelasan kerajaan ialah berkaitan dengan menggunakan pekerja asing sebagai pengawal keselamatan di jabatan-jabatan kerajaan. Sama juga seperti disebut oleh pihak kerajaan tadi iaitu di hospital-hospital.

Jadi apakah tidak ada polisi yang ditetapkan oleh kerajaan? Pengawal-pengawal keselamatan terutamanya di jabatan-jabatan kerajaan hendaklah mempunyai satu polisi di mana kita menggunakan pengawal tempatan, rakyat tempatan. Kenapa kita harus menggunakan pendatang asing di pintu-pintu utama ini? Ini menunjukkan imej kita dan sudah tentulah jaminan keselamatan sebagaimana yang berlaku di bank yang berlakunya kematian dan sebagainya di mana kita mendapati ini menjadi salah satu punca masalah keselamatan yang berlaku di perkhidmatan kerajaan itu sendiri. Minta penjelasan.

■1040

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua saya ingat soalan ini saya hendak jawab tidak begitu tepatlah. Ini melibatkan dasar yang perlu dilihat oleh pihak lain Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 4 – Yang Berhormat Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Pasir Mas) tidak hadir]

5. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Perdana Menteri menyatakan status terkini projek pembinaan rumah PR1MA di kawasan sekitar Lembah Klang, berapa banyak unit yang telah dibina dan di mana lokasinya secara spesifik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, izinkan saya untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai dan Yang Berhormat Setiawangsa yang dijadualkan pada 31 Mac secara bersama memandangkan ianya adalah berkaitan perkara yang sama.

PR1MA menyediakan perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti khusus untuk golongan berpendapatan sederhana di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggir bandar di seluruh Malaysia. Di Lembah Klang umpamanya PR1MA mengenal pasti beberapa kawasan seperti di Kajang, Pandan Jaya, Pandan Indah, Cyberjaya, Taman Cempaka, Taman Bukit Cheras, Seri Kembangan, Alam Damai Cheras, Bukit Jalil, Setapak, Jalan Jubli Kuala Lumpur, Brickfields, Bandar Baru Sentul dan Sungai Besi.

Projek-projek ini kini berada dalam pelbagai peringkat. Ada yang di antaranya dalam peringkat analisa, perancangan serta memperoleh kelulusan daripada pihak berkaitan. Pada masa kini Projek Alam Damai di Cheras sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2017. PR1MA mengalu-alukan sekiranya terdapat sebarang cadangan pembangunan atau tanah yang sesuai untuk perumahan PR1MA. Sekiranya ada, ianya bolehlah dimaklumkan kepada PR1MA. Terima kasih.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Menteri kata ada projek masih dalam pembinaan cuma saya ingin tahu berapa unit telah siap dibina? Juga saya ingin tahu apakah kriteria utama PR1MA dalam menentukan lokasi yang sesuai terutama di kawasan Lembah Klang ini? Saya juga ingin tahu bahawa kepada mereka yang membeli rumah tetapi projeknya terbengkalai, adakah

golongan ini masih layak membuat permohonan rumah yang dibina di bawah projek PR1MA ini? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab walaupun tidak ditanya. Pertama sekali bila kerajaan memperkenalkan PR1MA pada tahun lepas kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan 80,000 unit. Sebanyak 80,000 unit ini telah siap semua sekali dari pelbagai peringkat analisa, perancangan dan sebagainya tetapi Lembaga PR1MA telah meluluskan lebih kurang tiga minggu yang lepas 80,000 unit untuk tahun lepas. Kemudian bermula pada tahun ini bermula pada Januari *insya-Allah* mesyuarat akan datang bermula untuk 80,000 yang kedua.

Jadi kalau kita bina rumah Yang Berhormat, kalau pernah terlibat sebagai pemaju swasta ataupun pernah terlibat untuk membina rumah bahawa dia ada pelbagai peringkat. Jadi sekarang ini semua sekali rumah yang telah saya sebutkan tadi berada di pelbagai peringkat. Sekarang ini kita teruskan pelaksanaan dan kita terus membuka permohonan *online*. *Online* masa saya jawab dalam tahun lepas saya jawab saya sebut *online* sudah 250,000 sekarang sudah 500,000 permohonan. Bila siap nanti kita akan membuat pemberian sebagaimana kriteria yang telah ditetapkan.

PR1MA dia bukan sahaja sebagai pelaksana tetapi PR1MA juga akan menguruskan perumahan PR1MA. Bagi mereka yang diberi oleh PR1MA tetapi telah melanggar beberapa peraturan, PR1MA akan membeli balik dan sebagainya. Jadi kehadiran PR1MA dalam masyarakat perumahan ini ialah untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat yang berpendapatan sederhana iaitu daripada RM2,500 ke RM7,500. Dia kalau kita ingat fasal BR1M jadi jangan sebut BR1M itu bukan kepada orang miskin. Ini yang PR1MA RM2,500 sampai RM7,500 ini yang masuk dalam kategori berpendapatan sederhana yang mereka boleh mendapat perumahan sebagaimana yang telah ditetapkan di pinggir-pinggir bandar. Kalau di bandar-bandar kecil mungkin di dalam bandar sendiri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri pada 12 November 2013 yang lalu Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk membina sebanyak 44,227 unit rumah PR1MA di Selangor dan 8,872 di Kuala Lumpur, 4,636 di Negeri Sembilan dan seterusnya. Persoalan saya pada ketika itu ialah dalam tempoh suku tahun keempat apakah kerajaan mampu menyiapkan 80,000 unit rumah PR1MA yang disasarkan? Pada ketika itu Yang Berhormat telah menyatakan ianya dalam proses dan akan cuba disiapkan.

Maka persoalan saya pada pagi ini ialah apakah 80,000 unit rumah itu telah benar-benar disiapkan dalam tempoh dua bulan yang terakhir pada tahun yang lalu? Keduanya saya juga dimaklumkan bahawa PR1MA bukan sahaja terlibat dalam pembinaan rumah mampu milik seperti ini tetapi telah membeli rumah-rumah daripada pemaju-pemaju yang lain untuk mencatat sasaran yang disebutkan. Apakah perkara ini benar? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua yang pertama sekali Yang Berhormat apabila kita mengumumkan jumlah tersebut dia bukan kita luluskan tahun ini 80,000

tahun ini siap. Akan tetapi yang paling penting ialah 80,000 itu diproses serta-merta pada tahun tersebut sebab apa tahun ini kita kena proses 80,000. Tidak mungkin rumah siap pada tahun yang sama. Akan tetapi yang paling penting bila rumah itu sudah *take off* sudah mula memulakan kerjanya di peringkat analisa ataupun peringkat perancangan maka kita akan masuk siri-siri yang berikutnya. Dia akan siap dalam pelbagai peringkat.

Macam di Selangor sekarang ini yang telah diluluskan ialah setelah dipersetujui oleh kerajaan negeri dan Lembaga pun telah persetujukan. Di Selangor kita ada 8,740 jadi bermakna kalau Yang Berhormat datang lepas ini pun rumah ini masih dalam proses pembinaan. Tunggu bagi saya habis ya. Kemudian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - 7,372. Johor – 11,850 dan seterusnya. Kalau ada kawan-kawan tanya di peringkat negeri-negeri kita telah mencapai matlamat pada mesyuarat *board* yang lepas kita telah luluskan sebanyak 80,494. Tahun ini lagi 80,000 kita telah mulakan kerja pada bulan Januari dan Mesyuarat Lembaga kita akan datang akan memutuskan peringkat demi peringkat sehingga kita mencapai matlamat 80,000.

Bila Lembaga telah luluskan bererti Lembaga telah mengambil kira rundingan dengan kerajaan negeri dan juga swasta. Yang Berhormat saya telah menjawab. Yang Berhormat jangan- saya tidak akan beri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekejap, sekejap nanti, nanti saya jawab. Iaitu dari pihak swasta makna kata apakah rumah terbengkalai swasta dan sebagainya. Yang Berhormat bila saya sebut swasta kalau Yang Berhormat ada soalan khusus saya boleh jawab secara bertulis. Kita berunding dengan swasta, tanah swasta dan saya tidak boleh menyebutnya bagi projek-projek secara khusus. Oleh sebab apa, ada swasta yang kita pergi berunding dan dia juga setuju bahawa projek ini PR1MA akan ambil alih dan PR1MA akan mengeluarkan modal dan sebagainya. Harga yang dijanjikan di peringkat awal itu telah jadi harga lain menyebabkan PR1MA terencat untuk meneruskan perundingan. Apakah benar ataupun tidak Yang Berhormat kena bagi khusus kepada soalan Yang Berhormat timbulkan dan saya pun jawab secara bertulis.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Singkat, singkat Yang Berhormat Gombak singkatkan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi. Singkatkan ya. Jawapan itu memang ada dalam *Hansard* saya tidak mahu Yang Berhormat Menteri ulang. Yang Berhormat Menteri sebut pada tahun yang lepas, negeri Selangor sahaja 44,000. Hari ini Yang Berhormat mengaku bahawa tidak dibina lagi sebab yang dipersetujui baru 80,000. Daripada 80,000 itu pun Yang Berhormat sebut dalam pembinaan rumah ini dia *take off* dahulu tetapi banyak projek yang *take off* terbengkalai. Jadi yang kita hendak tanya hari ini berapa yang sudah siap?

■1050

Jadi soalan saya spesifik Tuan Yang di-Pertua. Berapa unit rumah yang telah siap daripada sasaran 80,000 tahun lepas.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa adakah projek pembinaan rumah PR1MA di atas tanah yang diperoleh oleh 1MDB atau 1Malaysia Development Berhad oleh kerana baru-baru ini ada dua bidang tanah yang diberi kepada 1MDB, saya ingin tahu adakah rumah akan dibina di atas tanah ini khususnya di Jalan Sungai Besi dan juga Tun Razak Exchange atau Kuala Lumpur International Financial Centre. Jika ya berapakah rumah akan dibina, jika tidak mengapa. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, soalan agak spesifik Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi tadi untuk di Kuala Lumpur saya telah maklumkan kepada Yang Berhormat dan sekali lagi saya bagi tahu PR1MA terbuka. Yang pertama PR1MA akan bagi keutamaan dengan tanah-tanah kerajaan negeri. Yang keduanya dengan swasta. Kena ingat bahawa PR1MA terpaksa menanggung ataupun memberi 20% daripada harga pasaran iaitu diskaun 20%. Contohnya kalau rumah RM100,000 PR1MA kena bagi RM80,000 diskaun 20% kepada semua sekali perumahan PR1MA.

Diskaun 20% dan diberi kepada orang daripada pelbagai kategori. *Single*, berkahwin, ada anak dan sebagainya. Jadi semua diambil kira. Ini satu pendekatan perumahan yang luar biasa di pihak kerajaan di mana kita membinanya dengan usaha sama kerajaan dan juga pihak swasta. 1MDB kalau termasuk di bawah kerajaan bersama dengan kerajaan. Kalau sekiranya di bawah swasta bersama dengan swasta. Akan tetapi oleh kerana soalan Yang Berhormat spesifik, saya akan jawab secara bertulis.

6. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kerajaan telah menyediakan pelbagai peruntukan dan dana untuk membantu para usahawan seperti Dana Keusahawanan, Dana Industri Kecil dan Sederhana dan seumpamanya. Bolehkah pihak kerajaan nyatakan bilangan penerima dana-dana rakyat tersebut bersama kejayaan yang mereka capai.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Bermula 1 Januari 2014, ini definisi dahulu PKS didefinisikan sebagai syarikat yang memperoleh jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ataupun bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang bagi sektor pembuatan. Bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PKS didefinisikan sebagai syarikat yang memperoleh jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

MITI melalui agensinya SME Corp. Malaysia yang berperanan sebagai agensi penyelarasan pusat bagi program pembangunan PKS sentiasa menyelaras perancangan dan pelaksanaan program pembangunan PKS di bawah kelolaan 15 kementerian dan lebih 60 agensi. SME Corp.

Malaysia juga berperanan sebagai urus setia kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang merupakan badan tertinggi dalam menentukan dasar dan hala tuju PKS di negara ini. Majlis tersebut dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Sehingga ini program pembangunan PKS yang melibatkan dana ataupun peruntukan usahawan yang dilaksanakan oleh 15 kementerian dan 60 agensi yang telah memanfaatkan 885,017 program PKS. Di antara PKS yang telah mendapat manfaat dan berjaya adalah seperti berikut. Saya sebut lima sahaja oleh kerana panjang sangat. Ini kejayaan. Di antara yang telah berjaya:

- (i) Astra Simfoni Sdn. Bhd. di Selangor pembekal bateri kereta hijau;
- (ii) Sani Ekspres Sdn. Bhd. pengusaha bas ekspres;
- (iii) HIG Langkawi Holdings, Kedah pembekal peralatan dapur dan coklat serta batik;
- (iv) Faiza Marketing Sdn. Bhd. pemborong beras dan produk herba;
- (v) Millennium Substrates Sdn. Bhd. Selangor barangan LED;
- (vi) Beard Juggling Sdn. Bhd Selangor sebatian getah; dan
- (vii) Top Glove Sdn. Bhd. sarung tangan getah.

Itu di antaranya dan sebagai rekod 2013 tahun lepas 139 program yang melibatkan 431,488 PKS dengan perbelanjaan RM9.9 bilion dan 2012, 139 program yang melibatkan 433,059 program PKS dengan perbelanjaan RM7.1 bilion. Di antara program tersebut ialah Program Penerapan Inovasi, Pembangunan Modal Insan, Akses Kepada Pembiayaan, Akses Kepada Pasaran dan juga Infrastruktur. Dari segi perkembangan dengan prospek PKS 2012, KDNK yang direkodkan adalah 6% berbanding KDNK negara 5.6% dan bagi tahun lepas KDNK SME adalah 5% hingga 6% berbanding KDNK negara 4.5% hingga 5%. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah untuk mengetahui bagaimanakah kriteria asas pemilihan yang telah dibuat berdasarkan faktor yang bagaimana. Bolehkah pihak kementerian memberikan contoh terbaik kejayaan yang boleh dijadikan ikon daripada sumbangan dana-dana yang telah diberikan.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Kerian, terima kasih. Dari segi kriteria, sebenarnya semua syarikat yang dalam kategori PKS layak memohon. Tidak ada syarat-syarat yang khusus ataupun yang ketat sangat. Maknanya dalam kategori tersebut boleh memohon. Nombor dua yang berpotensi, berdaya saing, yang maju. Ini akan dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria misalnya dari segi *track record* kewangannya, dari segi pengeluarannya kerana Tuan Yang di-Pertua, ini berbeza dengan program mula *business* ataupun program penambahan pendapatan.

Apabila mereka sudah berjaya di peringkat penambahan pendapatan misalnya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ataupun di bawah agensi lain mereka ada potensi, mereka akan dinilai sebagai syarikat yang berpotensi dan layak untuk menerima bantuan ataupun apa-apa program yang disediakan oleh agensi kerajaan yang menjurus kepada PKS.

Di antara kejayaan sudah sebut di antara 10 syarikat berjaya. Kalau kita sebut ikon terlalu banyak tetapi kalau yang berasaskan kepada teknologi adalah tadi saya sebut Millennium Substrates Sdn. Bhd. Selangor yang berupaya mengeluarkan barangan LED.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan pelbagai program dan pengisian yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sejauh dan sebesar manakah pendekatan seperti ini yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui MITI untuk memastikan kelangsungan penajaan nilai keusahawanan di kalangan PKS-PKS yang terlibat dan apakah pendekatan kementerian untuk memberikan maklumat yang meluas berkenaan dengan dana-dana ini terutama kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan. Yang pertama itu saya tidak berapa *clear* tapi saya jawab yang kedua dahulu. Mungkin yang pertama kita jumpa kemudian. Yang kedua, yang melibatkan IKS di pedalaman ya? Di luar bandar. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini bahawa ada dua perkara tadi. Pertama Program Penambahan Pendapatan ataupun di kalangan mereka yang baru menceburi bidang keusahawanan sama ada dalam bidang perkhidmatan, pembuatan dan lain-lain.

■1100

Yang ini di luar daripada skop PKS, dan setelah mereka berjaya ada potensi untuk meningkat maju, barulah mereka masuk dalam skop PKS, dan tidak terhad sama ada mereka di bandar ataupun di luar bandar. Semua layak menerima dana bantuan tersebut. Dan kalau kita tengok rekod, banyak kejayaan yang telah pun dicapai oleh usahawan di luar bandar tetapi mereka terpaksa akhirnya berpindah ke kawasan yang lebih sempurna ataupun di pinggir-pinggir bandar- ertinya di luar bandar satu perkara, dan dalam bandar atau pinggir bandar satu perkara, dan semuanya ada ruang yang sangat besar untuk maju dalam skop PKS itu sendiri. Sekian, terima kasih.

7. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) apakah rasionalnya kementerian menaikkan taraf elektrik sedangkan TNB mengumumkan keuntungan sebanyak RM1.73 bilion; dan
- (b) apakah TNB tidak mempunyai cara lain untuk menambahkan pendapatan selain dari meningkatkan tarif yang membebankan dan membawa masalah sampingan yang lain.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Pendang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, semakan tarif yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 sebahagian besarnya adalah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.7 MMBtu kepada RM15.20 MMBtu.

Harga arang batu daripada USD85 se tan kepada USD87.5 se tan serta penggunaan gas asli cecair ataupun dengan izin, LNG yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68 MMBtu.

Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak 4.9 sen kilowatt/jam, ataupun 81.96% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak 4.09 sen se kilowatt/jam, atau keseluruhan iaitu pada 4.98 sen kilowatt/jam. Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos pembekalan elektrik.

Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 8% atau 0.9 sen kilowatt/jam daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap empat tahun bagi memastikan pihak utiliti memperoleh pulangan munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik berkualiti dan berdaya harap. Tidak dinafikan bahawa TNB memperoleh keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013 sebanyak RM4.12 bilion sebelum pertukaran wang asing.

Namun begitu jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM6 bilion hingga RM7 bilion. Pada masa ini, salah satu cara untuk mengurangkan kos pembekalan elektrik yang seterusnya akan mengurangkan kadar kenaikan tarif elektrik adalah melalui peningkatan prestasi kecekapan operasi TNB tanpa menjejaskan sistem daya harap pembekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Di antara langkah-langkah yang sedang dan telah dilaksanakan ialah pelaksanaan bidaan kompetitif ataupun dengan izin, *competitive bidding* dalam pemilihan pemaju loji jana kuasa baru. Untuk itu, pemaju loji jana kuasa yang menawarkan harga yang terendah di samping memenuhi kriteria-kriteria teknikal dan komersial yang telah ditetapkan akan dipilih. Ini sekali gus akan mengurangkan kos operasi TNB dalam aktiviti pembelian tenaga pada masa depan.

Keduanya, pembasmian kes-kes kecurian elektrik supaya kehilangan tenaga dalam sistem pembekalan elektrik dapat diminimumkan.

Ketiganya, pemasangan sistem *supervisory control* dan '*data securities*' dengan izin, dengan lebih meluas di seluruh negara untuk membolehkan operasi sistem pembekalan dijalankan dengan lebih efisien dan berkesan.

Keempatnya, pelaksanaan pelan menyeluruh bagi selenggaraan yang cekap dan berkesan ke atas sistem pembekalan elektrik.

Kelimanya, pelaksanaan program rombak rawat atau *refurbishment* loji-loji jana kuasa yang telah lama beroperasi bagi meningkatkan kecekapan dalam penjanaan tenaga elektrik; dan yang keenam, penentuan dana semakan kadar tarif pada masa akan datang akan menggalakkan peningkatan kecekapan tanpa menjejaskan pencapaian sasaran operasi berasaskan rangka kerja awal selia, tarif berinsentif atau pun *incentive based tariff regulation*. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Kalau hanya hendak membicarakan soal naik tarif itu soal yang paling mudah.

Tuan Yang di-Pertua, untung RM4.12 bilion, belanja RM7 bilion. Yang Berhormat- suara saya tidak berapa keluar [Ketawa] Apakah tidak dibandingkan dengan jumlah pendapatan TNB iaitu RM37.13 bilion, tolak RM7 bilion perbelanjaan, baki RM30.13 bilion. Masih banyak untuk diberikan kepada rakyat. TNB bayar 25 sen dividen. Tinggi! Soalnya apakah dividen itu boleh

dikurangkan untuk disalurkan kepada rakyat dan bonus lima bulan gaji saya diberitahu- terlalu tinggi! Apakah tidak boleh dikurangkan?

Keduanya, apakah TNB akan berunding semula dengan IPP untuk membincangkan perkara yang khusus kerana saya faham bahawa sekarang ini *power* telah berlebihan, dan TNB terpaksa menanggung pembayaran yang sia-sia ini. Jadi Yang Berhormat, kita fikirkan soal rakyat. Kita harapkan bahawa kerajaan boleh mengurangkan tarif elektrik pada masa yang akan datang.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Pendang atas perkara yang dibangkitkan.

Untuk makluman pendapatan kasar *revenue*, dengan izin, pihak TNB bagi tahun 2013 adalah kira-kira RM37.1 bilion seperti mana yang dilaporkan tetapi *floating expenses* adalah RM31.8 bilion. *So before tax is actually* kira-kira RM5 bilion atau RM6 bilion, dan *after tax* seperti mana yang saya katakan tadi RM4.12 bilion. Jadi bukanlah dalam bentuk yang disentuh tadi kerana *net after tax* sebanyak RM4.1 bilion. Daripada itu pihak TNB perlu menjalankan *capital expenditure* dalam bentuk penjanaan, dalam bentuk *transmission* dan seterusnya dari segi agihan.

Untuk tujuan tersebut, semakan yang dibenarkan oleh kerajaan dalam semakan terkini itu sekadar satu sen sahaja untuk 1 kilowatt/jam sahaja. Sebenarnya 0.9 sen kepada TNB. Itu pun semakan sekali dalam empat tahun asas tarif tersebut. Selain daripada itu empat sen itu adalah untuk mengurangkan subsidi gas, LNG dan juga *fuel-fuel* yang berkaitan.

Bahagian kedua dari segi rundingan segi dividen dan seterusnya, memang TNB ini adalah satu *public-listed company*, dengan izin, dia tertakluk kepada *scrutiny of the public* dan *shareholders*. Amaun dividen yang dibekalkan itu adalah sesuatu yang dibenarkan oleh pihak Lembaga dan *shareholders*, dengan izin dan sememangnya dia hanya boleh diluluskan kalau dia dalam kadar yang berpatutan.

Dari segi semakan rundingan semula IPP, ini adalah sesuatu tugas yang berterusan khususnya pihak kerajaan telah pun menjalankan ini.

■1110

Bagi IPP misalnya yang sudah tua tetapi masih ingin memohon untuk diteruskan ataupun bagi IPP yang perlu disemak, ini telah pun dijalankan oleh pihak kerajaan. Pada tahun yang lalu itu, tiga IPP telah pun dibaharui dengan kadar purata belian jana kuasa itu dalam kadar yang lebih murah daripada kebanyakannya sebelum tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena tunggu tua, IPP itu tua baru boleh turun kadar.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bila mahu habis dikaji ini? *Dateline* tidak terang. Lama sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru, Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini selama dua hari, Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh bercakap sudah. Sila Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya amat bersetuju dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang. Akan tetapi saya tidak berapa puas hatilah daripada jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi, Yang Berhormat Menteri ada kata sekarang buat semakan terhadap IPP. Bila hendak buat? Itu soalan.

Sekejap, jadi ini adalah persoalan rakyat sebab tadi Yang Berhormat Menteri kata sekarang kementerian akan buat *open competitive bidding* supaya turunkan kos kepada TNB. Masalah, puncanya adalah kerana kerajaan *direct negotiation* dengan IPP menyebabkan kos TNB terlalu tinggi dan terpaksa TNB bagi kepada rakyat supaya rakyat tanggung kos tersebut. Jadi, ini adalah puncanya. Kita kena jalankan kuasa kita untuk *renegotiate* dengan IPP.

Saya agak terkejut apabila baru-baru ini ada satu *new generation of IPP*, solar IPP, solar panel IPP yang baru akan dikeluarkan dan satu projek yang pertama adalah 5 megawatt yang akan *direct negotiation* dengan 1MDB.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: 50 megawatt, 50 megawatt.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: 50 megawatt yang akan *direct negotiation* dengan 1MDB. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, mengapa *we go back to the back practice* yang tidak *transparent*, tidak *open competitive bidding*. Saya hendak Yang Berhormat Menteri jawab, bolehkah solar IPP ini *open tender* supaya kepentingan rakyat dijaga. Kalau *open tender*, harganya akan lebih *competitive*, lebih rendah. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab kenapa tidak *open tender* dan adakah ia akan *diaward* kepada IPP dan tolong bagi *detail*. Jangan kita *sign* sekali lagi 20 tahun, 30 tahun dan baru kita sekarang *suffer*. Kita sekarang susah adalah kerana kesilapan kerajaan dan kerana kerajaan menjaga kroni. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian pertama soalan tersebut saya telah pun sentuh bahawa rundingan dengan IPP ini telah pun dimulakan dan masih berterusan khususnya bagi IPP yang tempoh umurnya *about expired* dengan izin. Ini adalah melalui *competitive bidding*, terbuka. Mereka *bid* berapa? Biasanya baru-baru tujuh yang telah *bidding* untuk *renewal* dan hanya tiga yang diluluskan. Ini akan terus berterusan sebagai satu yang saya katakan tadi, langkah untuk memastikan bahawa harga jualan itu adalah yang berpatutan dan berasaskan kepada fakta-fakta *financial return* yang kita boleh terima.

Dari segi sentuhan tadi mengenai dengan 1MDB, 50 megawatt. Ini adalah sesuatu perkembangan yang baru kerana sektor *renewal energy* ini adalah satu sektor yang pada sebelum ini belum diminati oleh para IPP di peringkat besar-besaran. Dari segi *renewal energy* dengan izin, ataupun tenaga yang dibaharui, di peringkat kecilan yang mana para pengusaha-pengusaha boleh mengambil peluang dalam pembekalan FIT iaitu maksimum sebelum ini pun 10 megawatt, selepas itu maksimum 5 megawatt. Sekarang ini pihak SEDA telah menetapkan maksimum 1 megawatt. Jadi, ini adalah melalui *competitive bidding* di dalam konteks *e-bidding*. Okey, yang kita sedang memperbaiki prosedur tersebut.

Akan tetapi bagi IPP yang melebihi daripada apa yang ditanggung di bawah FIT, belum banyak syarikat yang timbul. Pihak yang pertama timbul adalah pihak 1MDB dan ini masih dalam perbincangan pihak kerajaan bersama dengan pihak TNB dari segi *rate* ataupun tarif yang mereka akan peroleh. Mereka tidak akan gunakan FIT. *Straight forward bidding* dan oleh kerana ini yang pertama, belum ada yang *membid* sebelum ini dalam skala yang besar seperti tersebut, maka dia dalam proses rundingan dengan pihak TNB.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, kalau *open bidding*, saya yakin ramai akan berminat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru, ini bukan berdialog Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Semua *direct nego*, *direct nego* semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang saya kasi laluan oleh kerana isu itu penting, kita mahu dengar jawapan Yang Berhormat Menteri. Bukan berdialog. Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dalam jangka panjang jika minat industri dalam pembekalan dalam mekanisme *photovoltaic* ini, jika minta dari sudut industri begitu meningkat, begitu banyak, maka seharusnya amalan yang sedang dilakukan melalui *competitive bidding* kita akan laksanakan. Buat setakat ini, belum ada apa-apa pihak industri yang telah menawarkan misalnya 20 megawatt. Ada, tetapi mereka mahu gunakan FIT. Akan tetapi apa yang 1MDB telah cadangkan adalah *straight forward* IPP, rundingan terus dengan pihak TNB. Kita akan pastikan supaya *rate* itu, kadar itu adalah yang berpatutan sesuai dengan kadar teknologi dan kos operasi yang dijangka diperolehi oleh pihak bida. Terima kasih.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan penting. Nanti dahulu. Soalan penting, saya benarkan lagi satu soalan tambahan dan saya tawarkan kepada pihak penyokong kerajaan. Kalau tidak ada, saya beri kepada pihak sebelah. Tidak ada. Sila.

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya faham cubaan Yang Berhormat Menteri untuk pastikan kontrak-kontrak IPP selepas ini ada *competitive bidding*. Masalahnya, bulan lepas kerajaan sekali lagi menganugerahkan kontrak IPP yang besar kepada 1MDB tanpa *competitive bidding* kerana kontrak untuk projek 3B yang menggunakan tenaga arang batu itu dianugerahkan kepada 1MDB yang menawarkan harga unit elektrik paling tinggi di antara pembida-pembida. Harganya yang paling mahal pada RM25.33 sen satu kilowatt-jam. Lebih tinggi daripada sudah tentu kadar asas tarif RM21.80 sen kilowatt-jam.

Jadi sebab itu saya mohon Yang Berhormat Menteri jawab. Kalau dalam Parlimen, Yang Berhormat Pendang tanya, Yang Berhormat Bayan Baru tanya, Yang Berhormat Menteri dan kerajaan terus jawab akan bagi *competitive bidding*. Akan tetapi tidak sampai sebulan yang lepas, 19 Februari yang lepas, kontrak yang diberikan kepada 1MDB ini tidak memakai *competitive bidding* yang sudah tentu akan ada kesan kepada kadar elektrik dalam tempoh dua

atau tiga tahun akan datang. Jadi, apakah pertimbangan yang digunakan oleh kerajaan bila di dalam Parlimen dia katakan ada *competitive bidding*, tetapi yang dibuat di luar itu tidak sama?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan khusus kepada Yang Berhormat Pandan. Maklumat yang disentuh oleh Yang Berhormat Pandan tadi adalah tidak tepat dan saya memberi peluang untuk menjelaskan perkara ini. Sebenarnya program 3B itu adalah melalui *competitive bidding* dan *pre selective tender* dan selepas itu empat syarikat yang telah mengambil bahagian. Akhirnya hanya dua yang ada lawan. Satu adalah YTL-SIPP dan seterusnya pihak 1MDB.

Rate yang telah dicadangkan antara dua ini adalah pihak Konsortium YTL-SIPP RM25.12 sen *KW/hour*. *The figure you have* dengan izin, adalah tidak betul dan kedua bagi pihak 1MDB adalah RM25.33 sen. Okey, ada margin.

■1120

Akan tetapi seperti mana yang saya ingin katakan, bidaan tersebut telah diberi kepada pemenangnya iaitu 1MDB atas perkara-perkara seperti berikut. Nombor satu, sebenarnya dia tariff yang kedua terendah. Kedua, kos utama kos projek daripada segi per megawatt terendah pada RM0.406 juga per megawatt. Ketiga, kadar kecekapan teknologi jana kuasa yang tinggi iaitu pada 39.4% berasaskan *higher heating value* (HSB) bahan bakar arang batu. Yang lebih kritikal adalah pematuhan pihak *bidders* kepada syarat-syarat dan *request for proposal*. Di dalam perkara ini saya ingin jelaskan bahawa pihak YTL-SIPP telah gagal untuk memenuhi syarat seperti mana terkandung dalam *request of proposal* (RFP) yang telah menetapkan bahawa teknologi yang digunakan daripada segi *turbine* hendaklah teknologi yang teruji dan dalam *operation, proven and operation*.

Tiga kali saya sentuh dalam *request for proposal* bahawa ini hendaklah dipatuhi tetapi pihak YTL-SIPP telah mencadangkan teknologi dandang Doosan yang dicadangkan adalah untuk menjana elektrik pada suhu stim yang lebih tinggi iaitu 603/613 yang belum lagi terbukti. *Power plant* yang didevelop oleh Doosan dalam operasi, *in operation at this temperature of 603/613 degrees centigrade*. Tidak ada, *they are still building the plant at this time. We did not want*, dengan izin, Malaysia menjadi *test bed for a new technology of that size* untuk dicuba di Malaysia. Itulah sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat, alasan dan pendekatan yang telah kita lakukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Soalan tambahan hebat, jawapan pun tidak kurang hebatnya.

8. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan melaksanakan semua cadangan daripada Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Berkenaan Dengan Pilihan Raya dan juga cadangan yang dibentangkan oleh Bersih 2.0. Apakah SPR akan membersihkan daftar pemilih sebelum persempadanan kawasan pilihan raya dijalankan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 22 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2012 untuk dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor-syor tersebut telah diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikan. Justeru, daripada 22 syor yang diluluskan, lapan syor telah dilaksanakan pada atau sebelum Pilihan Raya Umum ke-13. Hanya tiga syor tidak dapat dilaksanakan oleh SPR dan agensi-agensi kerana faktor-faktor yang melibatkan hal ehwal perundangan dasar dan faktor kewangan. Namun, ia tidak bererti bahawa syor-syor tersebut tidak dapat dilaksanakan sama sekali di masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR senantiasa responsif dan menerima secara positif terhadap semua syor, kaedah dan teguran yang telah dibangkitkan baik sebelum, semasa mahupun sesudah PRU-13. Bahkan, SPR sentiasa melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan dalam pengurusan dan operasinya demi memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun ia merupakan satu proses yang memerlukan SPR merencana kaedah dengan teliti, terperinci dan tersusun.

Sebarang usaha tersebut perlu berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi negara ini. Ini kerana pelaksanaan syor-syor tersebut di samping dibuat mengikut kesesuaian teknologi terkini dan keperluan semasa, ia juga perlu menepati prinsip perundangan yang sedia ada sebelum ia dilaksanakan dengan lebih praktikal dan sistematik agar kelak ia berupaya menjadikan sistem pilihan raya negara ini yang terbaik, adil dan berwibawa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai pembersihan data pemilih sebelum persempadanan kawasan pilihan raya dijalankan. SPR sentiasa menjalankan urusan pembersihan dan pengemaskinian data pemilih sepanjang tahun. Berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Urusan pembersihan data pemilih yang dilakukan oleh SPR termasuklah memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal, nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan, nama pengundi tidak hadir yang hilang kelayakan, rekod anggota tentera juga polis yang telah menamatkan perkhidmatan, nama pengundi biasa yang menyertai perkhidmatan tentera dan polis. SPR sentiasa terbuka dan menerima pandangan semua pihak demi kebaikan negara. Namun begitu, sebarang usaha penambahbaikan perlu dipandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi negara.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah ketiga-tiga syor yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini yang tidak dilaksanakan. Kita juga amat berminat tentang persempadanan kawasan yang telah lama sepatutnya dijalankan pada pilihan raya yang

lepas tapi tidak dijalankan. Jadi, apakah cadangan persempadanan ini akan dikemukakan di Dewan ini. Juga dalam Tribunal Rakyat yang dianjurkan oleh Bersih 2.0, mereka mencadangkan adakan satu badan bebas untuk menjalankan cadangan persempadanan kawasan.

Jadi, adakah cadangan ini akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan memandangkan Yang Berhormat Menteri tadi kata kerajaan sentiasa demokratik, terbuka dengan pandangan dan juga sebagainya. Jadi, ini cadangan daripada Tribunal Rakyat, adakah ini akan diambil perhatian dan dilaksanakan. Juga kenapa sekarang kita sebagai parti politik tidak boleh mendaftar pengundi baru? Kenapakah ini dihalang sejak PRU-13?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan yang telah ditimbulkan akan saya jawab dalam masa penggulungan nanti. Oleh sebab saya nak bagi terang kepada Yang Berhormat, bagaimana persempadanan ini dibuat, dilakukan supaya Yang Berhormat boleh bagi perhatian. Kita sama-sama menyokongnya nanti, *insya-Allah* dan kalau sekiranya ada pertambahan persempadanan, 2/3 daripada Ahli Dewan kena mempersetujui.

Jadi, Yang Berhormat dengar dan faham, selepas itu kita akan bersetuju bersama. Saya akan jawab semasa penggulungan tetapi jawapan tersebut adalah bersyarat. Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan semasa saya menjawab, saya tidak akan menjawab. Jadi, Ahli-ahli Dewan yang bertanya soalan tapi mereka enggan berada di Dewan, bererti mereka tidak akan mendapat jawapan ataupun saya boleh bagi jawapan secara bertulis.

Berhubung dengan tiga syor, di antara tiga syor tersebut yang tidak dapat dilaksanakan ialah yang pertama, pengundi luar kawasan. SPR tidak dapat melaksanakan syor ini kerana ia bertentangan dengan peraturan 15, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 yang hanya membenarkan pemilih mengundi di bahagian pilihan raya di mana mereka didaftarkan. Perlembagaan juga menetapkan pemilih perlu didaftarkan di tempat mereka bermastautin. Syor yang kedua ataupun di bawah perbincangan yang dibawa dahulu, yang pertama tadi syor yang ketiga. Syor yang ke-12, bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.

SPR tidak dapat melaksanakan syor ini kerana daftar pemilih induk merupakan daftar pemilih yang telah melalui pelbagai proses undang-undang sebelum ianya diwartakan. Syor yang ke-14 iaitu yang ketiga ialah penggunaan alamat selain alamat mastautin pada kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan bahagian pilihan raya.

■1130

SPR tidak dapat melaksanakan syor ini kerana dikhuatiri ia boleh mendorong kepada berlakunya penipuan dan manipulasi oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan politik mereka. Penggunaan alamat selain alamat daripada alamat pada kad pengenalan juga mungkin mendedahkan kepada unsur-unsur penipuan yang sukar dikawal oleh SPR. Berhubung sama ada kita ini terbuka dan sebagainya, kita cukup terbuka sampai orang yang memegang jawatan wakil rakyat berhenti, kita terpaksa buat pilihan raya walaupun dia tidak sakit, tidak apa tetapi kita

terpaksa buat pilihan raya dan terpaksa membelanjakan wang rakyat untuk pilihan raya tersebut.

[Dewan riuh]

Demikianlah terbukanya walaupun peraturan Dewan meletakkan pada hari Yang di-Pertuan Agong kita kena pakai pakaian tertentu, Yang Berhormat tidak pakai pakaian tertentu pun, kami hanya tengok sahaja. Sebab apa? Kami terbuka dan sebagainya. Kalau hendak ambil terbuka lebih daripada itu, Yang Berhormat sendiri jawab apa ia terbuka.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, satu sistem pilihan raya yang adil dan berwibawa seharusnya mencerminkan konsep “1Man, 1Word, 1Value”. Di mana persempadanan antara kawasannya, sepatutnya mencerminkan prinsip utama ini supaya setiap rakyat adalah mendapat layanan yang adil di tempat undang-undang. Apakah langkah yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan persempadanan kawasan pilihan raya pada masa akan datang mencerminkan prinsip ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang asal sebelum dipinda iaitu Perlembagaan Merdeka pada waktu itu? Saya bagi contoh. Sekarang Putrajaya 9,000 pengundi, Parlimen Kapar, 120,000 orang pengundi. Di manakah “1Man, 1Word, 1Value” tidak dipraktikkan dalam negara ini.

Kedua, soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri. Dulu saya pernah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini yang mana Menteri jawab, *“Kerajaan mempunyai teknologi untuk mempraktikkan sistem pendaftaran automatik pengundi-pengundi yang mana ikut IC, terus dalam Jabatan Pendaftaran Negara boleh jadi pengundi”*. Akan tetapi masa kini, kita masih lagi pakai sistem pendaftaran primitif, tiap-tiap orang kena daftar untuk jadi pengundi dan SPR kena bayar RM3.50 untuk setiap pengundi.

Bukankah ini merupakan satu pembaziran yang boleh diijamatkan ketika hutang negara sedang menggunung ketika ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan sistem pendaftaran pengundi secara automatik, *every citizens above 21 years old is eligible to work as per their national identity card*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Sekian, terima kasih.

Dato’ Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dua persoalan yang ditimbulkan. Pertama *“1Man, 1Vote”*. Keduanya pendaftaran secara *online*. Kedua-duanya akan dijawab dalam penggulungan nanti Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat sabar.

*“Tidak lari gunung dikejar,
Hilang kabus tampaklah dia”.*

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Jabatan Perdana Menteri menjawab dan diputuskan usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 31 Mac 2014.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah semalam membawa ke perhatian Tuan Yang di-Pertua suatu cadangan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) berkaitan dengan hukuman mati terhadap 529 orang oleh Mahkamah Mesir beberapa hari yang lalu. Saya telah memohon untuk ditangguhkan dan diadakan suatu perbincangan. Tuan Yang di-Pertua dengan baik hati telah mengutus surat kepada saya dan mungkin untuk makluman semua kita perlu mendengar apa yang Tuan Yang di-Pertua sebut.

laitulah bahawa Tuan Yang di-Pertua mengatakan Malaysia mengamalkan hubungan dua hala dan prinsip tidak campur tangan terhadap urusan dalaman negara-negara lain khususnya berkaitan proses kehakiman dan perundangan. Dalam hal ini saya dimaklumkan bahawa perkara yang dibangkitkan masih lagi dalam proses perundangan dan belum dimuktamadkan. Saya ambil maklum dan terima kasih di atas jawapan Tuan Yang di-Pertua tersebut untuk menolak usul ini daripada dibincangkan di sini.

Saya sekadar ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa pendirian kerajaan kita adalah amat berbeza dengan pendirian misalnya Amerika Syarikat yang dengan izin, *“The United States department spokeswoman Marie Harf has said in “Morsi’s death sentences on the Egyptian would be unconscionable”*. Beliau juga mengatakan *“The way Egypt proceed regarding the trial and death sentences will have consequences for future American aid”*.

Begitu juga *the human rights office* kepada Bangsa-bangsa Bersatu mengatakan bahawa *“The Egyptian Court’s decision to sentence 529 members of the Muslim brotherhood to death*

contravened international law and voiced concern for the thousand of others facing the same charges". Saya menghormati dasar Wisma Putra, tetapi Wisma Putra Amerika Syarikat di Washington berani menegur, berani mengeluarkan kenyataan. Jadi saya menyeru dan berharap bahawa Wisma Putra di Malaysia ini juga ada sedikit prinsip dan teguran yang menyentuh hal ini. [Tepuk] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Perlu lagi saya respons kepada itu Yang Berhormat? Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara ini adalah suatu perkara yang perlu dibincangkan. Akan tetapi bukan dalam Peraturan Mesyuarat 18(1). Kalau Wisma Putra mempunyai pendirian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat itu, seperti pendirian *United States*, itu terpulang kepada Menteri yang berkenaan.

Akan tetapi dalam ruang lingkup Peraturan Mesyuarat 18(1), perkara sebegini tidak boleh saya benarkan untuk dibincangkan kerana kriteria-kriteria dalam Peraturan Mesyuarat 18(1) itu kita semua sedia maklum. Pertama spesifik, kedua kepentingan orang ramai, ketiga perlu disegerakan. Jadi kalau spesifik, saya setuju spesifik. Kepentingan orang ramai, terlampau *remote* Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ramai rakyat Malaysia, pelajar-pelajar kita berada di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena, kepentingan orang ramai yang saya ingat di sini ialah ramai orang-orang kita sekarang yang tinggal di negara tersebut termasuk penuntut-penuntut. Sama ada ia perlu disegerakan, saya pun berpendapat bahawa ia tidak perlu disegerakan kerana proses perundangan belum siap. Maka atas sebab itu, saya tolak dalam kamar permohonan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Akan tetapi jika Wisma Putra mempunyai kenyataan luar, itu terpulang kepada...

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, macam mana kata— minta maaf, kata "*Tidak disegerakan*"? Hukum gantung akan dikuatkuasakan. Ini Mahkamah Tentera. Tuan Yang di-Pertua kata menghormati sistem kehakiman. Sistem kehakiman tentera pun yang macam ini pun hendak hormat juga? Dan 529 nyawa pemimpin-pemimpin Gerakan Islam Ikhwanul Muslimin itu tidak menjadi pertimbangan untuk rakyat Malaysia? Saya tidak faham.

Jadi saya pohon, pertama, benarkan, izinkan ada perbincangan. Keduanya, penolakan itu jangan guna alasan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya tahu kuasa Tuan Yang di-Pertua tetapi alasan itu saya kira sangat lemah kerana umpamanya hendak minta kita sahkan sistem perundangan Mesir yang diputuskan oleh Jeneral Sisi melalui kudeta menolak pemerintahan yang sah. Kemudian, keputusan itu Tuan Yang di-Pertua, terlalu zalim, tidak masuk akal dan menghina negara dan umat Islam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa, tugas saya telah saya laksanakan. Itu sebab kenapa saya biarkan Yang Berhormat Tumpat untuk berhujah apa yang tersirat dalam hati seperti yang beliau hujah. Begitu juga saya biarkan Yang Berhormat

Permatang Pauh untuk berhujah. Akan tetapi keputusan saya itu saya rasa mempunyai asas. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu juga buat seperti usul begini, gunakan Peraturan Mesyuarat 27 yang memerlukan notis. Ada peraturan-peraturan kita yang tertentu.

■1140

Jangan paksa saya menggunakan peraturan mesyuarat yang tidak selari dengan kehendak dan apa yang dibincangkan. Itu bermakna kita sendiri memperkecilkan atau menidakkan peruntukan institusi Parlimen kita. Terima kasih. Setiausaha, sila teruskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memandangkan betapa pentingnya isu ini, saya mengharapkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen Barisan Nasional pun boleh sokong supaya ia dibahas, supaya kita boleh buat satu keputusan sebagai Dewan Rakyat Malaysia menzahirkan penolakan terhadap proses kehakiman yang zalim, yang berlaku di Mesir. Saya harap Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, Kabinet sendiri menyokong usul 18(1) yang telah dibentangkan. Ini bukan isu yang kecil Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau pun kerajaan menyokong. Yang Berhormat, kalau pun kerajaan menyokong usul begitu di bawah 18(1), tidak juga saya benarkan. Usul mesti di bawah peraturan mesyuarat yang lain iaitu Peraturan Mesyuarat 27(1).

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik. Maknanya sekarang ini kita mengharapkan Menteri Barisan Nasional membawa usul ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mintalah Menteri bawa usul macam Tuan Yang di-Pertua menolak usul saya berkaitan dengan MH370 tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh bawa usul yang berkaitan dengan MH370.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...itu sahaja saya minta kecuali kalau kita katakan, Tuan Yang di-Pertua kata bahawa ini tetap, tidak boleh campur tangan. Itu urusan mahkamah di negara orang. Takut nanti orang mempersoalkan mahkamah kita pun serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Setiausaha, teruskan.

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas.” **[26 Mac 2014]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila Menteri Jabatan Perdana Menteri.

11.42 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja 2014 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Parlimen Malaysia, Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Pemerintahan Awam, Rumah Rakyat 1Malaysia, PR1MA, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dan isu-isu am di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya akan menyebut 37 nama Ahli Yang Berhormat di sini di mana selepas ini kalau mereka tidak hadir di Parlimen, saya tidak perlu mengulas jawapan mereka ataupun saya menjawab jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapan bertulis ya. Ahli Yang Berhormat yang sekiranya mereka tidak hadir...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan. Sebelum itu, oleh kerana tadi Tuan Yang di-Pertua ada menyebut mengenai usul perkara hukum mati yang dijatuhkan oleh Mesir dan cadangan bahawa usul dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 27 tidak apa tetapi kalau daripada pihak kita tidak ada guna oleh kerana tidak akan dibincangkan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai Parlimen dalam perkara ini boleh menggunakan budi bicara supaya usul nama kerajaan dikemukakan untuk mengutuk keputusan

hukum mati kepada lebih daripada 500 orang di Mesir. Kita di Pakatan Rakyat akan beri sokongan 100%. Bolehkah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, semasa jawapan nanti, saya akan melalui proses tersebut di mana bila saya sampai ke peringkat Parlimen, kita boleh timbulkan benda ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila teruskan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bagi portfolio yang saya telah sebutkan iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Sebak Bernam, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Alor Star, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Jelutong. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Silam, mengenai penjelasan terhadap percanggahan kenyataan Ketua Pengarah ESSCOM dan Ketua Polis Negara tentang kewujudan serangan kedua di Pantai Timur Sabah khususnya di Lahad Datu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada pihak ESSCOM melalui risikan yang telah dijalankan dalam negara dan maklumat risikan yang diterima daripada agensi-agensis perisikan dari negara jiran tidak wujud cubaan serangan kedua di Pantai Timur Sabah khususnya di Lahad Datu.

Walau bagaimanapun, ESSCOM akan sentiasa memastikan tahap kesiapsiagaan semua aset pasukan keselamatan dan pertahanan sedia ada di ESSZONE berada di tahap yang tertinggi. Ini bertujuan untuk membolehkan pasukan-pasukan tersebut mengambil tindakan pantas bagi mematahkan sebarang percubaan daripada pengganas sekiranya mereka menyerang semula Pantai Timur Sabah pada masa akan datang.

Yang Berhormat Lembah Pantai, tidak hadir, jadi saya tidak menjawab. Yang Berhormat Hulu Langat tidak hadir, jadi saya tidak menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh diberikan jawapan bertulis.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bagi jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan tidak menjawab, memberi jawapan bertulis.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oleh sebab saya mengejar masa, 16 minit sudah berlalu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kuala Langat ada, Hulu Langat pun ada.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hulu Langat? *[Disampuk]* Orang Perlis jadi wakil rakyat Selangor ya? Berkenaan dengan kewajaran penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPP dan PPN adalah sebahagian daripada organisasi Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dasar dan juga program dan juga projek pembangunan negara. Pejabat ini di semua negeri dan penambahbaikan sentiasa dilakukan dalam memperkasakan lagi institusi ini selaras dengan perubahan dasar pembangunan negara menerusi Penambahbaikan Arahan No. 1, Majlis Tindakan Negara iaitu Arahan No. 1 (1931), Arahan No. 1 (1991), Arahan No. 1 (2001), Arahan No. 1 (2004), dan juga Arahan No. 1 (2010).

Yang Berhormat Tenom...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong sekejap Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk jawapan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan pejabat pembangunan negeri yang ada sekarang ini. Kita bercakap berkaitan dengan *delivery system* untuk mempercepatkan proses pembangunan khususnya di kawasan luar bandar. Di negeri Perak, saya difahamkan akan ditutup pejabat pembangunan negeri di peringkat daerah. Saya faham mungkin ada alasan-alasan tertentu dari segi perjawatan dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi keperluan, saya fikir ia perlu kita kekalkan pejabat pembangunan negeri di daerah supaya segala projek Kerajaan Persekutuan yang diturunkan melalui pejabat pembangunan negeri dapat dilaksanakan dengan begitu baik, dengan begitu cepat.

Kalau tidak ada pejabat pembangunan daerah ini, semua projek ditumpukan kepada pejabat daerah, maka lambakan kerja akan berlaku di situ kerana pejabat daerah dengan kekangan kakitangan, dengan banyaknya tanggungjawab dari segi pengurusan tanah dan sebagainya, ia akan melambatkan projek pembangunan. Jadi saya minta supaya kerajaan mempertimbangkan supaya pejabat-pejabat pembangunan di daerah ini dikekalkan.

Kalau pun keputusan bahawa tidak dikekalkan kerana masalah pentadbiran, masalah kekurangan kakitangan tetapi untuk melaksanakan projek-projek kecil di peringkat daerah,

peruntukan yang diturunkan oleh kerajaan kepada pejabat negeri saya harap terus dilaksanakan oleh pejabat pembangunan negeri. Tidak diserahkan kepada daerah kerana akan berlaku lambakan projek di pejabat daerah dan akan melambatkan kerja-kerja yang sepatutnya cepat. Kalau hendak buat jambatan 10,000 pun setahun mengambil masa, saya rasa ia tidak baik kepada rakyat. Jadi perlu ada kerana kerja dan perlu kekalkan di bawah fungsi pejabat pembangunan negeri. Terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit. Terima kasih kerana tujuannya untuk penyelarasan pembangunan daripada Kerajaan Pusat tetapi boleh tidak kementerian atau JPM memberikan salinan, apakah projek-projek yang dibuat di peringkat daerah kepada pejabat daerah kerana kita ada Majlis Mesyuarat Tindakan Daerah, maka semua orang tahu ini daripada pejabat daerah.

■1150

Saya sebenarnya hendak mengucapkan terima kasih sahaja. Kalau ada, kalau tidak ada hendak ucap terima kasih macam mana kepada sahabat saya? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kedua-dua cadangan tersebut adalah cadangan yang cukup baik. Kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. *[Ketawa]* Saya sendiri tidak mendapat maklumat bahawa pejabat pembangunan daerah akan ditutup. Saya tidak mendapat maklumat. Akan tetapi sekiranya saya dapat maklumat ditutup, maknanya kita akan tanya kenapa dia hendak tutup? Oleh sebab sekarang saya tidak dapat maklumat. Nampaknya Yang Berhormat dapat maklumat lebih awal daripada Menteri. Yang Berhormat layak jadi Menteri. Jadi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan maklumat, saya ingat tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri. Mana satu Yang Berhormat layak jadi Menteri? Hulu Langat atau Lenggong?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak, tidak, tidak. Sikit, sikit. Sikit lagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila. *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak, kalau kita Menteri kita buat keputusan kekal sahaja. Tidak Yang Berhormat, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang layak jadi Menteri ini jawapan yang pendek-pendek ya Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini bukan kerana saya dapat maklumat dahulu. Akan tetapi memang telah keluar arahan untuk ditutup. Jadi saya minta dikaji semula atas keperluan. Ini kerana hari ini projek pembangunan cukup banyak. Kalau kita lambakkan kepada agensi lain mereka pun banyak. Lambak kepada pejabat daerah, hal tanah pun tidak selesai masalahnya. Jadi, minta tolong supaya dikekalkan. Kalau tidak boleh dikekalkan pejabat, minta projek dilaksanakan juga oleh ICU, untuk mempercepatkan. Memang sudah keluar arahan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Arahan itu tidak sampai kepada saya dan saya hendak maklumkan bahawa buat sementara ini, sementara saya bercakap ini ianya masih kekal. Kalau ada perkara-perkara baru, saya pasti sudah supaya perkara ini sewajarnya tidak dibuat kerana peruntukan bagi Parlimen dan daerah telah pun ditingkatkan. Jadi masa peruntukan kecil, kita adakan pejabat berkenaan. Masa peruntukan banyak, kita tiadakan. Itu ialah sesuatu yang kurang manis. Walau bagaimanapun saya akan mendapatkan maklumat terkini mengenai perkara-perkara tersebut kepada Yang Berhormat.

Berhubung dengan sama ada patut dimaklumkan senarai projek, yang ini tiada masalah. Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tenom tidak hadir hari ini? Ya Okey. *[Disampuk]* Yang Berhormat Tenom tidak hadir, saya akan bagi jawapan bertulis sebab jawapan ini cukup penting iaitu saya maklumkan tentang senarai projek yang dilaksanakan di Tenom, jumlah projek dan juga pelaksanaan sehingga terkini. Kita mempunyai rekod untuk semua bahagian di Parlimen di Malaysia ini, pelaksanaan projek-projek. Kalau sekiranya Yang Berhormat berminat, Yang Berhormat boleh membuat pertanyaan secara bertulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya mahu tanya. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat tidak tanya soalan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya melawat Tenom, banyak itu jambatan telah pun putus...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kerana air deras dari sungai. Jadi mereka memang berharap kerajaan dapat buat balik jambatan yang tergantung itu, merentasi sungai itu. Adakah yang perbelanjaan dibelanjakan oleh Yang Berhormat Menteri itu termasuk membuat balik jambatan yang tergantung?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Saya tahu semasa Yang Berhormat berada di sana, saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat ingin bagi bantuan atau pun mengambil-berkempen, mengambil kesempatan, saya tidak pasti.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi semasa Yang Berhormat di sana, saya juga berada di sana. Semasa Yang Berhormat melawat jambatan itu, saya juga berada di jambatan tersebut. Cumanya kita berselisih tempat. Yang Berhormat, saya telah melawat tempat di situ bersama dengan Ketua Menteri dan kita melihat bahawa jambatan itu ada sedikit kerosakan. Ia agak condong sedikit dan ini memerlukan tindakan segera.

Saya telah memaklumkan kepada Ketua Menteri bahawa benda ini perlu diambil tindakan segera. Saya pasti sudah—urusan, tindakan mengenainya sedang diambil. Oleh sebab air yang begitu deras pada hari tersebut yang kalau kita lihat, kita baling batu mungkin air itu lebih laju lagi. Itulah air yang paling deras yang saya pernah tengok dalam dunia iaitu air banjir di Tenom. Sebagai kesimpulannya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri bukan satu jambatan sahaja, ada beberapa jambatan lagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tahu, saya tahulah saya pun melawat tempat mana saya pergi melawat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri tolong juga jambatan Seputeh banyak rosak. Minta tolong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Saya tanya orang kampung, di mana Yang Berhormat Seputeh pergi? Dia kata di sini. Di mana Yang Berhormat Seputeh pergi saya pergi dan saya basuh. [Ketawa] Jadi, di mana Yang Berhormat Seputeh pergi saya akan ikut di belakang dan selepas ini di mana saya pergi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri tolong jambatan di Seputeh pun banyak rosak. Dia tidak buat kerja pun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi sudah pasti saya mempunyai sedikit kelajuan dari segi pergerakan. Sebagai kesimpulannya Yang Berhormat, ICU JPM diwujudkan untuk memantau pelaksanaan dasar dan program projek pembangunan negara. Di peringkat negeri, pemantauan dibuat melalui Majlis Tindakan Negeri, Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah. Selain daripada memantau pelaksanaan program projek pembangunan, ICU juga menyelaras pelaksanaan projek-projek infrastruktur kecil dan kemudahan awam yang menumpukan kepada keperluan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Seperti pembinaan jambatan, titi, jeti, parit, longkang, *culvert*, *gabion*, jalan, masjid, surau, rumah ibadat, dewan serba guna, dewan komuniti, balai raya, pembaikan rumah termasuk juga pembekalan peralatan antaranya untuk bantuan kesihatan orang kurang upaya dan juga orang miskin.

Memandangkan perkara ini sering dibangkitkan, saya ingin menegaskan di sini bahawa permohonan projek kecil boleh dikemukakan melalui pejabat daerah, pejabat pembangunan negeri atau pun secara terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Sik...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kepong Bangun. Ya, sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut mengenai pemantauan projek-projek. Setahu saya dari pengalaman saya, pemantauan ini perlu dipertingkatkan, perlu dipertingkatkan. Di kawasan saya hampir banyak projek yang terbelang kerana pemantauan, pelantikan kontraktor dan sebagainya tidak begitu sempurna sehingga wujud macam-macam masalah. Apakah kaedah yang baru atau pun cara baru untuk mempertingkatkan kawalan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU), kita memantau melalui pelbagai kaedah dan kita laporkan kepada Majlis Tindakan Negeri, Jawatankuasa Pembangunan Negeri dan juga di peringkat daerah. Kita maklumkan kalau sekiranya ada kelewatan contohnya macam pengambilan tanah. Jabatan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek berkenaan ialah JKR sebagai contoh. Akan tetapi jabatan pelaksanaannya ialah JKR tetapi tuan punya kepada projek tersebut contohnya Jabatan Pertanian. Jadi proses itu yang berlaku dalam bilik mesyuarat itu makna kata dapat diselesaikan dengan cepat.

Contohnya bahawa apabila ditanya sama ada projek ini telah pun dilaksanakan atau bagaimana status pelaksanaan sesuatu projek, maka jabatan juga akan memberitahu bahawa ia masih di pejabat tanah dan pejabat tanah bagi tahu bahawa ia mengambil tiga bulan. Jadi pengerusi sudah pasti pada masa tersebut, Menteri-menteri Besar dia akan bertanya apakah ia boleh dibuat dalam masa sebulan? Jadi begitulah prosesnya di mana kehadiran Jawatankuasa Majlis Tindakan Negeri itu ialah untuk memantau pelaksanaan projek-projek.

Bagi negeri Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang, oleh kerana projek ini projek Persekutuan, jadi kita kena ada pegawai Persekutuan di sana untuk menyelaraskan projek-projek Persekutuan tetapi prosesnya sama. Oleh sebab itu kita bimbang kalau sekiranya projek ini tidak diselaraskan oleh pegawai-pegawai Persekutuan, ia akan menimbulkan masalah-masalah lain. Sebab apa, kita bertanggungjawab kepada semua pihak.

Jadi berhubung dengan projek di Kepong, oleh kerana soalan Yang Berhormat khusus, saya akan bagi jawapan kepada Yang Berhormat nanti. Akan tetapi secara keseluruhannya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita berada di tahap yang cukup baik. Mungkin yang tidak baik itu ketinggalan Kepong. Walau bagaimanapun saya akan dapatkan maklumat berhubung dengan perkara ini dan saya boleh jawab bertulis. Apa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pastikan semuanya okey.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bangun Yang Berhormat jangan cakap di tempat kerusi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pastikan semuanya okey.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *All right, no problem.*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh! Dahsyat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: PR1MA ya. Saranan Yang Berhormat Sik... Yang Berhormat Sik tidak datang. Maaf Sik ya. Akan tetapi walau bagaimanapun untuk Yang Berhormat dari Kedah, kita hendak maklumkan bahawa Kedah terdapat 20,000 unit rumah bakal dibina di bawah PR1MA termasuklah Sik.

Kemudian JPM. Yang Berhormat Permatang Pauh. Sekejap ada sekejap tiada, ya.

■1200

Jadi, saya teramat sangat hendak menjawab Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Jawab sahajalah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oleh sebab ia berhubung dengan audit.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sudah jawab dan ini tidak boleh disoal sebab Yang Berhormat tidak ada ya. Mengenai cadangan Yang Berhormat Permatang Pauh supaya diambil tindakan tegas terhadap mereka yang didapati bersalah atau cuai susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012, seperti mana yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013 dan 2 Disember 2013, terdapat sebanyak 378 teguran. Ia meliputi 111 ataupun 29% teguran bagi perkhidmatan awam persekutuan.

Sebanyak 38 kes ataupun 10% teguran bagi badan-badan berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri. Daripada 378 tersebut, 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan. Ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Sebanyak 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas. Tindakan diambil oleh pihak JPA, SPRM dan juga AG.

Daripada 121 kes, 25 kes telah selesai melibatkan 61 pegawai didapati bersalah, 10 pegawai didapati tidak bersalah dan 75 pegawai dalam prosiding tatatertib dan surcaj. Ringkasan pegawai dan bilangan pegawai yang dikenakan hukuman adalah seperti berikut:

Bilangan Pegawai	Jenis Hukuman
41	Surcaj
17	Amaran
1	Denda
1	Tangguh pergerakan gaji
1	Amaran dan tangguh pergerakan gaji

Baki kes sebanyak 96, 13 kes sedang dalam proses diambil tindakan tatatertib pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan. Sebanyak 53 kes tiada asas yang kukuh untuk diambil tindakan tatatertib dan 30 kes dalam tindakan SPRM, PDRM dan agensi yang lain. Dalam 30 kes yang sedang dalam tindakan, sebanyak 17 kertas siasatan telah dirujuk kepada SPRM dan juga kepada Jabatan Peguam Negara. Status kerja siasatan adalah seperti berikut.

SPRM rujuk ke Jabatan Peguam Negara. Sembilan kertas siasatan telah disyor untuk ditutup kerana tiada keterangan yang mencukupi bagi membolehkan pertuduhan jenayah di bawah mana-mana undang-undang yang dikenakan terhadap mana-mana pegawai, individu yang dinamakan dalam kertas siasatan tersebut.

Daripada sembilan kertas siasatan tersebut, lima kes dicadangkan untuk diambil tindakan tatatertib. Tujuh kertas siasatan lagi telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada SPRM untuk siasatan lanjut. Satu kes siasatan iaitu pendakwaan telah dibuat di Mahkamah Sesyen Kota Bharu terhadap seorang pesara kerajaan iaitu penghulu lantikan negeri di bawah seksyen 468 Kanun Keseksaan di bawah pemalsuan untuk tujuan menipu. Individu tersebut telah dituduh dengan 52 pertuduhan pemalsuan dokumen dengan tujuan untuk menipu. Yang Berhormat Sepang?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tidak ada.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Sik sudah ada. Yang Berhormat Menteri, Sik sudah ada.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tenom sekali lagi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Sik ada dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya pergi kepada Parlimen. Yang Berhormat Kuala Kedah Dr. Azman Ismail ada? Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Kedah mencadangkan supaya Akta Perikanan diletakkan di bawah penguasaan Jabatan Laut bukan di bawah APMM seperti sekarang kerana Jabatan Laut dilihat lebih sesuai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meletakkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai agensi tunggal penguatkuasaan maritim dan menguatkuasakan akta-akta maritim yang berlaku di zon maritim Malaysia.

Cadangan Yang Berhormat Kuala Kedah, agar meletakkan Akta Perikanan di bawah Jabatan Laut adalah tidak sesuai kerana Jabatan Laut mengeluarkan lesen-lesen di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar, *Merchant Shipping Ordinance 1952*. Di samping itu juga, Jabatan Laut tidak berkeupayaan untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan kerana tidak mempunyai aset yang bersesuaian. Mengenai kenyataan Yang Berhormat Kuala Kedah bahawa sebelum ini Akta Perikanan dikuatkuasakan oleh Jabatan Laut adalah tidak benar kerana Jabatan Laut hanya menguatkuasakan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Yang Berhormat Raub? Yang Berhormat Raub pun tidak mari. Terima kasih kepada beberapa Ahli Parlimen yang telah membangkit beberapa perkara yang menyentuh isu-isu berhubung dengan Parlimen Malaysia.

Yang Berhormat Serdang? Okey, *alright*. Mengenai cadangan supaya *Private Member Bill* diberi perhatian demi memastikan demokrasi di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang *Private* adalah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 49, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, pertimbangan terhadap rang undang-undang tersebut tertakluk kepada peraturan-peraturan mesyuarat yang lain. Kerajaan terbuka terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat di mana

cadangan ini boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Yang Berhormat Batu? Yang Berhormat Batu juga tidak hadir.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Hendak minta penjelasan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua boleh tidak?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Mengikut maklumat yang diberi kepada Menteri, saya hendak tahu sama ada di penggal sejak tahun 2008, ada mana-mana *Private Member Bill* yang telah dikemukakan ke Dewan yang mulia ini? Oleh sebab ini menunjukkan sama ada Dewan ini terbuka untuk menerima *Private Member Bill* sebagai satu amalan negara berparlimen yang demokrasi. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tidak dapat memberi jawapan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua ada rekod ya. Yang Berhormat ada rekod yang berkenaan. Lagipun dari tahun 2008 sampai tahun 2013, saya tidak berada di Dewan ini. Saya berada di Dewan ini tahun 2013. Walau bagaimanapun, pertanyaan Yang Berhormat itu saya boleh jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini perkara yang baru ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Perkara baru.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh bagi jawapan bertulis.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bertulis ya.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey terima kasih. Yang Berhormat Kapar, Yang Gelang Patah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Lumut dan juga Yang Berhormat Pokok Sena serta Yang Berhormat Seremban. Isu yang dibangkitkan berkenaan dengan saranan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan di Parlimen mengenai kehilangan MH370.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan kerajaan pada ketika isu ini ditimbulkan adalah bagi memastikan pesawat MH370 dijumpai terlebih dahulu. Ingin saya tegaskan juga segala maklumat mengenai pencarian MH370 telah dimaklumkan dalam sidang akhbar yang dikendalikan oleh Yang Berhormat pemangku Menteri Pengangkutan dari semasa ke semasa.

Selain itu juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan awal pada 24.3.2014 jam 10.00 malam di PWTC. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membentangkan satu usul Dewan Rakyat mengenai isu tersebut pada 25 Mac 2014.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Gerik.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Seremban dia berminat mengenai PMO sahaja, rumah kediaman...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Menteri tolong duduk dulu. Yang Berhormat Menteri duduk dulu.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak perlu suruh Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia hendak suruh saya duduk, saya duduk.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seremban tidak ikut peraturan itu. Kalau Yang Berhormat Menteri mengalah, barulah kita boleh berucap.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Dia sudah bagi laluan.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila. Sila. Ya. Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya minta Yang Berhormat Menteri duduk dulu supaya saya boleh mencelah. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya apakah keputusan daripada kerajaan untuk memutuskan untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan dengan MH370 yang telah pun saya bangkitkan dan juga Yang Berhormat Gelang Patah. Satu usul pun telah saya pohon kepada Tuan Yang di-Pertua. Apakah keputusan daripada kerajaan berkenaan dengan usul ini? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun pada-Tuan Yang di-Pertua akan membuat *ruling* mengenai perkara ini. Akan tetapi, saya hendak maklumkan buat masa ini, kerajaan akan bersetuju untuk menimbangkan pembentukan Suruhanjaya RCI ataupun Jawatankuasa Pilihan Khas, *Special Select Committee* untuk tujuan tersebut. Ia akan dipertimbangkan setelah kita menjumpai kota hitam, kalau tidak kita – sekarang ini dalam usaha bertungkus-lumus untuk mendapatkan kotak hitam dan juga lain-lain bukti. Sementara kita menunggu perkara tersebut, insya-Allah kerajaan akan mempertimbangkan penubuhan kedua-dua yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

■1210

Yang ini kami di peringkat kerajaan juga telah berbincang panjang lebar mengenainya oleh kerana benda yang menjadi keutamaan sekarang ini ialah mencari kotak hitam. Jadi kita elakkan pada lain-lain perbincangan, kita tumpukan kepada perkara tersebut. Ini kerana kita lihat

hasil daripada perbincangan terbuka, sudah ada agensi-agensi media daripada luar yang membuat kritikan yang kurang manis kepada negara ini, dan juga kepada orang Islam. Jadi elok lah kita tunggu sehingga penemuan kotak hitam tersebut. Jadi saya telah menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya boleh..

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ada lagi?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ada lagi sikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya sikit, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kerajaan tidak boleh menunggu sehingga kotak hitam dijumpai. Tragedi *Air France* mengambil masa dua tahun untuk menjumpai kotak hitam itu. Oleh itu sebabnya cadangan kita ialah Jawatankuasa Pilihan Khas itu perlu dibentuk serta-merta, kerana bukan sahaja apa yang di dalam kotak hitam itu yang perlu disiasat. Akan tetapi perkara-perkara lain termasuk radar, tentera dan sebagainya, mengapa DCA tidak mengambil tindakan serta-merta apabila pesawat itu hilang daripada radar, dan pelbagai isu yang telah pun dibangkitkan. Saya rasa untuk menangkis serangan-serangan daripada ataupun kritikan-kritikan daripada media-media antarabangsa, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, ataupun RCI yang sepatutnya dibentuk serta-merta, dapat menjawab persoalan-persoalan itu.

Itu sebabnya kerajaan tidak boleh menunggu sehingga kotak hitam itu - kalau kotak hitam itu tidak dijumpai, adakah kerajaan tidak akan membentuk sebarang suruhanjaya ataupun jawatankuasa untuk menyiasat perkara ini? Saya harap kerajaan menimbang semula perkara ini dan sepatutnya perlu dibentuk serta-merta. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kerajaan serius tentang perkara ini, dan kita berbincangnya boleh dikatakan sekurang-kurangnya tiap-tiap minggu selain daripada agensi yang terlibat tiap-tiap hari. Setiap minggu ini adalah semasa Mesyuarat Kabinet, yang masa Parlimen kita adakan pada hari Jumaat.

Jadi semua pandangan Yang Berhormat itu akan diambil kira tetapi buat masa ini keputusan kita ialah, setelah penemuan kotak hitam kita akan menubuhkan sama ada RCI atau pun Jawatankuasa Pilihan Parlimen.

Jadi Yang Berhormat Gelang Patah dan....

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: ...Penjelasan boleh tidak, tentang perkara ini?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Isu teknikal kita tak payah sembang ya sebab ini Menteri Pengangkutan ya?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bolehkah Yang Berhormat menyampaikan kepada Kabinet dalam perkara ini bahawa ada banyak soalan yang timbul mengenai malapetaka MH370 dalam 20 hari ini. Seperti semalam apabila Timbalan Menteri Pertahanan memberi jawapan bahawa sebab tidak ada *follow-up action*, sungguh pun ada radar yang dapati bahawa pesawat adalah patah balik oleh kerana *assumption* bahawa *control tower* ada buat arahan dan menimbul banyak soalan kenapa ini berlaku, sama ada *assumption* boleh dibuat atas perkara yang ada

bersangkut paut dengan *national security*, kenapa tidak ada periksa, ada *check*, ada *confirmation* dengan DCA, dan lain-lain? Kita tidak boleh tunggu sehingga kotak hitam dicari. Semua itu persoalan, lebih banyak persoalan yang sudah timbul, perlu kepada jawapan. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menyampaikan kepada Kabinet bahawa, perlulah satu Jawatankuasa untuk memberi jawapan itu. Untuk mendapat balik, memulihkan keyakinan orang ramai dan dunia kepada Malaysia.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. semua perkara..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekaligus?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh, boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Menteri, setujukah Yang Berhormat bahawa bukan sahaja Malaysia berusaha untuk merungkai permasalahan ini, sebanyak 26 buah negara termasuk Australia, Korea, China dan dengan kelengkapan canggih yang macam mana pun mereka gunakan, sehingga pada hari ini tetapi mereka juga masih buntu untuk membantu negara kita mengesan, mencari pelbagai objek ditemui, yang baru-baru ini 122 objek, tapi satu pun tidak ada yang berjaya diangkat. Jadi apakah lagi daya upaya kita untuk merungkai persoalan? Sebab kita ini diajukan dengan berbagai-bagai pertanyaan yang rasa saya memang tidak boleh dijawab. Mungkin kita perlu menjawab dengan fakta. Akan tetapi usaha-usaha ini sudah terbantut di situ. Negara China, Korea, Australia pun masih tidak berjaya.

Jadi pada saya sebetulnya apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini adalah yang terbaik. Sebab kita tidak akan memberi jawapan yang tidak munasabah untuk memenuhi inspirasi atau tuntutan... [Disampuk] Mana-mana pihak. Sedangkan ianya tidak sah seperti di ketengahkan oleh pembangkang, oleh Yang Berhormat Gelang Patah. Pada saya ini harus guna akal fikiran yang waras iaitu kita harus menggunakan kebijaksanaan....

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua apa itu Yang Berhormat sebut? Apa yang saya- apa teori yang...?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *This is-* ini, ini...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Dia itu *wild assumption*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini hak saya.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bersangka jahat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, tidak ada hak untuk bercakap, ini hak saya.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Saya cabar apa saya sebut yang tidak wajar, apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tidak boleh, ini tidak berhas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah dulu... [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bersangka jahat... [Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kata, gunakan pemikiran yang waras untuk mengetengahkan pertanyaan. Pertanyaan yang mustahil untuk kerajaan jawab, bagaimana untuk menjawab?... [Disampuk] [Dewan riu] Kotak hitam kita tidak ditemui. Macam mana kotak hitam hendak ditemui kalau ada sesuatu benda yang sudah berpuluh-puluh negara mencari kotak hitam, tidak pun dapat dicari, apa macam hendak dicakapkan?

Jadi saya rasa kerajaan, pendirian harus tegas bahawa kita tidak akan memberi jawapan yang bodoh kepada persoalan-persoalan yang tidak rasional... [Dewan riu] Tidak masuk akal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, tambahan, tambahan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat..

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bersetuju..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Gombak bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bahawa bila kerajaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab dulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Bagi pandangan bahawa Jawatankuasa ini akan ditubuhkan selepas penemuan kotak hitam. Pertama semasa operasi di Laut China Selatan dan juga di Selat Melaka, Malaysia jadi ketua. Sekarang ini, bila kita membuat pencarian di Selatan Lautan Hindi, Australia yang menjadi koordinator, yang menjadi penyelarasnya.

Jadi apa pun kita bincang di sini, kita tidak boleh selesai masalah kerana 26 buah negara sedang bertungkus-lumus untuk mencari kotak itu. Kalau kita termasuk ada kapal selam sama, atau pun apa-apa, pergi menyertai jadi 27, jadi cantiklah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau boleh saya cadangkan Ahli Parlimen kita semua ini, kita ikut pergi Selatan Lautan Hindi bersama-sama...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Untuk menyaksikan macam mana mereka mencari. Saya pun menawarkan dirilah. Yang Berhormat Gelang Patah sama-samalah kita, Yang Berhormat Ipoh Barat pun...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ipoh Barat- takut!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Marilah sama-sama kita ke sana, ikut...

Seorang Ahli: ...Bohong punyalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ikut peraturan ya. Ada dua Menteri yang bangun iaitu Yang Berhormat Ketereh dengan Yang Berhormat Gombak.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang mana?... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mikrofon.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri guna mikrofon, guna mikrofon.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tugas saya adalah di peringkat penubuhan RCI atau pun Jawatankuasa Pilihan Khas tetapi kalau timbul soal-soal teknikal, ia akan menimbulkan masalah sebab itu bukan bidang kuasa saya. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memaklumkan bahawa ini telah pun diputuskan bahawa penubuhan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa yang RCI nak bincang kotak hitam pun tidak jumpa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita akan buat selepas...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa yang dibuat, buang duit rakyat saja.

Seorang Ahli: Nantilah dulu

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sabar Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Menteri tengah jawab ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Buang duit rakyat, kalau jumpa kotak hitam boleh tubuh RCI. Selagi tidak jumpa, *no RCI*... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Buat apa takut, kenapa takut RCI?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Ketereh sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Buang duit rakyat... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia takut RCI ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain senyap ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju kalau saya katakan dalam kerajaan mengendalikan kes yang sebegini unik dan *unprecedented*, dengan mengambil kira tekanan, tentunya akan datang daripada pelbagai pihak untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan juga sudah tentu ada pihak-pihak yang juga ingin mengambil kesempatan bagi kepentingan-kepentingan mereka sendiri terutamanya dalam cuba menunjukkan kelemahan kerajaan dan sebagainya. Dalam keadaan yang begitu mencabar, setujukah Yang Berhormat Menteri kalau saya katakan bahawasanya kerajaan telah

menguruskan perkara ini dengan begitu tertib dan teratur sekali walaupun sudah tentu tidak dapat memenuhi kehendak semua orang.

■1220

Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju, sebagai contoh seorang Ahli Parlimen di sini telah menyatakan dengan mengambil contoh bila malapetaka menimpa *Egyptian Airlines*, Egypt Air, kononnya sebaik sahaja imej hilang daripada radar *within minutes* SAR terus dilancarkan. Ini sebagai satu contoh bagaimana *statement simplistic* yang telah dibuat dalam Dewan ini.

Cuba kita bayangkan dalam kes yang kita berlaku ini, kalau *within minutes* terus hendak gerakkan kapal terbang tanpa ke mana tempat hendak pergi kerana kehilangan pesawat ini berlaku dalam keadaan yang seperti mana yang kita sedia maklum ataupun terus *within minutes* kita datang buat *statement* dalam Parlimen tanpa kita menyemak apa sebenarnya yang berlaku, keseluruhan kredibiliti kerajaan akan jadi bahan ketawa bila Inmarsat mengeluarkan kenyataan bahawasanya pesawat hilang di satu tempat lain sama sekali daripada tempat yang kita jangka.

Oleh kerana kesabaran kerajaan menunggu, menganalisis, menyemak dengan menggunakan pelbagai sumber sehingga ke saat ini, kerajaan dan pasukan yang mengendalikan kes ini termasuk Perdana Menteri dan juga pemangku Menteri Kewangan dilihat sebagai cukup berwibawa dalam menguruskan kes ini kerana kesabaran dan ketertiban kita dalam melaksanakan tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gombak bangun.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya setuju.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Gombak, ada lagikah? Kira penghabisan sebab MH370 ini lebih kepada penubuhan RCI dan juga Jawatankuasa Pilihan Khas, *Special Select Committee*...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang bagi tadi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita beri keputusan selepas jumpa kotak hitam, kita tubuh. Kita akan pertimbangkan penubuhan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri. Pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi ialah dalam menangani tragedi seperti ini sudah tentulah pelbagai pihak khususnya keluarga, penumpang dan juga krew yang terlibat menuntut maklumat yang lebih dalam menangani masalah ini.

Oleh sebab itu, cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang patah dan juga Yang Berhormat Seremban sebentar tadi bukan tertumpu kepada soal kotak hitam sahaja.

Akan tetapi tragedi MH370 ini melibatkan banyak isu besar, khususnya keselamatan negara. Antara lain, bagaimana pihak luar boleh menggunakan pasport palsu membolosi lapangan terbang KLIA. Ini juga boleh kita bincangkan dan bahaskan dalam jawatankuasa yang dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat Gelang Patah dan juga Yang Berhormat Seremban.

Bukan soal kotak hitam sahaja. Bagaimana pasport palsu boleh membolosi pihak imigresen di lapangan terbang kita? Sudah tentulah ini akan menjejaskan keselamatan negara dan kedaulatan negara dan juga menjejaskan masa depan pelancong asing yang ingin masuk ke dalam negara kita. Mengapa pihak kerajaan takut untuk membentuk RCI ini ataupun jawatankuasa *Select Committee* bagi membincangkan perkara ini secara menyeluruh demi kepentingan rakyat Malaysia.

Kalau rakyat Malaysia hendak masuk Sarawak pun dihalang, tetapi orang asing menggunakan pasport palsu boleh bolos negara kita, ini satu perkara yang serius. Rakyat sendiri dihalang masuk negara sendiri. Akan tetapi orang asing yang menggunakan pasport palsu, mencuri, merompak dan menjadi penjenayah, dengan mudah membolosi lapangan terbang kita. Ini yang hendak kita bincangkan secara menyeluruh. Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri kena tegas dalam perkara ini. Hendak tunggu kotak hitam, seperti yang berlaku dalam tragedi Air France mengambil masa dua tahun. Itu pun kalau jumpa.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kalau tidak jumpa kotak hitam?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apakah tidak perlu ada satu jawatankuasa untuk meneliti perkara-perkara yang telah dibincangkan. Kalau tidak ada jawatankuasa, hendak guna apa? Hendak guna bomoh?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hendak bawa buah kelapa?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua Yang Berhormat, tiga yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Satu ayat, satu ayat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Biar saya jawab. Ini kira habis sudah. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Sedikit mengenai— soalan tidak habis lagi mengenai kotak hitam.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nanti, nanti. Saya hendak jawab yang ini dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Sama. Sikit, sikit. *[Dewan riuh]* Sekali gus, sekali gus.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nanti, nanti saya jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Nanti, okey.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang penting sekarang ini...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Macam mana hendak tubuh RCI...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...lalah Yang Berhormat...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sebelum tubuh RCI perangai pun macam ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, betul. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, pemangku Menteri Pengangkutan telah jawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Balik hendak jampi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain diam. Yang Berhormat Menteri hendak beri penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Semua sekali persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Gombak tetapi malangnya Yang Berhormat Gombak tidak hadir malam itu. Jadi Yang Berhormat Gombak tidak tahu. Dia sudah jawab habis.

Seorang ahli: Betul.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Semua persoalan fasal MH370 telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dengan begitu baik dan tidak ada persoalan lagi. Jadi Yang Berhormat bangkitkan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada soalan yang saya dikemukakan dia tidak jawab.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini bukan cari jam Omega. Ini kotak hitam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada soalan yang saya kemukakan Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tanya apa yang dilakukan di antara pukul 1.30 pagi sampai 5.30 pagi? *[Dewan riuh]* Dia tidak jawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Ketereh sekejap. Yang Berhormat Menteri, saya ingatkan kita ada peraturan. Kalau Menteri beri laluan, saya mempersilakan, baru boleh berucap untuk mendapatkan penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam mana pakai peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan pun sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia melanggar peraturan punya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan pun sama.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pemangku Menteri Pengangkutan telah jawab. Malam itu bila dijawab okey, semua *alright*. Semua saya tengok berjabat tangan, sudah puas hati. [*Dewan riuh*] Jadi, *alright*. Kecuali Yang Berhormat Shah Alam adalah salah seorang pelanggar peraturan yang cukup dahsyat di Parlimen. [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Melanggar peraturan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Syak wasangka buruk ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Panggil Yang Berhormat Lenggong boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia bangun, dia tidak ada brek. Kalau dia bawa kereta macam ini cukup bahaya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia *vroom* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia tidak dapat kebenaran. Saya telah perhati...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tengok *video* Yang Berhormat Shah Alam daripada dulu sampai sekarang hebat...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jawab soalan, jawab soalan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia bangun dia bercakap. Sekarang ini saya hendak bangun, saya hendak bercakap. Habis cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mendapatkan kepastian sedikit.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Shah Alam tidak dapat jalan pun Yang Berhormat Menteri layan. Saya yang minta jalan baik-baik, *you* tidak layan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Menteri tidak pernah tidak layan Barisan Nasional.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini yang masalah dia. Layan sama-samalah. Biar adil Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta lepas Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Menteri beri laluan kepada saya. [*Dewan riuh*] Tidak payah saya hendak rempuh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Minggu lepas pergi kursus dengan PAS Kelantan, PAS Kelantan baik sahaja. PAS Shah Alam sahaja yang macam itu. Dia seorang sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong duduk dulu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri, kalau mengikut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Gombak, bagi Yang Berhormat Gombak andaiannya kalau masa kini kita tidak jawab soalan ataupun kerajaan belum menjawab tentang penubuhan RCI dan sebagainya, maka andaiannya adalah kerajaan takut.

Bila dia sebutkan tentang kononnya rakyat negara sendiri tidak boleh masuk ke Sarawak, pada dia adalah kerajaan zalim. Padahal dia tahu apabila Sarawak dan Sabah masuk ke Malaysia, ada perkara-perkara yang tertentu yang telah dipersetujui dan sekarang ini perlu dilaksanakan dalam soal imigresen. Dia mengambilkan contoh-contoh tidak relevan dengan tujuan untuk *discriminate* kerajaan. Jadi kalau dalam situasi yang macam ini...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tengoklah semangat perlembagaan itu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Cadangan penubuhan jawatankuasa ini bukan ke arah hendak membantu menyelesaikan masalah. Mereka cuma ingin mengambil kesempatan untuk bagi kepentingan mereka. [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ini sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, duduk dulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itu sangkaan jahat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Duduk dulu, tidak habis lagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya secara khusus minta penjelasan bagaimana menggunakan pasport palsu boleh masuk...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri. Saya minta Yang Berhormat Gombak duduk dulu. Ini *floor* saya. Yang Berhormat Menteri bagi jalan kepada saya. Dia sibuk lobi jadi Menteri Besar...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Menggunakan kad pengenalan tidak boleh masuk. Itu persoalan saya. Jadi gunakan RCI dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kapar pun sama. Yang Berhormat Ketereh belum habis lagi. Yang Berhormat Menteri. Ya, sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tadi yang menjadi persoalannya kepada kita Yang Berhormat Menteri, dalam kerajaan berhempas-pulas untuk

memastikan tragedi yang *unprecedented* ini yang disaksikan oleh seluruh dunia, urusan MH370 bukan lagi hanya urusan Malaysia, malah masyarakat dunia melakukan segala-gala yang boleh bagi mereka.

Mereka semua mengakui, kalau kita tengok dalam siaran-siaran di televisyen, apabila stesen televisyen dunia merujuk kepada pelbagai jenis pakar untuk mendapatkan pandangan, kita akan memahami betapa kompleksnya perkara ini. Semuanya mengakui bahawasanya ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk ditangani. Akan tetapi kita tengok dalam Dewan ini, segala-galanya dilihat sebagai mudah diambil oleh pihak pembangkang, sedangkan mereka sendiri bukan pun ada kepakaran dan pengetahuan dalam soal ini. [*Dewan riuh*] Semata-mata bagi kepentingan mereka. Kalaulah jawatankuasa atau *Royal Commission* melayan karakter-karakter seperti ini, urusan ini bukan urusan...

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: ...Kepentingan pembangkang. Ini adalah urusan kepentingan rakyat dan masyarakat dunia. Bukannya kepentingan pembangkang di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Setuju.

■1230

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Setuju. Saya masukkan persoalan itu dalam jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mendapat laluan?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri....

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan dakwaan mengenai Jemaah Menteri gagal mengikut *10 point solutions*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *10 point solutions* merupakan perkara yang diadakan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Secara berterusan dan kerajaan tidak pernah meletakkan tarikh tamat bagi perkara ini. Sehubungan dengan itu tidak timbul isu di mana kerajaan tidak mematumhinya kerana ia merupakan proses yang berpanjangan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk membolehkan saya mengejar masa setengah jam lagi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak perlu kejar masa, seminit sahaja...
[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta seminit sahaja. Kalau berani, minta seminit sahaja... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua- Yang Berhormat jangan *mislead the House*. Oleh kerana dia kata bahawa semua jawapan mengenai MH370, ada dijawab. Yang Berhormat Menteri pun mengakui, ada soalan-soalan yang perlu dapat jawapan. Bukan semua jawapan mengenai malapetaka MH370 ada dijawab. Macam apa yang saya sebut tadi mengenai- mengapa pesawat itu patah balik, itu tidak di*follow-up*, tidak bergantung sama ada...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli Yang Berhormat yang lain duduk. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: ...Kita dapat kotak hitam atau tidak. Sebab itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: ...Jangan mengelirukan Dewan ini. Ada 1001 *questions* yang tunggu jawapan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Lagi satu Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Kerana kita tahu bahawa sekarang ini sudah melibatkan peringkat antarabangsa. Australia yang mengetuai pencarian sekarang. Jadi, kalau kita bagi apa pandangan sekalipun, perkara yang paling penting sekarang ini adalah mencari kotak hitam tersebut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Di Australia, Parlimen boleh bincang, di Malaysia hendak bincang tidak boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya bagi kepada...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berilah laluan. Jangan bagi pada BN sahaja. Beri laluan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tengok itu, tengok itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan sudah lama ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Bulldozer* pun ada brek.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh bagi saya Menteri?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, yang lain duduk dahulu. Duduk dahulu Yang Berhormat Kinabatangan. Duduk dahulu. Pelawat ada di kiri, kanan kita.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pelawat tengok Yang Berhormat Menteri tidak berani... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Pada Barisan Nasional. Tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, saya kata duduk. Duduk dahulu Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri hendak teruskan jawapan, beri laluan tidak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya hendak teruskan jawapan. Selepas itu mereka boleh tanya soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh bagi?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi peluang saya jawab habis sedikit lagi dalam masa 15 minit. Lepas itu tanyalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh bagi sekejap?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh saya jawab dahulu? Saya jawab dahulu Bung, selepas itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Pembangkang, dan juga kawan-kawan, saya akan bagi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pelawat sedang tengok, Menteri bagi, tidak bagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pelawat juga tengok Yang Berhormat Shah Alam bangun ikut suka hati dia. Seolah-olah bukan bermesyuarat di Parlimen.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sebab tidak diberi laluan. Cubalah beri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia mesti bangun minta laluan, kalau tidak beri laluan, duduk. Akan tetapi semasa Yang Berhormat minta, saya kena duduk. Jadi, apabila saya terus berdiri, bererti saya tidak bagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu yang pelawat nampak, Menteri tidak bagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bila hendak duduk Yang Berhormat Menteri? Duduklah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana hendak ikut peraturan? Menteri tidak bagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Soalan ini soalan penting.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bagilah seminit, Yang Berhormat Ketereh dok berapa minit bantai Yang Berhormat Shah Alam. Beri Yang Berhormat Shah Alam 1 minit untuk jawab.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bagi tahu Yang Berhormat, sebagai satu contoh kata, Yang Berhormat berani ataupun tidak. Yang Berhormat melintas kawasan pilihan raya kecil di Kajang. Saya tengok Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apa ini jawab soalanlah. Ini tidak ada kena mengenalah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa yang kena mengena? Ini kapal terbang, bukan Kajang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya panggil Yang Berhormat untuk selamatkan Yang Berhormat daripada diharu-birukan oleh orang tetapi Yang Berhormat takut hendak beralih, menunjukkan Yang Berhormat seorang penakut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa ini, merapu apa ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri merapu apa, Yang Berhormat Menteri? Tuan Yang di-Pertua, orang cakap kapal terbang. Siapa buang masa?... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya kata, "Balik!" tetapi dia tidak pandang, saya hendak selamatkan dia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak perasan. Orang ramai semua datang bersalaman dengan saya. Mana hendak perasan Menteri Barisan Nasional yang tengah sembunyi kat belakang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Masalah peribadi letak kat luar. Sekarang kapal terbang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Kapar, semalam Kementerian Luar Bandar bercakap, Yang Berhormat tanya pasal bomba. Yang Berhormat juga mengigau.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, ya. Yang lain duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Gelang Patah- mengenai Jemaah Menteri masih gagal mengikut *10 point solutions*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *10 point solutions* merupakan perkara yang tidak diadakan secara berterusan dan kerajaan tidak pernah meletakkan tarikh tamat bagi perkara ini. Sehubungan dengan itu, tidak timbul isu di mana kerajaan tidak mematuhi kerana ianya merupakan proses yang berpanjangan.

Yang Berhormat Gelang Patah juga menimbulkan persoalan tentang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan. P. Waythamoorthy yang dikaitkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memenuhi janji-janji yang dibuat dalam MoU antara BN dengan Hindraf sebelum PRU-13. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum di dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Setiap kaum mendapat pertimbangan dan keadilan yang sewajarnya dalam pembangunan negara. Tidak timbul isu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memenuhi perjanjian yang telah disebutkan...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bagi contoh.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan mengenai perkara ini. Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekejap, sekejap. Belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya akan bagi pada Yang Berhormat Gelang Patah cakap, biar saya habiskan semua sebab saya ada masalah teknik...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Dalam perkara ini pendek sahaja. Kita boleh sambung sampai *midnight*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bagi contoh.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: TEKUN telah memberikan sejumlah RM34.5 juta bagi membantu peniaga India...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri tengah jawab. Duduk Yang Berhormat Gelang Patah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Di antara tahun 2008 hingga 2011.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pada tahun 2012, TEKUN menyalurkan RM30 juta lagi, sementara 2013 RM50 juta. Amanah Ikhtiar Malaysia...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tidak dengar, tidak dengar. Tidak ada orang yang tahu apa Yang Berhormat Menteri baca.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Telah menyalurkan pinjaman sejumlah RM47.5 juta kepada 7,774 orang India.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan, penjelasan okey, penjelasan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak boleh lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Mengenai tajuk itu. Sebelum kita alih kepada tajuk yang lain.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Itu *Parliamentary practice*. Mana ada keluar daripada isu itu. Isu itu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan, Yang Berhormat Menteri kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menganiaya tidak menganiaya mana-mana kaum. Akan tetapi sebenarnya dalam perkara ini di mana Tuan. P. Waythamoorthy sudah *resign*. Kenapa dia dilantik? Dia dilantik kerana MoU Hindraf bahawa ada spesifik isu yang akan dikotakan tetapi kerana tidak dikotakan, Tuan. P. Waythamoorthy sudah *resign*. Ini sangat jelas. Kenapa tidak ada satu penjelasan, kenyataan dibuat di Dewan ini kenapa Kerajaan Barisan Nasional menganiaya kaum India sehingga Tuan. P. Waythamoorthy perlu meletakkan jawatan sebagai Timbalan Menteri. Itu sangat jelas. Apa sebabnya dia *resign*?... [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini nyanyuk ni!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat orang lama. Saya hormat orang lama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana ada kerajaan menganiaya orang India?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya ada bagi tahu bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Yang lebih tahu tentang urusan kerajaan dengan orang India, kerajaan lebih tahu. Yang Berhormat nampaknya lebih tahu daripada saya.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Kenapa Waythamoorthy *resign* sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia telah dimaklumkan...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Adakah berkata benar bahawa oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional sudah menganiayai kaum India?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat Gelang Patah sudah sedia, saya cadangkan Yang Berhormat Gombak letak jawatan dan suruh Waythamoorthy tanding lagi, bagi *chance*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Bayan Baru, mengenai pelantikan...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Yang Berhormat Menteri begitulah, dia setuju ada menganiayai kaum India.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan adalah menyentuh kelakuan Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oleh itu Peraturan Mesyuarat 36(8), peraturan, peraturan mesyuarat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dewan Rakyat yang peruntukan seperti berikut terpakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri hendak bagi laluanah tidak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak bagi...
[Dewan riuh]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja, perkara yang sudah bangkit itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kelakuan atau sikap Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau Raja-Raja Melayu, atau Tuan-Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua– Yang di-Pertua Negeri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak bagi, tidak bagi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kenapa?... Yang Berhormat kata dia akan jawab? Bagi jawapan bertulislah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Beri jawapan bertulis sahajalah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *MoU is a failure.*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Atau hakim-hakim...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri macam baca warta berita ni.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli majlis pasukan bersenjata atau mana-mana suruhanjaya jawatankuasa kerajaan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baca warta beritakah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya atau sesiapa jua Ketua Negara atau negeri yang bersahabat dengan Malaysia....

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Beri jawapan bertulislah, fotostat petang ni.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim:Tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud tersebut. Oleh yang demikian, sekiranya Ahli-ahli Mesyuarat berhasrat untuk membangkitkan isu berhubung dengan kelakuan...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Adakah Tuan Yang di-Pertua tahu apa yang Yang Berhormat cakap? Tuan Yang di-Pertua pun tidak tahu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Yang di-Pertua Dewan Negeri Sarawak,...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri tidak faham.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Sesuatu usul bagi maksud disebut hendaklah dikeluarkan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia baca sahaja, dia pun tidak faham apa yang dia baca.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan. Kita pun tidak tahu apa yang Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Penampang, berhubung dengan Yang Berhormat Penampang, ada tidak?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, belum lagi. Ini soalan saya. Saya hendak tanya soalan.

■1240

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak, tidak. Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Penampang. Berkenaan tidak ada keputusan. Ini dengar ini, RCI.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini mandatori soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kalau kita bising, macam mana kita hendak faham, hendak tahu apa Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya soalan. *You* jawab soalan saya. Yang Berhormat Menteri, apa ini bohong sahaja Menteri. Yang Berhormat Menteri, *where is the accountability?*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Penampang berkenaan dengan tidak ada sebarang keputusan mengenai Suruhanjaya Siasatan Diraja Pemandang Asing di Sabah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, *where is your accountability?*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Yang Berhormat, tauliah Suruhanjaya siasatan ini berakhir pada 21 Mac 2014 yang lalu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Tan Sri Taib Mahmud.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Namun begitu, Suruhanjaya ini telah pun diperkenankan mengadakan tauliah bermula dari 22 Mac 2014 sehingga 21 Mei 2014 bagi mengemaskinikan lagi laporan siasatan sebelum ia dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lebih baik suruh Yang Berhormat Menteri ini pergi Studio RTM. Beritahu kepada... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya sokong, saya sokong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini hang kata apa, hang kata apa tadi?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri kata saya- datang bawa kereta main rempuh sahaja. Nampak gaya dia pun bawa kereta main rempuh sahaja *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya diberi masa sampai jam 1. Jadi biar saya baca, lepas ini Ahli Yang Berhormat boleh tanya soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ya, ya, sedikit, sedikit. Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Siapa boleh- siapa cakap fasal peribadi, kata macam-macam, saya lepuk kepala *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tolong jawab soalan Yang Berhormat, tolong jawab soalan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tarik balik.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]* Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa punya Yang Berhormat Menteri 'perongoih' macam ini? *[Ketawa]* Apa Yang Berhormat Menteri 'perongoih' macam ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa ini? *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya menjawab... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan, penjelasan. Mengenai Sabah, Sabah.

Seorang Ahli: Yang Berhormat, buat lawakkah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, Menteri..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat samseng dalam Parlimen buat apa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Awak samseng. Bukan saya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Kita kawan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Awak panggil saya, awaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk, duduk, duduk. Cukuplah, cukup... *[Mengetuk meja]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, apa standard ini? Macam sekolahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup Yang Berhormat Gombak, cukup. Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Gelang Patah, dan semua duduklah, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, duduk. Yang Berhormat Menteri, saya tanya sekali lagi, beri laluan tidak?

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Dia kata hendak jawab....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan. Peraturan Mesyuarat 37, kalau Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan, kita tidak boleh.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun].*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Alah! *You* diamlah. Yang Berhormat Kinabatangan duduk, duduk, duduk. Balik kampung tunjuk macam itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu saya cadangkan supaya dia pergi studio RTM.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Kenapa? Tolong berdiri, berani, berani.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Cakap seorang-seorang.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Bekas Menteri dahulu. Kenapa Yang Berhormat Menteri takut. Yang Berhormat jangan takut.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak takut. Bagi saya baca dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan mengenai tadi apa yang awak sebut.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak. Saya baca semua, habis, saya bagi sekejap sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Tidak boleh. Ini tidak boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *We have time, we have time.* Yang Berhormat Gelang Patah...

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Sabah, mengenai Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Menteri hendak jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Kita ada Menteri yang tidak takut. Jaga Parlimen tetapi takut untuk menghadapi Ahli-ahli Parlimen. Apa ini? Ini kali yang pertama dalam sejarah Parlimen kenapa Yang Berhormat Menteri takut memberi penjelasan. Beri jalan. Tidak bagi jalan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menghadapi masalah, sebab apa, saya tengah jawab benda yang penting.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Ya, ini kali yang pertama Yang Berhormat Menteri yang jaga tanggungjawab Parlimen takut Ahli-ahli Parlimen. Kenapa? [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia bukan takut, banyak masalah. Bagi dia tengah jawab. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [*Bangun*]. Orang kampung!

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Gelang Patah duduklah, duduklah. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri telah berulang kali. Yang Berhormat Menteri hendak memberikan jawapan dan selepas itu dia bagi peluang untuk Yang Berhormat bertanya.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Okey, satu kita ada 15 minit. Okey, satu Tuan Yang di-Pertua telah setuju 15 minit kita ada.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua bagi *chance* 1 jam 15 minit supaya bagi dia tanya soalan. Jangan sebut penakut. Tidak ada takut punya kaki ini. Awak yang penakut. Beranilah. Jangan ingat baru ada sokongan sedikit awak berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Menteri, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana ada takut punya, panglima mana boleh takut. Berani macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat saya ada kuasa. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kalaulah Yang Berhormat lain tidak berminat hendak mendengar jawapan sila beri jawapan bertulis saya persilakan Yang Berhormat Menteri yang lain.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sila Yang Berhormat Menteri duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Pokok Sena mulut jaga sedikit ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan mesyuarat mana ini Yang Berhormat Gombak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh tamatlah 'kot'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, peraturan mana?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya akan bagi Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Gombak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila duduk dahulu Yang Berhormat peraturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebut dahulu Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat yang mana?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana satu?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya minta dia tarik balik 'letup' kepala. Ini bahasa apa ini?... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Suruh tarik balik, suruh tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri..

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya menyebut "lepuh", lepuh...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: "Lepuk" kepala, tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak duduk, duduk. Yang Berhormat Menteri sekejap. Saya dengar Yang Berhormat Menteri jawab begitu akan tetapi tidak menunjukan sesiapa.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kepada semua Ahli Parlimen.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia tujukan kepada siapa? Kepada Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Dia tuju kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan kena lepuh *[Ketawa]*

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Atau lepuh sendiri. Yang Berhormat Menteri. lepuh sendiri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya menjawab soalan Yang Berhormat Pokok Sena. Dia orang Kedah, saya orang Perlis. "Lepuk" ini bahasa bersebang-sembang, berbahaslah saya jawab balik. Betul tidak Yang Berhormat Pokok Sena? Tolong beritahu kepada Azmin.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(4).

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak apa saya terima. Sebab bahasa Kedah-Perlis okey tidak apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena sudah terima.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bahasa Kedah-Perlis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bahasa Kedah-Perlis tidak ada apa-apa. Akan tetapi Yang Berhormat dengan Selangor bahasa dia lain [*Ketawa*] Antara Perlis dengan Selangor lain, Perlis dan Kedah bahasa sama.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Itu saya tidak boleh. Saya cakap bahasa ini untuk jawab Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Saya jawab Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Peraturan Mesyuarat 36(4), Peraturan Mesyuarat 36(4)..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya tahu, saya tahu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bahasa yang tidak sopan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan Rakyat amat memalukan... [*Dewan riuh*] Minta dia tarik balik.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Gelang Patah kata kita "penakut".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey yang lain duduk, yang lain duduk. Yang Berhormat Menteri sekejap, sekejap. Duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya bercakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri duduk, duduk. Yang lain duduk. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Sandakan duduk. Saya sudah dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dia tujukan perkataan tersebut kepada Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Pokok Sena bangun dan dia menerima kerana itu bahasa Utara yang tidak keras. Saya dengar Yang Berhormat Pokok Sena ada.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena panggil...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Pokok Sena..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ketika Tuan Yang di-Pertua bercakap Ahli Yang Berhormat lain tolong diam. Duduklah. Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Kapar duduk. Duduk, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya kata bahasa Yang Berhormat Menteri dengan saya serupa. Loghat Perlis, loghat Kedah. Akan tetapi loghat Yang Berhormat Menteri dengan Selangor, saya tidak tahu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itu bahasa yang tidak sopan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu bahasa loklak, macam Yang Berhormat Menteri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kena tarik balik.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya hendak sebut bahawa bahasa Yang Berhormat Menteri itu bahasa loklak, bahasa orang Utara, Betul tidak? Betul kan?... Itu biasalah orang Utara depa ini bahasa lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pokok Sena ,jelaskan kepada Yang Berhormat Gombaklah, Yang Berhormat Gombak dari *Singapore*. Memang payah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, saya tidak kisah sebab saya tahulah Yang Berhormat Menteri dari Perlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya, saya, Yang Berhormat Baling duduk, Yang Berhormat Baling...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Pokok Sena panggil saya "bahlul" hari itu. Tarik balik!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bahasa Yang Berhormat Pokok Sena ini bahasa loklak. Jadi kita beritahu...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. "Bahlul" itulah bahasa Kedah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hari itu punya cerita mahu bawa hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat Kapar. Saya tahu, saya dapat baca.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Yang Berhormat,..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, saya tahu Yang Berhormat lain tidak berminat hendak mendengar jawapan sebenarnya. Hendak main-mainkan masa, hendak lengah-lengahkan masa sehingga pukul 1.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kena adil.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak adil, Tuan Yang di-Pertua. Tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya cadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya belum habis lagi. Yang Berhormat Gombak, saya belum habis bercakap Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat, yang lain duduk. Saya tengah bercakap mengenai peraturan ini Yang Berhormat Gombak. Saya hendak layan Yang Berhormat Gombak dahulu. Saya bertanya Yang Berhormat Menteri perkataan "ketuk" kepala...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan "ketuk" tapi "lepuk".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, "lepuh".
Perkataan "lepuh, Yang Berhormat Menteri tujukan kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak kepada yang lain dan Yang Berhormat Pokok Sena menerima itu perkara biasa, gurauan. Saya tanya sekali lagi Yang Berhormat Menteri tujukan kepada Yang Berhormat lain ke tidak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak. Okey.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak berani. Tariklah balik... *[Dewan riu]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kalau macam itu cakaplah di luar, jangan di sini. Apa cakap di sini? Masalah peribadi jangan bawa ke sini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua keluarkan kenyataan yang saya tidak boleh terima bahawa semua Ahli Yang Berhormat ini tidak hendak dengar jawapan dan sengaja hendak bermain-main. Kita bukan nak main-main tetapi bila tiba soal...

■1250

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam, Shah Alam duduk, duduk... *[Dewan riu]* Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Dewan riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bila tiba soalan tambahan, dia tak beri laluan. Itu masalah dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, okey.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat duduk dahulu Yang Berhormat, duduk, duduk.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudah tak ada orang nak bergaduh, bergaduh dengan Speaker pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak bergaduh dengan Speaker, saya hanya menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita tak berpuas hati kerana Yang Berhormat Menteri tidak membenarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya faham Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pas Kelantan bukan macam Yang Berhormat Shah Alam ini, teruk betul perangai dia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Selepas dia memberi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah, cukup. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Kinabatangan duduk, duduk, duduk. Macam mana kalau kita duduk diam mendengar jawapan Menteri, kita ikut peraturan baru kita berminat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tunggu dulu, saya belum habis lagi Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cukuplah. Yang Berhormat Shah Alam ini tak faham, bagi dia rehat lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong pun sama, duduk *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau berdegil-degil lagi, saya tidak teragak-agak guna peraturan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebenarnya saya hendak beri peluang Tuan Yang di-Pertua untuk bertanyakan soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Maka saya sebut tajuk ya. Pertama, kalau sekiranya Yang Berhormat ada kemusykilan terutamanya Yang Berhormat yang baru muncul di Parlimen ini, mereka hendak tanya soalan. Contohnya macam Yang Berhormat Lanang dan juga yang lain-lain lagi... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Biaslah, mengata, menggatal... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan juga...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana ini Tuan Yang di-Pertua? Jawapan Menteri macam ini?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Adakah boleh main pilih-pilih? Sudah orang bangun nak tanya, berilah jawab kepada semua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nanti kejap, ini adalah mengenai banjir. Ini bukan banjir di Shah Alam, ini di Lanang. Lanang dan juga Bintulu serta...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, laluan, laluan...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Serta Kuantan. Yang Berhormat Kuantan dah mari dah?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tak mari, tak mari.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Di sana Bintulu..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong ada isu lain ini hari. Duduk, duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Mari ya. Jadi, Yang Berhormat Gerik mari.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi Yang Berhormat Gerik mari. Jadi saya akan-oleh sebab berhubung dengan Yang Berhormat Gerik, saya akan bagi jawapan bertulis. Kemudian Yang Berhormat Kuantan juga saya akan bagi jawapan bertulis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Akan tetapi berhubung dengan Yang Berhormat Lanang. Untuk maklumat Yang Berhormat, pengajian wang ehsan bagi Daerah Kuantan melibatkan dua fasa iaitu pembayaran kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sandakan dengan Yang Berhormat Lenggong, duduklah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan juga ke pusat perpindahan..

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya hendak bagi...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Dan juga pembayaran kepada mangsa yang tidak berpindah atau pun tercicir.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau Lenggong bangun, Yang Berhormat Shah Alam pun bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Agihan kepada mangsa yang berpindah ke pusat perpindahan dilaksanakan berdasarkan senarai yang telah dikeluarkan oleh JKM. Manakala agihan kepada mangsa yang tidak berpindah ke pusat perpindahan akan mengguna pakai senarai yang disediakan oleh JKKK selepas mendapat pengesahan daripada pegawai daerah. Dalam pengagihan wang Ehsan, pihak MKN selaku urus setia perlu mematuhi tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan walaupun Kerajaan Pusat berhasrat untuk memberi bantuan dalam masa yang secepat mungkin, namun kelewatan pembayaran boleh berlaku sekiranya maklumat-maklumat mangsa yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak mendapat pengesahan pegawai daerah.

Pada kebiasaannya, mangsa-mangsa yang berpindah ke pusat-pusat pemindahan akan memperoleh bantuan lebih awal kerana senarai nama mereka telah sedia dan teratur. Sehingga

kini kerajaan telah melaksanakan agihan wang ehsan kepada 14,379 ketua rumah di Kuantan pada 11 dan juga 13 Februari yang lalu. Manakala bagi maksud bencana yang berlaku di Bintulu, agihan bantuan wang ehsan sebanyak RM500 telah disalurkan kepada 610 keluarga isi rumah pada 14 Mac.

Pemberian wang ehsan mangsa banjir di Lanang telah dibuat pada 26 Februari 2014 di Dewan Suarah Sibu. Mengikut rekod seramai 249 ketua isi rumah telah menerima bantuan wang ehsan. Agihan tersebut adalah berdasarkan kepada senarai nama penerima yang disediakan oleh pejabat daerah dan juga Pejabat Residen Bahagian Sibu. Perlu dimaklumkan juga bahawa bantuan wang ehsan ini merupakan bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan dalam meringankan beban mangsa banjir. Namun ia bukanlah merupakan barang pampasan ke atas kerugian yang telah dihadapi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Batu Sapi. Yang Berhormat Batu Sapi tidak datang, Yang Berhormat Paya Besar? Yang Berhormat Paya Besar tidak datang. Kita hendak habiskan cepat untuk memberi laluan kepada mulut-mulut yang bercakap tadi. Walaupun kerajaan... *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Inilah masalah bahasa tak sopan ini Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Walaupun...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik! 36(4)!... *[Dewan riuh]*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ini...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Gombak...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apa ini? Asyik-asyik macam itu bahasa. Bahasa *you* lagi teruk.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Gombak, cakap ikut mulutlah. Pakai mulutlah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini Ahli Yang Berhormat. Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri, saya tak dengar apa perkataan Yang Berhormat Menteri sebut?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya kata mulut-mulut yang bercakap. Bukan tangan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tak bolehlah, hormatlah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Bahasa itu!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kita tak boleh panggil kamu, kita tak boleh panggil awak sebagai Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Mana boleh cakap mulut-mulut. Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hormat, macam mana Yang Berhormat Menteri tak hormat Dewan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mulut Yang Berhormat Gombak itu manis dan suaranya merdu. Seronok didengar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Mulut tidak payah main kata.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi, kalau dia garang macam singa macam ini, orang tak suka dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup, cukup.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Speaker pun suka dengar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Beginilah Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Daripada itu, saya sebut, saya kata suara-suara...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya menjawab perbahasan daripada Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, saya akan bagi sekejap lagi. Yang Berhormat Gombak, saya akan bagi.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tarik balik dulu sebelum menjawab!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya kata mulut-mulut yang bercakap! Hendak tarik buat apa? Takkan tangan bercakap! Mulut bercakap...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Aah, jangan loyar buruklah! Dalam Mesyuarat UMNO Bahagian Arau bolehlah begini. Ini Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini sangkaan jahat. Memang UMNO teruklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hormatlah Dewan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat jadi hebat pun asalnya UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini macam ini pun boleh jadi Menterikah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Macam ini kah calon Timbalan Presiden PKR?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tinggal... Yang Berhormat Shah Alam dah bangun.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tinggal UMNO kerana UMNO sudah jadi teruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukup Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Sila tumpukan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tak boleh, dia kena tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Memang dia ini loklak sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup, cukup.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia kena tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya kata tak payah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, sila...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tarik balik!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hang sapa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hang sapa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hang sapa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hang sapa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hang sapa?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hang sapa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hang samseng Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hang samseng Gombak!

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Hang Jebat, Hang Tuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, saya baru perasan patut siapa yang duduk atas ini cepat darah panas ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Walaupun kerajaan melalui MKN telah menyediakan pelbagai mekanisme untuk menguruskan bencana, kita hendak maklumkan bahawa di peringkat negeri, ia dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan dan di peringkat daerah dipengerusikan oleh pejabat daerah. Kemudian SPR, SPR seperti Yang Berhormat ingin saya maklumkan tentang proses SPR, yang ini penting saya sebutkan. Hak yang lain saya akan jawab secara bertulis iaitu tentang proses persempadanan semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tarik balik "hang sapa."

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat Menteri, cukup. Cukuplah...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jawab dululah soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, Gombak, Gombak, kita sambung, “Hang sapa, hang sapa?”, tu kat luar, cukuplah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: “Hang” tu bahasa kasar. Panggil Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Masa minum sapa nak- cukuplah!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hang sapa...?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hang sapa nak suruh aku tarik?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Hang sapa?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Hang sapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: UMNO Arau kecil sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Gombak!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Negeri pun kecil sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat cukup Yang Berhormat. Cukup, cukup, cukup! Terus jawapan, terus.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya minta Yang Berhormat dari- sapa tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua minit sahaja Yang Berhormat Menteri untuk SPR.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Negeri kecil, berlagak besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Eh, belakang siapa besar?... *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itulah telinga tak dengar, pekak!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Belakang, belakang jangan sebut ya!... *[Dewan riuh]*
[Ketawa]

Kalau saya tak kisah tadi- Yang Berhormat jangan sebut belakang-belakang besar, tak boleh oh!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini macam bomohlah, bomoh lawak!
[Ketawa]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini, ini Azmin.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mana boleh sebut nama? Ha, itulah! Mana boleh sebut nama? Tak tahu peraturan!... *[Dewan riuh]* *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini, jangan perasan sangat!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tak, jangan sebut nama! Ikut peraturan!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan panggil 'hang' ikut peraturan!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jangan panggil "ketuk kepala" ikut peraturan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan panggil "hang", ikut peraturan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jangan sebut "ketuk kepala"! *[Ketawa]*
[Dewan riuh] Speaker masa habis, berhenti!

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, ini ialah untuk proses syarat- tidak dia tarik balik. Tarik balik! Tarik balik! Awak, awak, ini PKR itu lebih pelawak! Hendak dengar cerita PKR pelawak? *[Ketawa]* Raja lawak!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kata nak jawab SPR, SPR, SPR.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: PKR!

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: SPR! Bukan PKR!... *[Dewan riuh][Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, sebagai akhirnya, saya ingin memaklumkan bahawa proses persempadanan semula ini akan melibatkan perkara-perkara seperti berikut. Saya rasa Yang Berhormat Gelang Patah lebih berminat tentang perkara ini, begitu juga Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Gombak tidak berminat. Jalan-jalan keluarnya ada ya?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Itulah, dia mengacau saya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Persiapan awal pelantikan dua orang pegawai dari Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia secara rasmi untuk membantu SPR sepanjang pelaksanaan urusan kajian semula persempadanan.

Kedua, SPR akan memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Kerajaan dan dalam masa yang sama SPR akan menyiarkan warta dalam sekurang-kurangnya sebuah akhbar bermula pada tarikh itu ataupun pada esoknya, bermula tarikh pengkajian persempadanan yang akan dimulakan oleh JKR. Bermula pada tarikh tersebut..

Seorang Ahli: JKR?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: SPR!... *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* ...SPR selama dua tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian pameran...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pukul 1...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta teruskan sikit ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, tak ada kuasa saya hendak sambung pukul 1. Jadi saya nasihatkan Yang Berhormat Menteri jawapan bertulis. Selepas ini pukul 2.30 petang, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penjelasan, penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Daripada Jerai.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri ya?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kuasa untuk menangguhkan 15 minit.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan setuju?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ada kuasa untuk Yang Berhormat boleh tanya saya, 15 minit.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: Masa 15 minit ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]: ...Kuasa Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua ada kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa 15 minit selepas pukul 5.30 petang, pukul 1 tidak ada kuasa.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ada, 15 minit!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini kita sambung Yang Berhormat daripada Jerai.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita boleh sambung menggantikan masa yang telah kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis ya. Ya, Yang Berhormat, kita tempohkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang yang disambung oleh Yang Berhormat Menteri daripada Jerai. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri asyik selamat oleh sebab masa sahaja.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee] *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sudah habis Yang Berhormat?

2.32 ptg.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dalam masa 10 minit saya kena terangkan juga bahawa bila disebut penubuhan RCI dan juga Jawatankuasa *Select Committee*

tadi yang selepas penemuan kotak hitam, kita bukan hendak tubuh dua-dua ya. Kita sebut kerajaan akan mempertimbangkan penubuhan salah satu daripada cadangan tersebut iaitu sama ada RCI ataupun Jawatankuasa *Select Committee*. *Either one* ya, bukan tubuh dua-dua. Kalau dua-dua sudah- kalau kita ada *Select Committee*, tidak perlu tubuh RCI.

Kalau kita RCI kita tidak perlu *Select Committee*. Jadi bukan kita hendak tubuhkan dua-dua. Surat khabar- ada media yang telah *quoted* tadi yang menyebutkan bahawa kononnya kerajaannya bersetuju untuk menubuhkan dua-dua. Tidak. Saya harap Malaysia Insider perbetulkan kenyataannya bahawa saya menyebut bahawa kerajaan akan mempertimbangkan penubuhan sama ada RCI ataupun *Select Committee*. Kita akan pertimbangkan yang itu selepas pertemuan kotak hitam.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak minta sedikit sahaja. Bagi keadilan sikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ha macam inilah kita hendak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Seorang, seorang Yang Berhormat ya. Sudah makan sudah okey tadi kan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tadi kita sudah panjang cakap. Cuma kami faham apa yang dibahaskan sepanjang tadi itu, kalau tidak jumpa kotak hitam macam mana, satu?

Kedua, isu dia bukan sahaja kotak hitam Yang Berhormat Arau, tapi adalah juga kita berbincang tentang isu keselamatan, pembolosan pagar keselamatan dan isu-isu kepentingan lain yang mungkin keluarga mangsa perlu penjelasan. Jadi kalau kita hadkan Tuan Yang di-Pertua waktu jumpa kotak hitam, baru kita hendak buat. Kita tidak kisah lah RCI kah, *Parliamentary Select Committee* walaupun kami selesa *Select Committee* sebab dia akan melibatkan Parlimen secara lebih telus.

Akan tetapi soalnya kalau kita meletakkan syarat untuk menubuhkan jawatankuasa ini dengan syarat jumpa kotak hitam, kami kurang setuju. Kami minta kerajaan, pihak Yang Berhormat Menteri yang akan mengusulkan benda ini. Jangan hadkan dengan penemuan kotak itu walaupun penemuan kotak hitam itu ada manfaatnya tetapi sebelum itu perlu ada satu Jawatankuasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, sudah jelas Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Yang boleh bagi isu-isu keselamatan, pembolosan, macam mana kesan dari segi hubungan dengan China, dengan kuasa-kuasa besar. Saya minta yang itu supaya dipertimbangkan dengan penuh rasa rendah diri supaya jangan bagi hadkan. Jumpa kotak hitam baru hendak buat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kerajaan memantaunya sepanjang masa, sudah pasti perbincangan juga sepanjang masa dan laporan juga sepanjang masa. Malah

laporan Parlimen ini saya sampaikan boleh katakan tiap-tiap minggu kepada Kabinet tentang perjalanan Dewan Rakyat dan isu-isu yang ditimbulkan. Jadi perkara ini juga akan ditimbulkan tetapi buat masa sekarang keputusan kerajaan ialah penubuhan RCI ataupun *Select Committee* akan dibuat selepas penemuan kotak hitam. Akan tetapi semua yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu, akan dipertimbangkan dan banyak perkara telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan dan juga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Fasal pasport semalam, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah jawab dengan *detail* dan semua Ahli Parlimen berpuas hati. Berhubung dengan MH370 dengan izin, telah pun dijawab oleh Pemangku Menteri Pengangkutan dan semuanya berpuas hati. Akan tetapi hari ini saya rasa benda-benda yang ditimbulkan telah pun dijawab dan tugas saya yang utama ialah sama ada bila kita akan bentuk RCI ataupun *Select Committee*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Selepas itu saya akan ubah, penghabisannya, bagi penghabisan, selepas itu saya pergi kepada tajuk yang saya akan bawa. Oleh kerana Yang Berhormat Kuantan baru mari, saya sudah berjanji tadi hendak jawab secara bertulis tapi kalau Yang Berhormat rasa kot-kot ada sanubari asma ramah hendak sampaikan sekejap lagi tetapi saya bagi kawan saya dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa keputusan kerajaan untuk mengehadkan perkara ini kepada *black box* saja dan berkata bahawa soalan-soalan yang lain sudah pun dijawab dalam Dewan ini merupakan satu jawapan yang tidak munasabah, ia tidak wajar kerana ini merupakan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kepada Ahli Parlimen dalam jangka masa yang singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia kementerian lain Yang Berhormat. Dia kata bahawa Kementerian Pengangkutan, Tentera, ATM sudah jawab.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Oleh sebab itu tidak perlu RCI buat pertimbangan mengenai isu melainkan isu *black box*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak, tidak, tidak. *You are wrong there.* Dia kata selepas ditemui *black box*, dia bukan *confine*... *[Disampuk]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Adalah, saya ada, saya duduk sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sudah bincang pagi tadi Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *You* tanya Menteri saya duduk sini. Ada jumpa sama Yang Berhormat Menteri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan itu Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Biar Yang Berhormat Menteri jawab, mungkin saya salah faham. Saya minta penjelasan. Saya minta penjelasan so mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat okey. Penubuhan RCI ataupun *Select Committee*, salah satu itu akan ditimbang selepas penemuan kotak hitam. Akan tetapi apa Yang Berhormat telah timbulkan terutamanya kawan-kawan daripada *heavy weight* tadi timbulkan semua telah dijawab Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan juga Yang Berhormat Pemangku Menteri Pengangkutan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bukan, bukan. Saya bukan tanya soalan...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan. Jadi sekarang ini yang *light weight* ini...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri salah faham, Yang Berhormat Menteri salah faham. Saya hendak tanya sekali lagi, kasi habis.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *ery good.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh? *Let me finish.*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dua minit lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Dua minit panjang Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *I'm asking very nicely, very nicely okey.* Yang saya kata perkara yang perlu dipertimbangkan oleh RCI dan juga *Select Committee*. Mana-manalah, mana-mana *whichever one the government chooses cannot be restricted*, tidak boleh dihadkan kepada perkara *black box* saja ataupun bila *black box* dijumpai. Perlu merangkumi semua perkara yang terlibat dalam kehilangan pesawat MH370. Kalau tidak kerajaan akan dilihat pada orang ramai bukan saja rakyat Malaysia sahaja. Orang ramai seluruh dunia bahawa ada perkara yang hendak dikemas, hendak ditanamkan dan tidak dapat dibangkit dalam satu *investigation* yang terbuka, sama ada oleh *Parliamentary Select Committee* ataupun *Royal Commission of Inquiry*. So saya minta, saya menyeru seperti rakan saya dengan secara rendah diri minta supaya kerajaan tubuhkan satu RCI yang mempunyai skop yang lebih besar daripada *black box* saja. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, semua maklumat berhubung dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan sampaikan kepada Kabinet. Sebenarnya kalau saya jawab pun benda ini tidak habis. Ia akan berterusan. Jadi terima kasih di atas semua ucapan Ahli Yang Berhormat dan akhir sekali Yang Berhormat, ya?

■1440

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat Sandakan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Boleh tak selepas saya habiskan ini? Saya ada dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Sabar ya.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya *just give me*. Saya mahu meminta penjelasan sedikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, tentang RCI juga Tuan Yang di-Pertua, RCI Sabah. Jadi saya dengar Yang Berhormat Menteri ada sebut laporan RCI akan tunda lagi sampai Mei baru beri? Jadi saya ingin dapatkan satu tarikh yang tetap sebab RCI ini laporan sudah tunda *date* empat kali. Selepas itu sampai 21 Mac ini yang terakhir tetapi tunggu lagi. Ini sudah empat kali tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini perkara lain Yang Berhormat. Bukan MH.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, tadi semasa saya jawab RCI tadi saya telah diganggu dengan begitu teruk apabila saya baca, dalam *Hansard* esok keluar. Cuba tengok dalam *Hansard* tentang RCI. Jadi Yang Berhormat, mereka minta sambung. Sebenarnya laporan telah pun boleh dikatakan siap. Jadi mungkin mereka hendak *polish*, dengan izin, sebelum dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jadi termasuk saya sudah beritahu tentang tempoh yang mereka minta. Saya telah maklumkan tarikhnya tadi. Malangnya gangguan ini menyebabkan kawan-kawan yang lain tidak dapat peluang untuk mendapat maklumat berhubung perkara yang telah mereka timbulkan. Jadi pada pandangan saya Ahli-ahli Parlimen yang berpengalaman patut bagi keadilan kepada Ahli-ahli Parlimen yang baru. Mereka juga ada rakyat yang mereka wakili. Apabila mereka bercakap, mereka hendak Menteri jawab.

Akan tetapi apabila kita tidak membenarkan Menteri jawab apa yang mereka telah timbulkan, jadi akhirnya akan timbul masalah. Yang Berhormat banyak telah timbulkan dan saya terpaksa menjawab banyak kepada Yang Berhormat. Akan tetapi malangnya gangguan kecil tadi menyebabkan saya tidak dapat menjawab dan *insya-Allah* saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat Sandakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya Akhir sekali Yang Berhormat, RCI tadi telah jawab. Yang Berhormat sabar kerana telah saya jawab. Tengok *Hansard tomorrow, sorry Monday* dan *Tuesday* saya tengah aturkan supaya Ahli-ahli Parlimen pembangkang berjumpa dengan pihak kerajaan bagi mendapat maklumat seterusnya berhubung dengan MH370 kecuali Yang Berhormat Gelang Patah yang tidak dapat hadir. Ahli-ahli Yang Berhormat lain saya dengar cerita hampir semua boleh hadir. Kita hadir hari Selasa malam untuk mendengar.

Dahulu Yang Berhormat kata cuma Ahli Parlimen Barisan Nasional. Kita terbuka kepada semua Ahli Yang Berhormat. Tidak ada yang perlu disembunyikan dan Yang Berhormat Pemangku Menteri Pengangkutan akan terangkan secara terperinci berhubung dengan apa yang menimbulkan syak wasangka Ahli-ahli Yang Berhormat. Semalam saya tengok TV...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat saya tengok TV berhubung dengan penerangan daripada Ketua Pengarah Aeroangkasa berhubung dengan cara perjalanan satelit. Saya cukup seronok dan berpuas hati cara penerangan tersebut. Beliau menyebutkan bahawa sistem yang digunakan adalah yang diperkenalkan oleh Saintis Australia namanya kalau saya tidak silap Christian Chopper. Sistem itu adalah sistem yang diperkenalkan oleh saintis yang berkenaan. Mereka membuat analisa berdasarkan di antara lainnya ialah pandangan daripada saintis yang berkenaan.

Berbalik kepada yang terakhir sekali ialah berhubung dengan pilihan raya persempadanan semula. Tadi saya telah sebutkan setelah kitaewartakan, setelah kita berjumpa Tuan Yang di-Pertua dan juga SPR berjumpa dengan Tuan Yang di-Pertua juga Perdana Menteri maka pada hari tersebut mereka akan wartakan dalam surat khabar dengan sekurang-kurangnya satu surat khabar. Pada esoknya atau mengikut tarikh yang akan ditentukan oleh SPR bermulalah persempadanan semula.

Persempadanan ini kemudian akan dipamerkan selama sebulan. Sebulan itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berpuas hati dan ingin supaya ada Jawatankuasa atau *Select Committee* untuk tujuan persempadanan semula kita tidak perlu sebab undang-undang yang ada mencukupi...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat saya habiskan sedikit. Mesti orang yang suka ganggu PMO saya akan bagi peluang. Tidak ada masalah.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Jangan lupa Serdang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Selepas dipamerkan selama- sekejap, sekejap. Yang Berhormat Serdang pun saya tahu pakar orang Cina katanya. Pakar orang-orang Cina dia kata tetapi saya lebih pakar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Tidak mengapalah.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, apa itu pakar orang Cina? Saya tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak mengapa. *It's okay.* Terlampau laju saya cakap. Setelah dipamerkan selama sebulan, selepas itu kita boleh membuat bantahan. Pihak yang boleh membuat bantahan ialah kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan ataupun kumpulan pengundi berdaftar sekurang-kurangnya 100 orang.

Selepas habis sebulan, SPR akan mengambil masa lagi tiga, empat bulan atau lima bulan untuk analisa balik semua bantahan. Selepas itu akan dipamerkan yang kedua. Selepas dipamerkan kali yang kedua, kita akan beri tempoh sebulan pameran. Selepas itu pihak berkuasa negeri, kerajaan negeri ataupun 100 orang daripada bahagian yang berkenaan boleh membuat bantahan dan sebagainya.

Selepas itu SPR akan buat analisa sekali lagi selama mungkin antara empat atau pun lima bulan atau pun enam bulan, terpulung kepada mereka. Selepas habis analisa dibuat maka draf cadangan persempadanan semula ini akan dibawa kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri akan bawa kepada Parlimen dan Parlimen pada masa tersebut akan diminta untuk undi separuh daripada Ahli Dewan.

Saya sudah rujuk kepada Peguam Negara tadi. Perkataan separuh ini bukan majoriti mudah. Ia sebut perkataan separuh sekurang-kurangnya setengah daripada Ahli Dewan hendaklah menyokong kepada usul yang telah dibawa. Maka setelah disokong, Dewan ini menerima persempadanan baru. Akan tetapi kalau sekiranya kita ingin menghadapi pilihan raya yang berikut, Dewan ini harus memutuskan dua pertiga daripada Ahli Dewan hendaklah diputuskan sama ada mereka setuju penambahan kerusi. Persempadanan kita telah buat, kerusi kita akan cadangkan tidak tahu berapa. Selepas itu Dewan ini akan memutuskan dua pertiga daripada Ahli Dewan memutuskan sama ada mereka bersetuju ataupun tidak...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pada masa itulah DAP, PKR dan bukan pakatan. Kita belum ada parti pakatan. Ini cuma guna-guna, seronok-seronok boleh, tidak ada. Cuma yang ada parti PAS, PKR dan juga DAP. Tidak ada Pakatan Rakyat sebab bendera tiga. Macam Barisan Nasional bendera satu. Jadi tidak perlu pakai pakatan. Yang ada ialah pembangkang. Ada sebahagian daripada PAS kawan saya. Ada DAP termasuk saudara akan menyokong saya. Ada PKR macam Yang Berhormat Kuantan akan menyokong saya. Yang Berhormat Batu akan sokong saya. Jadi *we can target more than two-third, insya-Allah.*

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau adil kita sokong, kalau tidak adil macam mana hendak sokong? Itu yang pertama. Keduanya ialah Yang Berhormat Arau, sebelum semua proses itu yang paling penting untuk memulakan proses persempadanan semula, usul perlu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini terlebih dahulu iaitu kalau selepas usul ini diluluskan bahawa satu proses persempadanan semula akan dimulakan dalam masa dua tahun, SPR kena selesaikan kerja itu. Soalan spesifik saya, bilakah usul itu akan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini? Itu jawab dahulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dalam perlembagaan dan juga dalam Peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya tidak menyebut bahawa usul ini mesti datang ke Parlimen. Mereka hanya datang berjumpa dengan Tuan Yang di-Pertua dahulu, kemudian

berjumpa dengan Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan, maka mereka akan wartakan dalam sekurang-kurangnya satu surat khabar. Selepas itu maka pada esok hari, bermulalah hari pertama persempadanan semula dibuat. Mereka tidak perlu datang ke Parlimen. Parlimen hanya akan dirujuk setelah semua siap, setelah bantahan dibuat selama sebulan yang pertama dan juga sebulan yang kedua.

Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang memang pakar tentang perkara ini boleh membantah melalui 100 orang atau melalui pihak berkuasa negeri ataupun melalui kerajaan negeri. Ahli Yang Berhormat boleh berbuat demikian pada bila-bila masa dan SPR akan memberi ruang yang seluasnya. Inilah keadilan. Yang Berhormat tidak akan jumpa keadilan Barisan Nasional seperti Barisan Nasional sekarang. Tidak akan jumpa. Kalau PKR tentu tidak adil sebab apa? Tidak adil.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tidak payah politik dahulu Yang Berhormat. Ucapan politik itu tidak payah dahulu Yang Berhormat. Jawab dahulu, bilakah usul itu akan dibawa? Adakah proses itu sudah mula sebab tidak ada orang tahu. Sekali lagi Parlimen *dibypass*. Sepatutnya usul dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Lulus dahulu baru proses itu mula. Sekarang ini satu Malaysia tidak tahu, belum ada sesiapa tahu bahawa bilakah proses itu akan dimulakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya ingin bertanya Yang Berhormat. Saya bukan hendak main politik sebab saya takut nanti saya menguji Yang Berhormat. Saya tidak akan keluarkan kata-kata seperti Yang Berhormat Gombak kata kepada saya. Saya tidak, saya jenis orang baik. Tidak reti mengata dekat orang. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, peraturan mana, perlembagaan mana yang mengatakan mesti dibawa usul ke Parlimen? Kalau ada saya akan bawa, tidak ada masalah.

Akan tetapi masalahnya peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya menyebut bahawa mereka hendaklah membawa perkara ini untuk maklum kepada Tuan Yang di-Pertua dan Perdana Menteri. Speaker dan Perdana Menteri pun tidak lari daripada bebasnya SPR Yang Berhormat. Jadi tidak perlu dibuat usul.

■1450

Akan tetapi kalau ada peraturan yang mengatakan bawa usul, kita akan ikut peraturan ini. Sekarang ini saya hendak beritahu bahawa peraturan yang dibawa itu cukup mudah, persempadanan semula ini cukup mudah. Rujuk kepada Speaker, Perdana Menteri, Warta kemudian pameran sebulan bantah, kemudian pameran sebulan, bantah setuju akhirnya kita bawa ke Parlimen. Masa itulah Yang Berhormat separuh sekurang-kurangnya setengah daripada Ahli Dewan hendaklah menyokong usul tersebut. Makna kata kita ada 222, kalau 110 tidak boleh. Sekurang-kurangnya setengah yang menyokong maka persempadanan semula pun diterima. Cuma yang menjadi masalah sekarang ini ialah iaitu usul untuk menambah Kerusi Dewan ini. Kerusi ini mestilah dipersetujui oleh dua pertiga.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan Menteri?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, *last one* bolehlah?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri mengatakan untuk persempadanan semula mesti mendapat kelulusan setengah daripada Ahli Parlimen dalam Dewan Parlimen ini. Akan tetapi selama ini SPR membuat persempadanan semula bagi banyak Kerusi, saya bagi satu contoh kawasan Silibin- pada satu masa ia masuk di bawah Ipoh Barat, kemudian dikatakan salah letak, ia masuk ke kawasan Batu Gajah. Pilihan raya yang kemudiannya diletak balik kepada kawasan Ipoh Barat lagi. Jadi, adakah cara persempadanan ini dibuat sewenang-wenangnya mengikut suka hati SPR ini, sah atau tidak dari segi undang-undang? Ini berlaku juga kepada kawasan negeri saya pun, kawasan saya di mana pada tahun 2008, kawasan FELCRA di Lekir di masuk dibawa Kerusi Pasir Panjang. Akan tetapi kali ini tanpa apa-apa kelulusan di bawah Undang-undang Negeri ia masuk ke kawasan Setiawan pula. Saya hendak tanya adakah tindakan ini mengikut undang-undang atau tidak?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat saya berterima kasih. Sebenarnya kita boleh berbincang fasal SPR ini dengan panjang lebar sebab saya membuat persediaan yang rapi, dan saya boleh terang satu-satu pada Yang Berhormat tetapi malangnya masa sudah tidak bersama dengan saya. Ini sebab Menteri Agama yang cukup sibuk ini, terutama berhubung dengan fatwa MH370, dia sedang menunggu sudah hampir setengah jam, dan dia sudah mengerling saya.

Yang Berhormat kalau ...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Bila, bila, bila...?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat saya hendak beritahu...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sebab saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Pasal SPR ini saya hendak beritahu, semuanya telah diambil kira Yang Berhormat, dan kita hendak menjawab di sini bahawa semasa bantahan dibuat saya akan bantu Ahli-ahli Yang Berhormat supaya semua ketidakpuasan hati boleh kita masukkan semasa- sama ada adil atau pun tidak, soalan Yang Berhormat khusus maka saya akan jawab secara bertulis...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bertulis! Okey, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kepada Ahli Yang Berhormat yang saya tidak jawab kerana masa tidak mengizinkan, saya akan jawab secara bertulis. Sudah tentu Yang Berhormat akan marah kepada saya, kenapa tidak jawab pada semua soalan? Kenapa masa tidak mengizinkan? Kenapa tadi ada usul yang menyebut bahawa kita harus berbincang habis Jabatan Perdana Menteri barulah Parlimen ini tamat. Akan tetapi saya hendak beritahu, kami ada enam Menteri, kalau satu orang sejam sudah enam jam. Saya telah mengambil masa sudah terlebih sedikit. Sebelum itu saya hendak ucap selamat datang kepada Ahli-ahli Persatuan Nelayan Limbang Sarawak [Tepuk]

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey Menteri sedikit penjelasan sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat Serdang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Serdang, boleh tidak ambil jawapan bertulislah sebab...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya hendak tanya tadi Yang Berhormat Seputeh pun ada tanya, saya hendak tanya kerana Menteri kata... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi rakan saya daripada Yang Berhormat Seputeh pun ada membangkitkan satu cadangan, dan juga yang dapat *Parliamentary Select Committee* punya laporan di mana telah dicadangkan supaya satu *independent body*, satu badan yang bebas ditubuhkan untuk menjalankan persempadanan semula. Cadangan ini telah disokong oleh Pakatan Rakyat. Jadi tadi Menteri kata akan jawab soalan ini pada masa menggulung. Akan tetapi soalan ini belum lagi dijawab jadi saya minta penjelasan tentang isu ini. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat jawapannya saya mudah sahaja. Salah siapa? Ini sebab masa saya hendak jawab yang itu semua orang bising jadi akhirnya saya tidak dapat jawab, malang sekali. Sebenarnya soalan Yang Berhormat sudah terjawab di sini. Bila saya bagi jawapan bertulis Yang Berhormat boleh timbulkan masa *Supplementary Budget*...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tidak ada, saya tidak dengar penjelasan tentang isu itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat semua orang depan ganggu tadi, jadi macam mana Yang Berhormat hendak dengar. Yang Berhormat bagi tahulah bahawa, sebenarnya tidak ada pakatan dalam pembangkang, kerana mereka tidak kasihan kepada Ahli-ahli Parlimen yang berada di belakang...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ini adalah cadangan daripada Laporan Jawatankuasa Khas...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan lawan sama saya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: ...Untuk pilihan raya. Jadi kenapa tidak ...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapan- Yang Berhormat akan dapat jawapan bertulis ya.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara ini...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Mana boleh cakap adil ini kalau tidak beri jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Termasuk kawan-kawan daripada Barisan Nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri jawab bertulis Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Termasuk yang saya tidak dapat bagi peluang untuk bertanya soalan tetapi saya ucap terima kasih di atas keprihatinan mereka.

Berhubung dengan banjir saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat bahawa, semua sekali yang berpindah di pusat-pusat perpindahan dan mereka telah mendaftar, kita sedang membuat pembayaran dan kita pastikan tidak ada yang tertinggal. Akan tetapi mereka yang tidak berpindah- sekarang ini kita sudah bagi maklumat kepada Pegawai Daerah supaya menghantar maklumat itu kepada kita bahawa mereka ini tidak dapat berpindah, sebab-sebabnya, dan sebagainya, mereka telah senaraikan, dan kita akan membuat pembayaran mengikut apa yang telah ditentukan. Jadi Yang Berhormat tidak ada yang tertinggal...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan insiden yang berlaku di Kuantan hari itu, cuma satu Yang Berhormat, tidak boleh tanya sudah, sebab saya hendak habis sudah. Kereta api penghabisan ni.

Jadi Yang Berhormat, cuma di Kuantan hari itu berlaku. Kami jemput 2,000 orang tetapi Yang Berhormat tersilap cara, pergi bagi tahu kepada orang yang nama tidak ada tapi hadir sama, akhirnya berlakulah hiruk pikuk dan kelam kabut. Akan tetapi sebenarnya, kami tidak jemput mereka. Kami jemput orang yang ada nama tetapi orang lain sengaja mari untuk hendak *check* nama dia- ada ataupun tidak. Maka itulah, bila orang ramai maka berlakulah 'keseronokan' yang luar biasa untuk memaki hamun orang dan sebagainya. Akan tetapi semuanya diambil kira...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri itu tidak betul itu, jangan *mislead* Dewan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi Yang Berhormat Kuantan berinteraksi dengan saya pukul 12 malam, pukul 1 malam...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri tidak betul itu, tidak betul jangan *mislead* Dewan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey saya hendak bagi tahu, itu maklumat yang saya dapat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tidak betul. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, sebab Yang Berhormat Menteri kata Yang Berhormat Menteri takut Tuhan, jadi jangan cakap *mislead* Dewan macam itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi ada, nama yang tidak ada, yang kita tidak jemput, mereka hadir...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya ada di situ. Seramai 15,000 selama tiga hari. Nama ada- 5,000 orang, sehari.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Nama ada kita jemput berfasa-fasa. Saya sudah jawab tadi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya tiga hari.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Fasa 1, fasa 2 tetapi yang fasa 2 mari fasa 1...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tiga hari Yang Berhormat Menteri 11, 12, 13 Februari.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak fasal pembayaran- fasa 1, fasa 2, fasa 3, dan seterusnya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Fasa 2 belum lagi. Fasa 1 itu tiga hari Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, itu sebab saya kata berfasa-fasa.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Akan tetapi komunikasi itu tidak jelas.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Fasa 1 mungkin lima hari.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Komunikasi itu tidak jelas.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Apa yang penting, orang yang nama tidak ada...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Nama tercicir ada 1,434...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat boleh tidak saya cakap? Dia sudah berdialog dengan saya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tidak cuma saya minta jangan *mislead* Dewan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya layan Yang Berhormat- pukul 1 pagi pun saya jawab, pada bila-bila masa. Ini kerana dia prihatin pada kawasan, dan saya Menteri yang bertanggungjawab, saya duduk dalam banjir selama 14 hari 14 malam. Kemaman-Kuantan, Pekan-Kemaman–Kuantan-Pekan tiap-tiap hari, dan saya mengenali tiap-tiap pusat perpindahan. Dalam masa yang sama saya menghulurkan bantuan kewangan yang diberi oleh pihak NGO yang saya tidak perlu sebutkan nama. Jadi hampir semua pusat perpindahan mempunyai sedikit wang tunai untuk memasak dan sebagainya.

Yang Berhormat, yang itu saya minta supaya PKR- saya mengucapkan terima kasihlah. Teruk 14 hari 14 malam...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya ucap terima kasih dalam perbahasan saya kepada Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Yang Berhormat mungkin boleh tidur seronok-seronok di rumah tetapi saya duduk dalam banjir.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat, saya duduk dalam banjir 14 hari juga, dan saya ucap terima kasih dalam perbahasan saya. Janganlah kata saya tidak ucap terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya pun ucap terima kasih sedikit-sedikit, tetapi Yang Berhormat kena terima kasih banyak-banyak kepada saya ya *[Ketawa]*

Sebagai penutup, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan, dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja, serta usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya rasa Yang Berhormat telah memberi sumbangan yang cukup baik dalam membincangkan banyak perkara, dan banyak perkara yang belum selesai *insya-Allah* kita akan selesaikan.

Marilah kita menganggap bahawa persidangan ini adalah persidangan yang di Dewan yang mulia dan kita berbincang secara adik-beradik. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Giliran Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat Jerai.

2.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Diraja. Saya telah meneliti semua isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai panda, teguran jua cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

■ 1500

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan mengenai-isu-isu yang dibangkitkan berkaitan perundangan Islam. Yang Berhormat Lumut menyarankan supaya undang-undang Islam dilaksanakan bagi mengurangkan jenayah.

Dalam kesempatan ini saya ingin memberikan penjelasan sesungguhnya kerajaan menyedari kesesuaian syariah Islam untuk diguna pakai dalam semua zaman, tempat dan juga keadaan. Secara asasnya kanun jenayah syariah terbahagi kepada tiga iaitu ialah yang berkaitan dengan hudud, kisas dan juga takzir. Ia bertujuan untuk menjaga prinsip perundangan Islam iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta benda. Mengenai hudud dari segi istilah ditakrifkan sebagai keseksaan yang telah ditetapkan oleh nas-nas al-Quran dan juga As-sunah yang wajib dilaksanakan sebagai hak Allah SWT. Kadar hukumannya tidak boleh dipinda sama ada dikurangkan ataupun juga ditambah. Jenis-jenis jenayah hudud ialah seperti zina, *kazaf*, minum arak, mencuri, merompak dan juga murtad.

Dalam konteks ini kerajaan sentiasa daripada masa ke semasa berusaha memartabatkan perundangan Islam di samping yang sama usaha bagi mengharmonikan undang-undang sedia ada supaya selaras dengan *maqosid* syariah. Undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini iaitu seperti Kanun Keseksaan (Semakan 1997) [*Akta 574*], Akta Dadah Berbahaya 1952 (Semakan 1981) [*Akta 234*] dan Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] diwujudkan bagi membantu kerajaan dalam menjamin keamanan negara.

Oleh yang demikian, walaupun ia tidak dinamakan undang-undang Islam ia boleh dikuatkuasakan ke atas semua lapisan masyarakat dengan mengambil tempat di bawah peruntukan cabang dan juga bahagian undang-undang Islam iaitu yang disebut dengan takzir.

Di samping itu, berdasarkan fasal 2, Perkara 74, dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang "Kuasa Negeri". Kuasa negeri berkenaan dengan perwujudan dan penghukuman kesalahan

terhadap pemerintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan. Dalam hal ini berdasarkan seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [*Akta 355*], bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah di negara ini adalah terhadap hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi RM5,000 dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Dalam perkembangan terkini kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah melalui pindaan kepada Akta 355 tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman akan diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan *maqosid* syariah.

Kerajaan juga terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman syariah di negara ini. Mahkamah Syariah akan dinaiktarafkan daripada tiga peringkat mahkamah kepada lima peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, negeri dan Majlis Rayuan Syariah.

Kedudukan hakim-hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaiktarafkan. Komitmen kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu daripada semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Yang Berhormat Marang pula...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: ...Menyarankan supaya Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri, sebelum masuk Jadual Kesembilan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada Akta Mahkamah Syariah '65' yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa akan dibuat sedikit pindaan terhadap hukuman yang sekarang ini dihadkan kepada '6-3-5'. Begitu juga tadi disebut tentang institusi kehakiman Mahkamah Syariah yang akan di*upgraded* kepada lima *level* termasuklah juga aspek-aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan. Cuma saya hendak tanya saya dengar ini saya rasa sejak 2008 saya jadi wakil rakyat benda yang sama sebenarnya tapi hingga hari ini tidak ada satu yang konkrit dalam konteks pakej sebab kalau kita hanya setiap kali jawab bab masalah mahkamah ataupun undang-undang syariah kita sudah boleh faham jawapannya itu.

Tetapi soalnya sekarang tahap keseriusan itu di mana yang kedua adakah dengan kita-tadi disebut Akta Mahkamah Syariah ini akan diperluaskan. Perluaskan macam mana itu? Kenapa tidak diajak berbincang sekali supaya perkara itu dapat kita laksanakan kerana Mahkamah Syariah juga perlu kepada *upgrade*, perlu kepada cara penghakiman, cara pensabitan dan sebagainya.

Jadi saya rasa pihak kerajaan lebih sepatutnya serius dan tidak hanya melibatkan pihak tertentu tetapi semua pihak jikalau ingin menyokong satu benda yang besar ini perlu ada satu yang tuntas yang telus supaya perkara ini tidak tembak balik kepada undang-undang syariah yang kita tahu sensitif dalam soal menegakkan keadilan, kerahmatan, keadilan hakim, pensabitan bukti. Ini bukan benda kecil. Jadi saya harap pada sesi ke depan saya tidak akan dengar benda yang sama tapi saya hendak tengok apa yang ada di atas *table* kita. Terima kasih Yang Berhormat Menteri bagi ruang kepada saya.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sambung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sambung sedikit lagi daripada apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar sebentar tadi. Berkait dengan pengendalian Mahkamah Syariah ini. Ya, saya setuju selalu kita dengar perkara yang sama diulang, kelemahan berulang. Apakah sebenarnya faktor kelemahan yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian dalam pengendalian di Mahkamah Syariah ini.

Sehingga hari ini kita dapat lihat masih ada lagi rungutan terhadap kes-kes tertanggung dan tertunggak yang begitu lama terutama berkait dengan kes perceraian. Kalau sampai lima enam tahun, tujuh lapan tahun tidak selesai kes perceraian ini menzalimi mereka yang terlibat. Begitu juga dengan kes harta pusaka dan juga kes penetapan agama dan seumpamanya. Jadi tidak cukup hakimkah, sistem tidak cukup baikkah? Apakah kelemahan yang telah dikenal pasti dan sejauh mana usaha kementerian untuk mengatasinya? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, satu lagi Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua soalan dalam isu pelaksanaan undang-undang syariah Islam ini.

Pertama, apa pendirian kerajaan terhadap dua undang-undang yang diluluskan di Terengganu dan Kelantan. Apakah tahap pendirian kerajaan dan tahap keseriusan Kerajaan Pusat untuk membantu dua kerajaan negeri ini agar mereka boleh melaksanakan pada kadar yang segera? Itu satu.

Yang kedua, kalau kita lihat kerajaan Brunei sebagai contoh, sebelum mereka mewartakan Undang-undang Jenayah Islam, mereka telah buat *road show* selama hampir setahun menceritakan tentang kelebihan undang-undang jenayah Islam. Adakah kita di peringkat Kerajaan Malaysia juga, JAKIM khususnya mempunyai perancangan *road show* seumpama itu untuk menerangkan kepada rakyat kelebihan undang-undang jenayah Islam ini khususnya menerusi TV yang kita ada dan pelbagai media yang kita ada. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk tujuan melihat tentang perundangan Islam ini. Saya yang pertamanya sebenarnya ada beberapa jawapan yang belum lagi saya baca sepanjang jawapan yang telah disediakan berkaitan dengan peruntukan undang-undang ini tetapi oleh kerana Yang Berhormat agak *advance* tanya lebih dahulu awal nanti saya akan ulang sekali lagi baca. Namun yang pertama sekali sebagaimana Yang Berhormat Parit Buntar sebutkan sebentar tadi ialah mengenai Akta 65 iaitu ialah yang berkaitan dengan

hukuman 6-5-3, enam kali sebatan, RM5,000 denda dan tiga tahun penjara yang diberikan peruntukan kepada Mahkamah Syariah. Begitu juga dengan lima *level* mahkamah sebagaimana kata Yang Berhormat tadi tahun 2008 waktu itu saya belum berada dalam Dewan ini lagi. Namun bermula daripada tahun 2008 sudah ada cerita-cerita yang macam inilah kalau Yang Berhormat tanyakan kepada saya tahap keseriusannya ataupun sejauh mana kita benar-benar.

■1510

Jawapan mudah saya jawabkan ialah, kita benar-benar serius dalam hal yang seperti ini, sebab itu kita sentiasa konsisten. Kalau tadi ada cadangan-cadangan Yang Berhormat sebutkan kata untuk dibawa berbincang, saya ingat ini merupakan satu tawaran yang cukup baik kerana selama ini kita berada di pentas politik yang hanya berbincang di atas pentas dengan jawapan-jawapan yang pelbagai. Akan tetapi kalau ada ruang untuk perjumpaan yang lebih untuk tujuan kita berbincang dengan serius terutamanya dari rakan-rakan PAS yang berada di hadapan saya ini, saya melihat bahawa ini adalah merupakan suatu yang amat memberikan makna...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Nanti sekejap. Nanti bagi saya jawab habis dahulu. Kemudian saya bagi sekejap lagi. So bila sebab itu saya kata kalau tahapnya di mana oleh kerana disebutkan bahawa untuk tujuan bagi melaksanakan Mahkamah Syariah untuk dipertingkatkan ini, dia tidak boleh hanya sekadar JAKIM untuk terus membawa di peringkat JAKIM semata-mata tetapi ada saluran-saluran peringkat yang pelbagai bermula dari JKSM bersama dengan JAKIM. Kemudian begitu juga dibawa kepada Majlis Kebangsaan Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dihadiri oleh Menteri-Menteri Besar bersama.

Begitu juga kemudiannya kita membawa kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri, maknanya dalam konteks kita Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri kita ada 14 buah negeri, lebih-lebih lagi bagi negeri yang memiliki Sultan dan juga Raja sebagai Yang Dipertua Majlis. Kita ada sembilan buah negeri tolak Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan juga Sarawak, lima buah negeri yang itu kuasa agama di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Kesemua negeri ini kita kena bawa dan kita kena persembahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing dan menunggu pandangan serta komen mereka.

Jadi Yang Berhormat akan nampak bagaimana perjalanan atau *flow*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk kita hendak bawa perkara tersebut. Selepas daripada penyelesaian kepada peringkat tersebut, barulah pula kemudian nanti dibawa kepada Majlis Raja-Raja untuk tujuan mendapat persetujuan akhir. Barulah kemudiannya boleh dilaksanakan untuk tujuan kalau mendapat perkenan dari Majlis Raja-Raja, barulah kita laksanakan apa yang telah saya sebutkan tadi. Jadi, itu di antara yang sebagaimana kalau tanya tahap serius.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Maksud saya duduk berbincang itu bukan PAS dengan UMNO atau PAS dengan kerajaan. Maksud saya tadi dibuat jawatankuasa yang khusus, yang *diendorsekan* oleh Parlimen. Itu maksud saya kerana kita

sekarang bercakap atas jalur undang-undang bukan atas jalur parti dengan parti. Jadi saya rasa ini adalah...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, kalau jalur undang-undang, dia Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Islam di bawah agama yang dijaga dan diawasi oleh negeri-negeri. So dia bukan bawa ke Parlimen dahulu. Dia pergi dahulu kepada peringkat berkenan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Maksud saya apa sahaja, tetapi ia bukan antara parti tetapi dia...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tidak mengapa. Kalau Yang Berhormat tidak bersedia untuk parti...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bukan itu. Bukan, sebab tadi..

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya rasa mungkin kesilapan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itu bukan isu dia. Isu dia...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Mungkin kesilapan saya sebut mengenai PAS tadi, tidak mengapa. Kalau Yang Berhormat tidak setuju yang itu.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Maksud saya ini bukan soal parti. Ini soal perlembagaan. Hendak betulkan itu sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Selain daripada itu juga saya suka sebutkan tadi yang tentang Temerloh tadi, faktor sebenar kes-kes yang tertunggak dan pada hari ini. Oleh kerana sebagaimana balik kepada persoalan tadi dia di bawah negeri, bagi saya khususnya yang menjadi Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, kita telah meletakkan KPI kepada Mahkamah-mahkamah Syariah di bawah Wilayah Persekutuan.

Jadi KPI kita, kita telah mulakan dengan semua kes yang tertunggak daripada tiga tahun. *Alhamdulillah* buat masa sekarang KPI kita bagi, selepas itu kes yang tertunggak dua tahun dan terbaru pada tahun 2013, kes yang tertunggak pada tempoh satu tahun. Di Wilayah Persekutuan kes-kes tertunggak satu tahun ini telah kita selesaikan dan kita meminta kepada Mahkamah-mahkamah Syariah negeri juga untuk turut bersama dalam mengikuti apa yang telah kita laksanakan di Wilayah Persekutuan.

Di samping yang sama juga, berkaitan dengan Yang Berhormat Kuala Nerus tentang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya Yang Berhormat?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apakah yang menyebabkan kes-kes tertunggak ini di mana-mana pun Mahkamah Syariah ini. Seharusnya kita kena ada *efficiency* sebab dalam Islam ini dia mempermudah, bukan menyulitkan masalah. Sudahlah Mahkamah Sivil kes tertunggak bertahun-tahun. Kes-kes Islam ini hendak diselesaikan segera sebab inilah sebetulnya yang menakutkan agama lain hendak percaya dengan Islam ini. Prosesnya terlalu lama.

Jadi kenapa dia terlalu lama? Apakah ada jalan penyelesaian? Kalau hakim kurang, kenapa tidak ditambah hakimnya? Kalau peguam dia kurang, saya rasa kita ramai peguam

syariah yang tidak pernah ada kerja. Jadi Yang Berhormat cuba selesaikan masalah ini. Jangan kes yang belum selesai satu hari, satu bulan, tengok tujuh tahun, merempat, merana orang dikerjakan oleh mahkamah ini. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Kinabatangan, saya ucapkan terima kasih juga. Sebenarnya saya hendak jawab Yang Berhormat Kuala Nerus dahulu tetapi oleh kerana ini ditimbulkan awal sedikit, saya sebutkan bahawa kes-kes tertunggak ini kita juga amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua bahawa kita tidak mahu supaya ada di sana satu pandangan yang negatif terhadap Mahkamah Syariah. Namun, kita faham bahawa ia adalah merupakan kuasa yang penuh berada di bawah kuasa negeri dan juga mahkamah masing-masing. Apa pun yang dapat kita dapati adalah di antaranya kalau kes-kes tertunggak perkahwinan, ini punca kerana ialah bila mana perkahwinan ini menuntut kepada perceraian. Kerap kalinya berlaku ialah suami-suami tidak hendak datang ke mahkamah sehingga beberapa kali dipanggil.

Begitu juga dalam kes-kes perceraian, kerap kali juga berlaku suami tidak bersedia untuk menceraikan sedangkan isteri menuntut cerai. Begitu juga dalam pembahagian harta-harta sepencarian. Suami kadang-kadang meletakkan syarat yang agak tidak berapa hendak sesuai dan munasabah. Mengambil contoh, suami kata dia boleh bagi dengan syarat isteri mengaku bahawa dia telah melakukan sekian, sekian yang isteri tidak melakukan. Jadi, hal itu menyebabkan tertangguh yang begitu panjang.

Jadi, inilah kedudukan kenapa termasuk juga harta pusaka dan pencarian ini pihak parti-parti yang terlibat itu tidak kedua pihak yang hadir. Oleh sebab itu sehingga sampai Mahkamah Syariah terpaksa mengambil pendekatan yang agak sedikit membantu dengan menubuhkan Badan Sokongan Keluarga (BSK). Ini kerana isteri itu kadang-kadang bila dia duduk di Kuala Lumpur sebagai contoh, bercerai balik ke Kedah, balik ke Perlis, ke Perak, ke Pulau Pinang tetapi bila hendak datang pula dengan tambang tidak ada, tempat tinggal tidak ada, BSK telah membantu dengan memberikan tempat tinggal dan juga memberikan makan dan juga tambang. Jadi, ini di antara contoh-contoh yang menyebabkan kelewatan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan yang menyebutkan kenapa hal ini berlaku dan perlu kita perkemas.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya hendak jawab Yang Berhormat Kuala Nerus sekejap dahulu iaitu berkenaan dengan apa pandangan tentang Terengganu dan juga di Kelantan ini. Kalau ada dalam jawapan yang ke depan nanti, namun saya hendak sebutkan juga bahawa Brunei Darussalam ada *road show* dan sebagainya, kita mengambil kira begini. Mungkin barangkali ini dilihat tidak cukup tetapi sebenarnya bila sebut *road show*, apabila kita pergi melawat di setiap Majlis-majlis Agama Islam Negeri itu, maknanya yang hadir pada Majlis Agama Islam Negeri itu ialah mereka yang telah dilantik berada dalam Lembaga Majlis.

Keempat-empat belas buah negeri, apa sahaja pindaan yang kita lakukan, apa sahaja perubahan dan anjakan di dalam mahkamah atau bahagian pejabat agama dan sebagainya,

yang menyentuh sahaja soal agama dia mesti dibawa dahulu kepada Majlis. Kita melihat Majlis ini sebagai mewakili umat Islam di negeri tersebut. Kalau di Kelantan, kita bawa kepada Kelantan dan Majlis Agama Islam Kelantan yang dilantik oleh Tuanku untuk berada dalam Majlis tersebut. Di Terengganu pun hal yang sama juga, kita bawa dan harapan kita nanti Majlis menyampaikan pula ataupun *road show*. Jadi sebab itu kalau kata *road show* itu, kita melihat dalam konteks JAKIM bersama dengan badan-badan yang berkaitan turun kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Sila.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri, saya bercakap tentang konteks JAKIM sendiri, tindakan JAKIM sebab JAKIM sendiri ada kemampuan menerusi TVnya, kita ada TV *AlHijrah*, kita ada IKIM dan kita ada masjid-masjid yang kita boleh turun.

■1520

Kalau perancangan dibuat di peringkat JAKIM dan dibawa turun ke bawah menggunakan pelbagai NGO seperti YADIM dan sebagainya, kita akan dilihat serius untuk memperkenalkan undang-undang jenayah ini kepada umat Islam. Akan tetapi apa yang berlaku kalau kita memberi jawapan kita kata hendak serah negeri-negeri. Yalah kalau Kelantan, Terengganu ketika kita pegang negeri di Terengganu sebagai contoh, kita buat *road show*. Akan tetapi sekarang kita tidak pegang negeri. Adakah serius peringkat negeri Terengganu sekarang untuk buat benda yang sama. Tidak apalah, kita bercakap di peringkat Parlimen. Harapan saya adalah JAKIM sendiri mengambil satu tindakan yang lebih jelas dan kalau boleh, kalau dirancang sekarang, mungkin pada sesi akan datang kita timbulkan soalan, Yang Berhormat Menteri sudah ada jawapan yang sangat menarik untuk kita. Itu satu.

Kedua, isu kes tertunggak tadi. Bagi saya, banyak kes yang melibatkan kes tuntutan cerai terutamanya menjadi fitnah kepada Islam dan menzalimi ramai wanita Islam kita pada hari ini. Jawapan yang kita berikan kita kata bahawa suami begitu begini, ini memang benda yang berlaku bukan baru. Akan tetapi persoalan apakah tindakan undang-undang yang kerajaan sediakan untuk menangani suami-suami yang ingkar seumpama ini agar wanita tidak lagi dizalimi. Saya tengok pada data 2010, ada 18,000 lebih kes cerai yang tertunggak. Itu 2010. Sekarang saya tidak pasti macam mana. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sebenarnya bila sebut sebab ini fakta. Kita tidak boleh menafikan bahawa terbengkalai dan juga masih lagi belum diselesaikan perkara tersebut. Namun, kalau ditanyakan tentang usaha-usaha yang kita telah buat saya bagi contoh kata, oleh kerana saya ulang sekali lagi yang mungkin barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berapa berminat untuk mendengar jawapan yang berulang ini.

Itulah Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Islam di bawah kuasa negeri masing-masing. Oleh kerana kuasa negeri masing-masing, adalah menjadi suatu harapan dan usaha yang tinggi. Ahli Yang Berhormat boleh semak di negeri Kelantan, boleh semak di negeri-negeri lain, berapa banyak yang masih lagi terbengkalai proses-proses perceraian dan

perkahwinan tersebut. Usaha kita sebab itu saya letakkan di Wilayah Persekutuan oleh kerana kita ada ruang yang agak lebar dan luas untuk berlegar. Jadi, sebab itu kita memberikan contoh, meletakkan KPI. Selebihnya kita mengharapkan negeri-negeri juga mengambil contoh.

Kalau tanya peruntukan undang-undang yang boleh diambil tindakan, sebenarnya melalui pinjaman BSK tadi boleh diminta balik kepada pihak suami yang telah pun mengabaikan tanggungjawab bagi memberikan nafkah kepada anak dan juga isteri termasuk yang bersangkutan. Dalam masa yang sama juga, peruntukan di dalam Mahkamah Syariah sehingga sampai boleh memenjarakan suami yang tidak membayar nafkah tersebut. Dalam erti kata, kuasa ini kalau diguna pakai sebab kita melihat ada amalan-amalan yang dilaksanakan oleh hakim-hakim bila dia jatuhkan hukuman bila suami tidak hendak bagi nafkah dan ambil tindakan untuk penjara, dia akan lekas-lekas untuk mencari.

Jadi, saya juga dalam masa yang sama juga menyeru kesempatan ini kita secara bersama untuk tujuan lebih mengajak untuk supaya tindakan-tindakan yang lebih kukuh dan keras ini diambil ke atas keluarga dan juga suami-suami yang enggan bayar nafkah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ketereh bangun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin apa yang saya akan tanyakan ini barangkali ada dalam jawapan Yang Berhormat yang belum dibaca kerana isu ini ada saya bangkitkan dalam ucapan saya. Akan tetapi oleh kerana perbincangan atau pun penjelasan perkara yang berkait telah pun berbangkit, saya ingin mengambil kesempatan untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seperti mana yang kita maklum bahawa dalam negara kita sejak kita Merdeka, pemerintah mengambil langkah yang cukup berhati-hati dalam hal yang berkaitan dengan pelaksanaan Islam. Pemerintah memberikan penghormatan kepada Raja-Raja Melayu atas perkara-perkara tertentu, termasuklah dalam soal-soal agama. Di mana dicatatkan dalam perlembagaan, urusan agama ini sebahagian besarnya, kuasanya memang terletak pada kerajaan negeri.

Persoalan yang timbul sekarang ini ialah mutakhir ini bangkit suara-suara ingin melihat pelaksanaan undang-undang Islam itu dilaksanakan semaksimum mungkin. Walaupun prinsip dalam negara kita, kita lebih bersandarkan kepada prinsip pelaksanaan berasaskan takzir. Ini kerana kita menerima realiti kita tidak berkeupayaan atau pun belum bersedia. Maka, kita memilih prinsip-prinsip takzir agar ada satu sinergi dan tidak timbul percanggahan antara undang-undang jenayah syariah yang dipakai untuk seluruh negara dengan keperluan kita melaksanakan hukum Islam.

Akan tetapi kebijaksanaan ini mula dipertikaikan oleh sesetengah pihak yang melihat daripada kotak-kotak yang tertentu. Dalam hubungan ini, apakah pendirian kerajaan untuk melihat. Oleh sebab kebangkitan ini diterima di setengah-setengah negeri. Kebangkitan dan kesedaran untuk melihat tidak cukup, tidak memadai dengan hanya pelaksanaan berasaskan prinsip takzir untuk pergi ke *higher level* iaitu hudud *the ultimate* seperti mana yang terkandung di

dalam al-Quran. Ini nampaknya diterima oleh masyarakat, diterima oleh rakyat. Sekurang-kurangnya di negeri-negeri tertentu.

Soalan saya sewaktu saya berucap hari itu, apakah pendirian kerajaan dalam soal ini? Tidakkah kita harus *response* kepada mandat yang telah diberikan oleh rakyat berulang-ulang kali dalam negeri berkenaan dan bertepatan dengan kuasa soal hukuman agama ini terletak pada bidang kuasa kerajaan negeri dan Tuanku Sultan supaya mengizinkan atau menggalakkan kalau boleh, di mana negeri yang telah bersedia untuk melaksanakannya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh yang telah pun saya fikir ini merupakan suatu sejarah apabila Yang Berhormat Ketereh telah mencadangkan bahawa pandangan-pandangan yang ada sekarang ini bukan hanya sekadar untuk pelaksanaan hukum yang berkaitan dengan takzir semata-mata. Sebenarnya, sebagaimana yang saya sebut di awal mukadimah saya tadi semasa menjawab semua penggulungan ini ialah dengan saya katakan bahawa dalam perundangan Islam, ia tidak hanya terikat kepada takzir semata-mata tetapi juga ianya adalah merupakan gabungan daripada hudud, kisas dan juga takzir.

Namun, suka saya sebutkan juga dalam kesempatan ini apabila kita menyebut hari ini orang bercakap soal hudud dan dalam konteks hukumnya. Namun, kita juga melihat bahawa di sana yang disebutkan dengan *hududullah* itu adalah merupakan ketetapan-ketetapan Allah. Ia begitu luas dalam dimensi yang begitu berbeza. Kalau kita tengok dalam Surah al-Baqarah, dalam ayat 187, Allah SWT menyatakan bahawa dalam ayat yang panjang... [*Membaca ayat al-Quran*] Sehingga sampai kepada ayat yang menyebut bahawa... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Itulah, ketetapan *hududullah* itu begitu luas sehingga mencakupi dalam bidang ekonomi dan sebagainya.

Akan tetapi berbalik kepada hukum hudud yang kita bincangkan di sini yang ingin saya tekankan bahawa Yang Berhormat, ini bukan hanya sekadar hasrat, termasuk hasrat kerajaan ingin melihat tentang hukum-hukum dan perundangan Islam ini dimartabatkan, diletakkan pada tempat yang sebaik-baiknya. Sebagaimana kata Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah ada rakan-rakan negeri terutamanya yang telah pun bersiap sedia, kenapa tidak untuk menjadi kita sebagai kelompok yang mendukung bersama untuk menjadi suatu harapan yang begitu tinggi kepada semua umat Islam dalam pelaksanaan hukum-hukum perundangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT...

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh minta penjelasan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya hendak bagi yang belakang dahulu. Yang Berhormat Subang kemudian.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi. Bahawa sebenarnya negeri Kelantan sudah bersedia di semua peringkat sebenarnya untuk melaksanakan hudud. Bahkan, undang-undang itu sudah pun diluluskan dengan Enakmen

Jenayah 2 yang telah diluluskan. Dalam persidangan Dewan yang lepas, boleh dikatakan 100% tanpa mengira kerajaan atau pun pembangkang, semua bersetuju bahawa pihak Kerajaan Negeri Kelantan mestilah berusaha untuk melaksanakan hudud di negeri Kelantan.

Sekarang ini saya berterima kasih banyakkah kepada Yang Berhormat Ketereh dan juga rakan-rakan semua, khususnya daripada Kelantan yang membawa isu ini ke sini dan meminta supaya kerajaan di peringkat Pusat memudahkan usaha ini untuk kita laksanakan secepat mungkin. Sebenarnya, hudud ini adalah sebahagian daripada undang-undang Islam yang tidak akan sempurna Islam itu kalau tidak dilaksanakan. Ini kerana kalau kita memegang pada Islam, kita kena buat sepenuhnya Islam itu. Kita tidak boleh ambil separuh. Kita kata tidak sesuai untuk agama Islam sekarang ini, kita buat takzir sahaja. Tunggu hudud kemudian. Tidak boleh.

■ 1530

Islam mesti diambil semuanya... [*Menyebut perkataan dalam bahasa Arab*] Bermaksud, masuklah dalam Islam itu atau ambillah Islam itu sepenuhnya. Tidak boleh kita ketepikan. Apabila kita abaikan sebahagian daripada Islam tak kira di mana atau pada bila-bila masa maka kita mengabaikan Islam sepenuhnya. Saya rasakan itulah dosa kita sepanjang 50 tahun lebih kita tidak melaksanakan Islam di Malaysia ini atau di Kelantan pun kita tidak melaksanakan itu. Inilah dosa kita yang kita mesti istighfar banyak-banyak kepada Allah dan kita kena perbaiki dan perbetulkan.

Jadi kita mempunyai peluang sekarang ini yang cukup indah untuk kita laksanakan. Kita izinkan, kita cepatkan usaha ini jangan kita tangguh-tangguhkan lagi dan saya minta nampak gaya jawapan daripada menteri yang cukup indah tadi, saya boleh merasakan bahawa pelaksanaan hudud itu tidak lama lagi akan dilaksanakan dan boleh dimulakan dan Kelantan sudah pun bersedia. Apakah pandangan Menteri? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya sebagaimana yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa bagi pihak kerajaan sebenarnya daripada dahulu sehingga sampai sekarang kita mendukung... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Adakah kerana di sana kita beriman separuh, kita menolak separuh... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Yang Berhormat Pasir Puteh sebutkan sebentar tadi.

Sebenarnya kita juga mengambil pendekatan yang sebagaimana Yang Berhormat Ketereh sebutkan sebentar tadi iaitulah pendekatan dengan penuh berhati-hati dengan penuh *wisdom*, dengan izin, ataupun dengan penuh kebijaksanaan yang semampu kita boleh berbuat iaitulah dengan kita melaksanakan secara bertahap dan sebab itu kalau kita tengok dalam sejarah perundangan mahkamah syariah, ianya bermula pada tahun 1998, diwujudkan JKSM. Maknanya dalam tempoh kalau diukur pada tempoh 1998 itu ukurannya pada tahun 2012, ianya hanya baru menjangkau kepada lebih kurang pada tempoh 16 tahun begitu namun dalam sejarah yang demikian, ianya kita nampak proses pengembangannya.

Sehingga hari ini saya sebutkan tadi, walaupun mungkin agak kurang dipersetujui, saya katakan mahkamah kita sedang usahakan peningkatan daripada *three tiers* kepada lima tingkatan dan daripada hukuman yang sedang berlaku pada hari ini, 6-5-3 iaitulah enam sebatan,

RM5000 denda dan tiga tahun penjara itu pun kita sedang menganjak untuk supaya ianya diselaraskan dengan kehendak dan tuntutan Islam cumanya beberapa hambatan yang perlu juga kita perjelaskan secara bersama iaitulah kita melihat sebagai contoh kita katakan ialah dalam konteks sebatan.

Hari ini orang masih lagi keliru di antara sebatan syariah dan juga sebatan sivil sehingga tergambar dalam pemikiran bila sebut sahaja sebatan, digambarkan kalaulah 100 rotan di dalam Islam hukuman bagi orang yang melakukan zina, 80 bagi orang yang minum arak lalu tergambar dalam kepala dia bagaimana hendak menghabiskan jumlah yang begitu banyak dalam keadaan orang yang kena sebat itu boleh hidup tapi tanpa dapat kita fahami bagaimana sukatan, angkat tangan dan sebagainya, praktikal dalam konteks pelaksanaan tersebut dan lebih jauh daripada itu juga kita terpaksa berbincang panjang satu ketika bilamana dalam mahkamah sivil tidak ada sebatan kepada wanita, mahkamah syariah ada sebatan yang dikenakan terhadap wanita dan itu juga menjadi satu hambatan yang begitu besar diperbincangkan sehingga sampai di peringkat antarabangsa yang melihat bahawa ini satu perkara yang tidak patut dilaksanakan.

Dengan suara-suara dalaman dan suara luaran yang semacam seolah-olah melihat bahawa mahkamah syariah ini tidak wajar dan tidak patut dan dalam isu Kartieka sebagai contoh beberapa tahun yang lalu tapi kita mengambil pendekatan yang secara berhemah, pelaksanaannya berjalan dengan begitu baik, di Wilayah Persekutuan juga begitu dalam konteks sebatan dan hari ini kita dah patah balik bertanya kepada mereka yang kena sebat dalam konteks syariah. *Alhamdulillah* mereka melihat bahawa dengan sebatan berapa yang mereka kena itu tidak memberikan bekas yang dalam erti kata pada pukulan tetapi memberikan bekas pada hati-hati mereka dan dengan itu kita mencadangkan supaya dipertimbangkan hukuman ini dibenarkan untuk mahkamah syariah dalam ruang lingkup perundangan mahkamah syariah. Jadi sebab itu saya katakan tadi kalau balik kepada soalan-soalan

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Nanti, tak habis lagi. Bagi saya habis dulu baru saya bagi. Dalam ruang lingkup yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Pasir Puteh bahawa kita bersetuju amat dan juga dalam keadaan bersedia ini saya, kerajaan dalam konteks ini bukan kita nak cari *millage*, ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, siapa yang lebih ke hadapan dan siapa yang lebih dahulu. Bukan tujuan untuk kita mendabik dada di atas pentas-pentas politik dan sebagainya.

Hal ini adalah hal yang berkaitan dengan Islam jadi maknanya kalau erti kata tadi bukan hanya sekadar pada Dewan sesi yang lepas saya telah meneliti pada sesi untuk diwujudkan Kanun Jenayah Syariah II Kelantan itu dulu pun semasa hendak ditubuhkan, daripada kalangan rakan-rakan daripada UMNO yang berada dalam Dewan tersebut selaku pembangkang juga turut menyokong secara 100% dan maknanya dalam erti kata yang mudah, kita menyokong untuk berada bersama dan kita persetujui kalau hal ini perlu diangkat sehingga sampai ke Dewan, mungkin dalam pelbagai bentuk termasuklah Bil Persendirian ataupun *Private Bill*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang boleh dikemukakan dan kita bersedia untuk bersama dalam

mendukung perundangan yang seperti ini supaya jangan nanti dilihat bahawa hal ini hal yang berkaitan dengan politik, tidak tetapi ianya adalah merupakan hal yang penting kebersamaan, kesatuan dan juga kepentingan umat Islam.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Kita bagi ini depan, pasal sat lagi kata saya diskriminasi pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang, ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Penjelasan yang saya minta adalah berkaitan dengan perjalanan mahkamah syariah dan Jabatan Agama Islam dan khususnya adalah berkaitan dengan satu kes yang berlaku di Pulau Pinang. Pada 5 Mei 2012, seorang warga Indonesia beragama Kristian bernama Halima dituduh di Mahkamah Syariah Pulau Pinang atas kesalahan kononnya kesalahan khalwat dan dia disabitkan dengan penjara 14 hari dan denda RM3000. Hukuman penjara pernah ditangguhkan selepas dapat perintah penangguhan tetapi denda itu terpaksa dibayar.

Pada masa kita hormati bidang kuasa mahkamah syariah dan sistem itu terhadap umat Islam, pada masa yang sama itu kita perlu, pada pendapat saya kita perlu pastikan bahawa sistem itu tidak melanggar hak orang yang bukan Islam dan dalam kes ini, sudah berlaku. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah Jabatan Perdana Menteri sedar tentang kes macam ini dan sekiranya ataupun apabila kes-kes macam ini berlaku, apakah tindakan yang diambil daripada pihak Putrajaya sebab bagi saya, kita perlu ada satu sistem supaya apabila kes-kes macam ini terjadi, ada satu tindakan proaktif dibuat supaya mahkamah syariah pun sendiri boleh menyelesaikan masalah ini dan tanpa melengahkan masalah itu berterusan sebab kes-kes macam ini mencemarkan imej mahkamah syariah dan sistem perundangan yang kita ada apabila dia melibatkan orang bukan Islam dan bukan agama Islam atas-atas sebab yang kita belum tahu lagi. Jadi saya minta penjelasan itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Subang juga terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Subang kepada mahkamah syariah. Nampak Yang Berhormat Subang baik hari ini.

Saya ingin menjelaskan begini Yang Berhormat Subang ya, saya ingin menjelaskan begini. Yang pertama sekali Yang Berhormat Subang sudah sedia maklum bahawa kes ini kes yang berkaitan khalwat. Bila sebut khalwat maknanya hal yang berkaitan dengan mahkamah syariah dan yang pertamanya sekali bila oleh kerana perkara ini masih lagi dalam mahkamah dalam konteks rayuan, saya tak bersedia untuk kita menjadi kelompok yang kita *subjudice* kepada dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk kes yang sedang berjalan.

Namun boleh saya katakan bila ditanyakan tadi apa hubungan di peringkat pusat, boleh kita mengarahkan atau tidak. Sebenarnya kalau kita ada kuasa mengarah, maknanya kebebasan mahkamah itu sudah tak dilihat ada kebebasan dan kemudian sebagaimana yang dikatakan tadi, Yang Berhormat juga sedia maklum sebagai pengamal undang-undang tentunya faham bahawa

Jadual Kesembilan ini termaktub di dalam Perlembagaan Negara bahawa kuasa ini adalah merupakan kuasa negeri dan negeri mempunyai kuasa kepada majlis agama Islam masing-masing dan kemudian dalam masa yang sama juga ingin saya katakan bahawa hal-hal yang berkaitan dengan mahkamah itu adalah di bawah negeri masing-masing dan kalau sekiranya, ini pandangan saya melihat kalau ada ketidakpuasan hati pada keputusan mahkamah tersebut, mahkamah yang berikutnya, tingkatan daripada mahkamah rendah syariah kepada mahkamah tinggi syariah dan mahkamah rayuan syariah. Ini ada ruang-ruang untuk ketidakpuasan hati yang boleh kita angkat kepada mahkamah syariah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan sedikit sahaja sebab walaupun saya faham, kita tahu sistem perundangan Islam itu di peringkat negeri masing-masing tetapi untuk Pulau Pinang dan beberapa negeri tertentu, itulah di bawah Persekutuan.

■1540

Kerajaan Persekutuan ada kuasa terhadap sistem itu secara terus dan ada pengaruh. Saya faham memang sesiapa terlibat di dalam kes-kes di peringkat itu, ada hak rayuan dan sebagainya. Itu bukan poin saya. Poin saya ialah kes-kes macam ini apabila berlaku, tidak memberikan imej yang baik kepada sistem perundangan Islam. Apa yang saya tanya, tujuan saya tanya itu tadi ialah supaya di peringkat Kerajaan Pusat ada satu sikap proaktif untuk selesaikan masalah itu secepat mungkin sebab orang itu tidak perlu dihadapkan ke sistem itu. Dia ada hak dan hak dia dilanggar apabila dia didakwa dalam sistem itu yang mana dia tidak boleh didakwa.

So, itu keadaan yang kita ada. Kalau kita biar keadaan itu berlarutan dan dia ada hak rayuan dan sebagainya, itu tidak membantu. So, itulah poin saya. Saya ingin cadangkan untuk negeri-negeri yang mana Kerajaan Pusat ada kuasa terus atau pengaruh terus dan ini berlaku di Pulau Pinang. Oleh sebab itu saya bangkitkan kes ini, kita ada satu sikap proaktif dan kita cuba selesaikan. Jangan biar warga wanita ini macam terus dengan hukuman itu tergantung di atas kepala dia. Itu pun satu penindasan yang kita tidak mahu mencemarkan imej Islam.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Subang.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ketereh bangun.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sekali lagi saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Subang dan saya hendak betulkan fakta Yang Berhormat Subang. Sebenarnya Yang Berhormat Subang, untuk peringkat Persekutuan mencampuri hal ehwal yang telah pun diberikan keizinan di dalam perlembagaan kepada umat Islam, ia tidak benar. Kuasa untuk di Pulau Pinang adalah di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong, bukan Kerajaan Persekutuan. Sehingga Yang Berhormat kalau boleh rujuk pelantikan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang, perkataan yang disebut dalam itu, "*TuanKu Yang di-Pertuan Agong*

mempunyai kuasa pelantikan dan dengan cadangan daripada kerajaan negeri, Tuanku hendaklah untuk melantik cadangan tersebut”.

Oleh sebab itu Yang Berhormat tengok di Pulau Pinang, pelantikan dan Kerajaan Persekutuan tidak mencampuri apa yang sebagaimana disebutkan. Itu pelantikan. Begitu juga amalan yang dilakukan di Mahkamah Syariah, tidak ada. Namun, saya harapkan kes itu berjalan dengan baik. Saya minta izin untuk saya panjang lagi- saya hendak *last one*- pasal yang saya hendak baca ini pun bersamaan juga.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Perkara-perkara yang dibangkitkan tadi Yang Berhormat, isunya di sini ialah sekiranya orang bukan Islam disabitkan di bawah Kanun Undang-undang Islam mengikut pandangan Yang Berhormat tadi bahawasanya ia mencemarkan imej Islam. Itu mengikut pentafsiran dia.

Saya rasa kita boleh faham imej Islam cemar atau tidak cemar, itu bergantung sama ada dia adalah seorang Ahli Syahadah, dia rasa itulah yang baik. Jikalau dia bukan ahli syahadah, sudah tentulah segala-galanya tidak baik. Persoalannya di sini Yang Berhormat, saya ingin bertanya dalam konteks soalan yang sama dari segi hukum ataupun undang-undang Islam. Apabila sesuatu pemerintah Islam yang mendapat mandat daripada rakyat, lebih-lebih lagi mandat yang begitu besar majoritinya, apakah undang-undang dan jenayah syariah itu hanya tertakluk dan terkena kepada orang Islam sahaja? Jikalau itu berlaku, bermakna ada dualisme.

Seseorang yang melakukan kesalahan yang sama, dia akan memilih, mungkin dia akan memilih perundangan yang hukumannya yang lebih ringan. Tidakkah itu menjejaskan prinsip keadilan dan matlamat undang-undang itu dikanunkan, hendak menghalang daripada berlaku perkara-perkara yang tidak baik? Adakah dalam prinsip Islam, sesuatu undang-undang di bawah pemerintah kerajaan yang dikendalikan oleh orang Islam, yang melaksanakan perundangan sebagai satu tanggungjawab kepada agama terkena hanya kepada orang Islam sahaja sementara bukan Islam tidak perlu disabitkan?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, satu pengamatan, satu pandangan, satu luahan yang begitu mendalam yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Saya suka menyebut kepada kesempatan yang amat bermakna pada hari ini Yang Berhormat Ketereh telah menimbulkan bahawa adakah dengan pelaksanaan hanya di satu pihak sahaja. Sememangnya Yang Berhormat, jikalau mengikut dalam konteks Islam sebagaimana yang telah dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan begitulah amalan-amalan yang dilakukan sesudah dari zaman Khulafa ar-Rasyidin dan begitulah juga dengan kerajaan-kerajaan Islam yang lain, pelaksanaannya adalah mencakupi.

Maknanya apabila sebut undang-undang Islam itu, ia terangkum kepada semua golongan, semua bangsa dan juga semua agama. Dalam erti kata sebuah negara, ia hanya memiliki satu perundangan yang namanya undang-undang Islam. Namun, saya tidak berhajat untuk menjadikan medan petang ini untuk medan kita berbahas panjang. Ini kerana jikalau kita berbahas panjang tersebut tentunya ada orang menyebut kata menolak hudud. Akan tetapi saya suka hendak menarik perhatian, pimpinan-pimpinan negara yang terdahulu juga bukan soal

mereka itu menolak tetapi mereka melihat, adakah nanti sebagai contoh katakan, dalam satu kes yang berkaitan dengan hukum zina di dalam Islam, bagi orang yang telah pun berkahwin, hukumannya adalah rejam sehingga mati.

Kemudian, kalau sekiranya yang terlibat tersebut dalam konteks perundangan Mahkamah Syariah kita di Malaysia, seorang akan dikenakan hukuman kalau dilaksanakan mengikut undang-undang Islam, seorang akan kena dan seorang lagi akan sama ada dilepaskan di Mahkamah Sivil ataupun Mahkamah Sivil pula melihat ada di sana unsur-unsur kesukarelaan, suka sama suka, mungkin dia minta untuk dilepaskan. Maka sebab yang demikian, ada luahan-luahan perasaan juga yang menyebut kenapa tidak dilaksanakan kepada semuanya sekali supaya bukan soal penolakan kepada hudud tetapi ialah tentang bagaimana supaya hudud yang hendak dilaksanakan itu sepenuhnya dilaksanakan untuk semua pihak.

Dalam masa yang sama juga, ada pandangan-pandangan lain yang berkaitan dengan hal-hal yang berkaitan dengan soal perundangan Islam dan sebagainya ini yang dirasakan tidak sewajar dan sepatutnya dalam perkara-perkara yang mengambil kanun-kanun yang telah sedia ada termasuk di beberapa buah negeri, ada yang masih dianggap ia tidak selari. Namun, saya sebutkan pada petang ini ialah kesempatan yang begitu baik dan pada petang ini untuk saya katakan bahawa kaedah *Usul Fiqh* menyebut, bila kita tidak dapat melaksanakan keseluruhan, jangan tinggalkan seluruhnya sekali. Jadi apa yang mampu sekadar pada hari ini, dengan cabaran-cabaran dan juga apa yang ada di hadapan, kita tidak perlu meninggalkan semuanya sekali.

Itulah harapan yang telah pun saya sebutkan daripada awal perbincangan dan saya mohon izin untuk...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri. Sedikit lagi.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sebab ada lagi nanti masuk kemudian.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit lagi yang poin tadi itu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sikit sahaja. *Sat* lagi saya habiskan sebab yang sama juga. Kemudian barulah senang... *[Disampuk]*

Yang Berhormat, ini sekarang sudah pukul 4, Yang Berhormat Marang pula menyarankan supaya Jadual Kesembilan itu saya katakan tadi sudah ada dah. Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dipinda kerana bidang kuasa yang terhad bagi membolehkan negeri-negeri melaksanakan Islam secara menyeluruh. Kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan yang perlu dilihat di dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan secara menyeluruh dan tidak hanya dalam ruang lingkup Perkara 31 semata-mata.

Ini adalah kerana peruntukan tersebut diperkukuhkan dengan kewujudan peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan Islam antara lain seperti Perkara 11(4), Perkara 12(2), Perkara 121(1A), Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, dan ikrar Yang di-Pertuan

Agong dalam Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan-peruntukan itu, jelas bahawa pemakaian Agama Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak terhad kepada amalan-amalan yang berbentuk keagamaan dan ritual semata-mata tetapi turut terpakai bagi perkara yang melibatkan dasar dan undang-undang negara seperti pemerintahan perundangan kehakiman, ekonomi, kebebasan asasi pendidikan, moral dan juga kekeluargaan.

Dalam aspek perundangan, kerajaan daripada semasa ke semasa sentiasa berusaha mengharmonikan undang-undang sedia ada selaras dengan *maqosid* syariah dan juga bersifat patuh syariah ataupun *syariah compliance*, dengan izin, seperti yang saya jelaskan tadi dalam perbahasan Yang Berhormat Lumut. Kesimpulannya, kerajaan akan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif, berterusan dan konsisten sewajarnya bagi memastikan pentadbiran undang-undang yang bertepatan dengan syariat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas bertanya, apakah reaksi kerajaan Perdana Menteri terhadap Enakmen Jenayah Syariah 2 di negeri Kelantan bagi melaksanakan hukuman hudud di Kelantan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan, Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan untuk memelihara Agama Islam pada setiap masa.

■1550

Selaras dengan perkara tersebut, menegakkan dan mempertahankan undang-undang syariah yang syumul adalah tanggungjawab setiap orang Islam di negara ini. Dalam hal ini orang Islam perlu bersepakat melaksanakan undang-undang hudud ditambah lagi bila keadaan dan masalah negara menuntut kepada undang-undang tersebut. Di samping yang sama, penelitian perlu dibuat bagi penggubalan peruntukan undang-undang hudud yang lengkap, komprehensif dan seragam antara negeri-negeri supaya keindahan dan keadilan perundangan Islam yang indah dan adil itu tidak disalah ertikan apatah lagi difitnahkan kemudian disebabkan kelemahan dan kejahilan pelaksanaan dan penguatkuasaan. Justeru bagi pihak kerajaan, kita sentiasa bersama dalam usaha-usaha memartabatkan perundangan Islam termasuk hudud.

Sekiranya ada kerajaan negeri termasuk Kelantan yang telah bersedia melaksanakan hukum hudud, pihak Kerajaan Persekutuan akan bersedia bekerjasama dan terpulang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membawa usul persendirian bagi membentangi undang-undang daripada ahli yang bukan kerajaan di Dewan yang mulia ini. Di mana sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional UMNO telah pun memberikan sokongan kepada Enakmen Jenayah Syariah 2, di Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok Bangun Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya mengamati dua tempoh masa

yang panjang. Kalau dahulu kita melihat di kalangan pemimpin-pemimpin yang berkuasa di dalam negara kita apabila bercakap soal hudud ini dijadikan satu *joke*, kalau hendak makan sup tangan pergi ke Kelantan. Kelantan tidak boleh buat pembangunan kerana batu habis digunakan untuk rejam orang yang berzina. Ini cerita lampau tetapi sekarang ini *alhamdulillah*, saya banyak bersyukur kepada Allah SWT kerana kita mendengar satu persamaan luahan ucapan dan juga sikap dan pendirian tidak kira daripada kerajaan atau pembangkang. Saya amat yakin kepada kejujuran pihak Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan.

Saya memerhatikan di antara mengapa golongan yang belum beragama Islam, mereka sangat *allergic* bila mendengar tentang hukum hudud dan hukum Islam. Sedangkan dalam hukuman Islam ini, kita perlu banyak menonjolkan soal pencegahan dan juga soal mempertahankan maruah orang yang belum diistilahkan bersalah, belum dijatuhkan hukum bersalah dan inilah cara Islam dan mekanisme yang sangat adil untuk mempertahankan orang-orang yang dituduh tadi. Kalau hendak dibandingkan dengan perundangan yang sedia ada, saya melihat ini satu perkara yang perlu dimainkan peranan oleh pihak kementerian supaya merungkaikan persoalan ini supaya boleh difahami secara adil.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak YADIM, beberapa bulan yang lalu di antaranya menjemput saya untuk hadir dalam seminar intelektual hudud Brunei. Apa yang Malaysia boleh belajar? Di situ saya banyak juga memberi input yang akhirnya ramai di kalangan yang hadir tadi mendapat satu pemahaman yang baru bahawa Islam dengan perundangan dan syariat Islam tadi membawa prinsip yang jauh lebih adil daripada apa yang kita ada pada hari ini.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Bersetujukah Yang Berhormat Menteri kalau sekiranya inilah pendirian kerajaan, kementerian bersetuju ataupun tidak dan Yang Berhormat Menteri bersetuju ataupun tidak, kerajaan bersetuju ataupun tidak untuk mencadangkan kepada semua negeri-negeri meluluskan ataupun menggubal perundangan sebagaimana Kelantan dan juga Terengganu dan menjadikan ia sebagai *benchmark* untuk melaksanakan hudud dan juga syariat Islam ini secara lebih menyeluruh.

Bukan sahaja fokus kepada Kelantan. Kita perlu pergi ke seluruh negara kerana saya mengamati setelah diluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2 di negeri Kelantan, maka telah membuka satu dimensi pemahaman baru terhadap Islam dalam negara kita apabila perkara tadi dibukukan dan dijadikan silibus-silibus di universiti, telah menjadikan pemahaman itu lebih menarik dan kita boleh lihat hasil daripada hari ini, tidak kira Yang Berhormat pembangkang atau kerajaan boleh menyokong perkara ini berbanding dahulu di mana mereka memerli apabila kita bercakap soal hudud dan juga Kanun Jenayah Syariah. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Sebagaimana saya sebutkan, saya tidak berhajat untuk meletakkan medan Parlimen pada hari sebagai satu medan untuk kita membincangkan begitu *detail* dengan mendalam. Mungkin ada ruang-ruang yang lain, yang boleh kita adakan untuk perbincangan seperti ini. Namun sebagaimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi, kalau ditanyakan bersedia atau tidak soal pengarahannya itu adalah hak negeri masing-masing.

Cuma kita boleh mencadangkan. Apa yang kita sampaikan pada saat saya perjelaskan sejauh mana hari ini kita telah serius untuk kita mempertingkatkan mahkamah syariah daripada tiga tingkatan kepada lima tingkatan, sejauh mana kita berusaha supaya ia menjadi lebih luas keizinan daripada sekatan "6-5-3" yang boleh disebutkan, ada sesetengah orang memomokkan dengan mahkamah "6-5-3".

Namun kita sebutkan secara ikhlas kita sedang berusaha dan apa yang berada di hadapan kita pada hari ini dalam pelaksanaan perundangan Islam, ia adalah merupakan satu perkara yang mengambil tempoh pendekatan. Maksudnya bagi pihak kerajaan, pendekatan kita ialah bila mahkamah kita mempertingkatkan peruntukan undang-undang kita, memberikan ruang yang sepatutnya menepati kehendak Islam. Jadi dalam masa yang sama juga itulah usaha yang kita lakukan. Kalau usaha di peringkat kerajaan negeri dan sebagainya, kita amat mengalu-alukan apa yang saya sebutkan dalam ucapan penggulungan saya tadi. Saya bagi pada Yang Berhormat Shah Alam dulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Menteri dan juga pada Tuan Yang di-Pertua. Kaedah pendekatan yang berperingkat-peringkat ini baguslah ya. Akan tetapi bagaimana boleh dikatakan berperingkat-peringkat apabila selama ini pimpinan Barisan Nasional itu sendiri yang memperlekehkan dengan kenyataan seperti sup tangan, habis batu hendak buat jalan, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Bachok. Selama ini pun kita tidak nampak ada apa-apa usaha yang serius daripada pihak kerajaan untuk meningkatkan kefahaman umat Islam tentang wajibnya kita melaksanakan hudud khususnya... *[Disampuk]* Inilah main-main bab syariat ini. Ini main-main macam inilah, main-main macam ini.

Hendak meningkatkan fahaman umat Islam. Nombor satu umat Islam itu sendiri kena faham bahawa ia wajib dan inilah di antara sebab kenapa PAS telah mengambil tafsiran di mana laksanakan ke atas umat Islam itu sendiri, dahulu. Ini yang dikatakan mungkin di antara kaedah berperingkat-peringkat juga. Kalau umat Islam itu sendiri memahami bahawa ini adalah wajib atas diri mereka, itulah yang lebih penting. Seperti mana Yang Berhormat Menteri kata tidak hendak berhujah panjang, saya pun hormat tetapi saya mempertikaikan sokongan atau sumbangan yang telah dibuat oleh Barisan Nasional dan UMNO khususnya terhadap persoalan ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam. Sekejap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Biar Yang Berhormat Menteri sahajalah jawab.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan sedikit, sikit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sila, sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri pertama kalinya saya dengar satu kenyataan di dalam Dewan yang mulia ini yang menyatakan dulu pimpinan mengeluarkan kata-kata sinis, "Hendak makan sup tangan pergi Kelantan" Di Kelantan sudah habis batu kerana buat hudud. Saya lama- dalam Kabinet pun lama, dalam Parlimen ini lama tetapi saya tidak pernah mendengar kerajaan pernah berkata begitu. Saya fikir... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berbincang satu isu yang serius dan kita berbincang di depan rakan-rakan kita yang bukan beragama Islam. Kalau awal-awal lagi kita menunjukkan ketidakbijaksanaan kita, bila orang hendak menghormati kita? Inilah masalah kita Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya hendak bertanya, dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, apakah *practical problem* yang bakal kita atasi. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan soal pendirian, soal komitmen kita, soal tanggungjawab kita sebagai orang Islam yang wajib hendak melaksanakan undang-undang Islam. Akan tetapi apabila kita bergerak ke satu spektrum yakni pelaksanaan, kita akan berhadapan dengan *practical problem*. Apabila kita sampai ke peringkat pelaksanaan juga, undang-undang ini tidak hanya boleh diterima hanya oleh orang-orang Islam sahaja.

■1600

Mesti juga boleh diterima oleh seluruh rakyat Malaysia kerana pelaksanaannya merangkumi semua. Apakah agaknya nanti yang menjadi persoalan apabila rakan-rakan kita yang beragama Islam di sebelah kerajaan telah pun mempamerkan komitmen kita melalui Dewan Undangan Negeri Kelantan dan kita menjelaskan pula permasalahan kita di peringkat nasional? Akan tetapi tidakkah nanti masalah ini menjadi lebih besar kepada rakan-rakan kita berada dalam pembangkang? Ini kerana pemimpin-pemimpin Islam pembangkang telah menjadikan mereka minoriti dalam pembangkang yang mereka sendiri tidak berkuasa hendak meyakinkan rakan-rakan pembangkang mereka sendiri. Tidakkah ini akan menjadi masalah?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tidak betul, tidak betul itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kepala Batas. Yang lain duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Kepala Batas dulu.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri terima kasih. Saya sebenarnya saya memang mengamati semuanya yang diperkatakan oleh sahabat-sahabat baik daripada pembangkang mahu pun daripada Ketereh. Saya cukup suka bila mana patah-patah, bait-bait dan ayat-ayat yang disantuni oleh wakil Bachok. Oleh sebab itulah saya agak

terkejut bila mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam dengan keadaan yang sebegitu. Bila mana kita membicarakan tentang soal yang memang menjadi suatu benda yang kewajipan. Tidak ada siapa mempertikaikan hudud.

Dari segi hukum sebagai orang Islam, kita kena terima tetapi ia tidak membatasi kita untuk ada perbincangan tentang kaedah pelaksanaannya. Kitab tidak membatasi kita untuk membincangkan tentang pentafsirannya. Oleh sebab itu dalam hudud-hudud pada zaman Nabi pun, bila mana ada hudud ada juga di kalanya Nabi melakukan perkara-perkara yang mengikut keadaan kesesuaian zaman dan tempatnya. Oleh sebab itulah kalau dalam soal mencuri... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Potong tangan!

Akan tetapi ada hadis Nabi pula mengatakan... *[Membaca sepotong Hadis]* ...Jangan potong tangan ketika dalam keadaan ketika Safar. Maknanya, kaedah pelaksanaannya juga merupakan adalah antara perkara yang perlu diambil perkiraan supaya kita faham bahawa bila bercakap begini saya sebagai orang Islam, Kepala Batas tidak menolak benda yang menjadi hukum Allah Taala.

Akan tetapi benda yang mentafsir pelaksanaan itu dipanggil fatwa. Ahli-ahli *fuqaha*, kaedah *Usul Fiqh* mengatakan bahawa... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Perubahan-perubahan fatwa dalam pentafsiran hukum itu berdasarkan kepada keadaan, tempat dan waktu. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dalam benda yang dibangkitkan dengan keadaan-keadaan kekangan, apakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa itu juga antara aspek-aspek yang perlu diambil perkiraan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh bagi yang ini? Yang Berhormat, Batu... *[Disampuk]* Ya, boleh.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi saya apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi bahawa kita ada masalah. Tidak pernah dengar tadi, sebenarnya kita semua dengar, dulu kita semua dengar. Akan tetapi bagi saya itu cerita lama. Itu adalah cerita lama, baguslah sekali ini kita mempunyai keadaan dan wadah yang baru, keadaan yang baru, wakil-wakil rakyat yang baru, dan terpelajar pula yang mengetahui tentang Islam sekarang ini. Wakil-wakil daripada UMNO pun saya percaya amat mengetahui kewajipan ini. Oleh sebab itu saya rasa kita teruskan dengan perbincangan yang baik ini.

Satu lagi yang ingin saya perbetulkan sedikit kenyataan Yang Berhormat Ketereh ialah kita di pihak pembangkang, PR ini kita ada DAP, kita ada PKR. Sebenarnya kita berbincang sesama kita tentang hudud ini. Bukan kita memujuk dan kita menerangkan kepada mereka tentang hudud. Saya percaya Yang Berhormat Batu akan menyokong saya, *insya-Allah*. Makna tidak ada masalah pelaksanaan ini tidak akan ditentang oleh PR. Tidak akan ditentang oleh DAP atau oleh PKR. *Insya-Allah, insya-Allah* dengan demokrasi, kebebasan bersuara, berbincang begini, Allah telah menentukan bahawa *insya-Allah* kita boleh melaksanakan dengan mudah. Jadi jangan bimbang. Bagi saya jangan bimbang. Hanya kita hendak sekarang ini kita sebagaimana diterangkan tadi, bagaimana untuk kita laksanakan? Melaksanakan, apa

masalahnya yang kita akan hadapi dan kita percaya akan ada masalah-masalahnya. Akan tetapi kita cubalah untuk mengatasinya bersama, *insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi Yang Berhormat Tasek Gelugor cakap, langkah mayat dia dulu. Macam mana itu? Yang Berhormat Tasek Gelugor mana? Tidak ada sudah? Tadi dia sudah keluar. Tadi ada, sudah keluar pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, terima kasih. Pertama kali saya dengar tadi apa Yang Berhormat Menteri sebut tentang sokongan daripada pihak kerajaan terhadap usaha PAS untuk melaksanakan hudud. Saya juga dengar dengan teliti bahawa itu adalah pendirian UMNO dan UMNO akan melakukan sedaya upaya untuk membantu PAS melaksanakan sistem perundangan. Undang-undang mengikut kaedah demokrasi yang telah dipilih oleh orang Kelantan.

Saya bagi Pakatan Rakyat, kita telah memahami bahawa pelaksanaan hudud ini adalah kewajipan orang Islam. Kita tidak pernah membantah orang-orang Islam untuk mengikut apa yang dituntut oleh agama masing-masing. Akan tetapi saya hendak balik semula kepada apa yang telah diberitahu tadi oleh seorang lagi Yang Berhormat Menteri tadi. Dalam realiti politik Dewan ini, di sini ada tiga parti. Pakatan Rakyat tidak diiktiraf sebagai Pakatan Rakyat. DAP, PAS, Keadilan masing-masing ada pendirian kita terhadap hudud. Dalam Pakatan Rakyat, kami masih dalam proses untuk memahami dan dalam proses perbincangan supaya kita ingin ditadbir oleh... [Dewan riuh]

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Batu, sudah setuju belum?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Nantilah saya belum habis.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Belum setuju. Yang Berhormat Tasek Gelugor pun sudah keluar tadi?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Dan semua pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat masih dalam proses...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini, terus teranglah. Cakap terus teranglah, jangan selindung- selindung.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sudah setuju sudah? Cakap betul-betul setuju atau tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Perbincangan dan kami rela ditadbir, ditingkatkan persefahaman...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Beruas setuju tidak? Yang Berhormat Kepong itu pun tertidur. Yang Berhormat Kepong lagi tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Tentang perkara ini oleh rakan-rakan kita daripada PAS. Akan tetapi apa yang saya rasa... *[Disampuk]* Perlu kita dapat yakinkan ialah dari pihak sana yang mereka kata mereka tanding di bawah satu lambang. Itu Barisan Nasional. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri ini menjawab kepada kita di Dewan ini atas nama UMNO atau atas nama Barisan Nasional? Oleh sebab dalam Dewan ini...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, Chua Soi Lek pun tolak.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...UMNO tidak wujud. UMNO tidak wujud sebagai entiti. Tadi kita diberitahu, UMNO tidak wujud sebagai entiti...

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tengok. Tasek Gelugor tadi tidak ada sudah keluar. Yang Berhormat Kepong tidur. Kedua-dua tidak sokong. Macam mana cakap ini? Yang Berhormat Shah Alam, pergi kejut Yang Berhormat Kepong itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin tahu, status sekarang dalam perbincangan Barisan Nasional sama ada Barisan Nasional sepenuh hati, sebulat-bulatnya menyokong PAS dalam pelaksanaan undang-undang di Kelantan atau ini hanya gimik UMNO untuk meyakinkan PAS? Terima kasih... *[Dewan riuh]*

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Hello, hello.* Tolong, *you* tahu apa pasal hukum hudud?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Baling tidak apa. Ada panjang lagi, ada panjang lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja, sikit.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan Yang Berhormat Menteri habiskan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Bertenang Yang Berhormat bertenang. Ada panjang, ada panjang lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri sikit, sikit sahaja, setengah minit.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri habiskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak ingatkan, saya hendak ingatkan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau Yang Berhormat Menteri bagi, sampai esok pun tidak selesai. Oleh sebab Yang Berhormat Batu bercakap pasal hudud? *Lailahaillallah*, apa cerita ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dalam rang undang-undang, Enakmen Hudud bukan sekadar di Kelantan.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Batu gigit telinga orang bolehlah, cerita fasal hukum hudud.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekarang ini Terengganu pun sudah ada. Kalau untuk hendak buktikan keikhlasan, UMNO Barisan Nasional laksana jugalah di Terengganu.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Janganlah *put the honor on Kelantan* semata-mata. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Shah Alam. Duduk.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam buat dulu di Selangorlah Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam PKR buatlah dulu, cakap sahaja banyak... *[Disampuk]* Yang Berhormat Shah Alam pun tidak boleh buat, cakap banyak, tuduh UMNO.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Baling boleh dinasihatkan untuk diam.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyebut begini. Dalam kita bincang, isu yang berkait dengan undang-undang Islam atau pun peraturan Islam ini, janganlah kita jadikan ia sebagai satu polemik dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang nantinya akan mencemarkan dan lebih menyusahkan dan menyukarkan keadaan.

Cuma saya peringkat pertamanya saya, ucap terima kasih sekiranya betul pihak kerajaan mahu benar-benar melaksanakan syariat Islam ini. Suka saya sebut depan kita ada dua isu. Pertama ialah isu *taqin* dan yang kedua ialah isu *tamfiz*. *Taqin* itu ialah mengkanunkan atau pun melembagakan undang-undang, mengaktakan undang-undang itu, baik. Kedua, *tamfiz* untuk melaksanakan. Mungkin tadi kita banyak bincang, Yang Berhormat Ketereh ada sebut tentang bagaimana *problem* pelaksanaan? Baik, kita selesaikan yang pertama dulu iaitu *taqin*.

■1610

Kenapa tidak kerajaan memulakannya? Kalau kerajaan sudah bersetuju, saya mencadangkan dari segi *political willnya* juga mesti ditunjukkan kepada umum, kerajaan kemukakan usul untuk melaksanakan atau *mentaqin* undang-undang syariat ini di peringkat negara kita supaya tidak menimbulkan satu isu.

Kemudian, soal *tahfiz* peringkat kedua itu boleh kita tubuh sebuah jawatankuasa, kita tubuh satu badan yang boleh bincang secara serius. Memang hendak bincang secara terperinci tentang pelaksanaan undang-undang ini ia panjang dan memang ada khilaf terlalu banyak di kalangan alim ulama kita. Sebagai contoh soal tadi apakah melibatkan Islam sahaja, ataupun bukan Islam. Ya, dalam perbincangan undang-undang terlalu panjang perkara ini.

Jadi, saya harap *taqin* itu diselesaikan terlebih dahulu dan kalau boleh usul itu datang daripada kerajaan. Ia lebih kukuh sebab saya ada dengar laporan media sebelum ini- sedikit lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebut tentang dia tidak akan membenarkan mana-mana negeri yang dipimpin oleh Barisan Nasional dilaksanakan hudud. Jadi, kalau itu benar, malanglah. Saya harap ianya tidak benar dapat diperbetulkan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil kesempatan perbincangan pada petang ini. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Temerloh.

Saya sebutkan tadi saya tidak berminat untuk menjadikan medan ini sebagai perbincangan sebab kita sudah menarik kepada satu hala tuju yang lain. Saya melihat bahawa kita perlu ada satu pendekatan politik yang berjiwa besar di mana pendekatan politik berjiwa besar ini bukan di Dewan ini menjadi medan kita bermusuhan. Kalau di sini sudah kita tidak boleh mempunyai suatu keterbukaan hati dan juga perbincangan yang matang, maka di luar sana lebih-lebih lagi begitu. Kalau kita pakat untuk hendak mencari di mana salah cakapan itu ini dan sebagainya, maka di sebelah sini juga termasuk tuan-tuan ada cakap-cakap yang boleh dibahaskan dan dibincangkan yang begitu panjang. Akan tetapi, rasa tidak baik sebagaimana Yang Berhormat Ketereh sebutkan di hadapan perbincangan kita ini, rakan-rakan kita yang bukan Islam dan sebagainya.

Saya melihat Yang Berhormat Batu tadi ini saya tidak mahu letakkan dia duduk di belakang tetapi saya terpaksa begitu supaya saya tidak campur adukkan. Bukan kerana hendak *downgrade* dengan izin ataupun dengan tidak melayani sebab semacam kita bercakap agama ini, yang bukan Islam tidak boleh hendak cakap. Akan tetapi, saya hendak campurkan dan saya melihat Yang Berhormat Batu mempunyai pendirian yang begitu tersendiri dalam hal yang berkaitan dengan perundangan Islam. Akan tetapi, sebab itu saya kata tak nak buka. Bila kita buka, Yang Berhormat Batu tanyakan pula. Saya berdiri di sini atas sifat apa, atas sifat partikah? Maka, saya menjawab di sini bagi pihak kerajaan, Kabinet Menteri yang dilantik untuk menjawab persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu [*Tepuk*]

Jadi, sebab itulah saya akan sebutkan, saya fikir ini bukan medan yang terbaik untuk peringkat yang ada sekarang, tetapi mungkin pada waktu-waktu ketika kematangan yang lebih tinggi, keterbukaan yang lebih luas yang dapat kita bincangkan. Selain daripada itu, saya suka menyambung berhubung tindakan terhadap pihak yang menggunakan ayat-ayat al-Quran dan mempersendakan agama Islam sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah.

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil perhatian terhadap mana-mana kenyataan yang boleh menimbulkan salah faham terhadap Islam yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Walaupun Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan untuk semua orang menganuti dan mengamalkan agamanya, namun hak tersebut masih tertakluk kepada Perkara 11(4) dan 11(5) Perlembagaan Persekutuan. Justeru, semua pihak tidak sewajarnya

mengeluarkan pernyataan yang boleh menyinggung perasaan atau sensitiviti penganut ajaran mana-mana agama di negara ini.

Mengenai isu orang bukan Islam yang menggunakan ayat-ayat al-Quran, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam telah membincangkan isu tersebut dalam muzakarah khas yang telah diadakan pada 3 Disember 2010 dan memutuskan seperti berikut, *“Bahawa pada dasarnya bagi tujuan untuk mempelajari, memahami dan mendekatkan diri kepada ajaran Islam atau bagi tujuan untuk menjadikannya panduan hidup di dunia dan akhirat atau bagi tujuan dakwah, Islam tidak pernah menghalang mana-mana pihak termasuk bukan Islam untuk membaca dan mendalami teks-teks suci Islam termasuk al-Quran dan tafsirannya. Akan tetapi, ia hendaklah dilakukan dengan jujur dan ikhlas bagi tujuan tersebut dan bukan untuk kepentingan dan tujuan tertentu peribadi, apatah lagi jika ia dilakukan dengan kesalahan sama ada pembacaan ataupun huraiannya yang menyimpang daripada kehendak sebenar teks-teks tersebut kerana perbuatan seperti ini boleh mencemarkan kesucian al-Quran dan Islam serta sekali gus menimbulkan keraguan, keresahan dan fitnah kepada masyarakat”*.

Itu pandangan daripada sirah atau lafaz dengan izin daripada muzakarah fatwa. Di samping itu, ahli-ahli muzakarah sebulat suara berpendapat bahawa berdasarkan situasi dan konteks masa, tindakan mana-mana pihak termasuk pemimpin-pemimpin politik bukan Islam menggunakan teks suci Islam termasuk al-Quran secara sewenang-wenangnya dan tidak menepati maksud yang sebenar boleh mendatangkan penghinaan berterusan terhadap kesucian Islam khususnya al-Quran.

Justeru, bersesuaian dengan kaedah *Ushul Fiqh* iaitu *saddu-dzari'ah* iaitu ialah muzakarah bersetuju bahawa perbuatan orang-orang bukan Islam membaca dan menghurai teks-teks al-Quran sewenang-wenangnya mengikut fahaman sendiri dengan tidak menepati maksud yang sebenar di samping tidak terdapat unsur-unsur keikhlasan dan kejujuran adalah menjadi satu penghinaan terhadap kesucian Al-Quran dan boleh mendatangkan keraguan dan fitnah dalam masyarakat. Oleh itu, ianya perlu dihentikan dengan segera.

Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Penampang membangkitkan isu kalimah Allah. Dalam menangani dan menguruskan isu penggunaan kalimah Allah, kerajaan berpendirian bahawa bagi menjaga kerukunan dan keharmonian antara agama, semua pihak wajar untuk menghormati sensitiviti beragama bagi penganut agama berkenaan dengan menghormati keputusan Mahkamah Rayuan. Semua pihak dinasihatkan supaya menghormati keputusan Mahkamah Rayuan berkenaan dan tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan hinggalah Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan. Sehubungan itu, saya tidak berhajat memanjangkan isu ini kerana ia boleh menjadi dianggap sebagai *subjudice* kepada mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh isu-isu berkaitan halal. Yang Berhormat Gerik berharap JAKIM memperluaskan Sijil Halal kepada semua, kepada setiap barangan kepenggunaan. Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Malaysia (JAKIM) telah melaksanakan pensijilan halal bagi tujuh skim ataupun bidang utama.

- (i) produk makanan, minuman dan makanan tambahan;

- (ii) premis makanan;
- (iii) barang guna;
- (iv) kosmetik dan dandanan diri;
- (v) rumah sembelihan;
- (vi) logistik dan;
- (vii) farmaseutikal.

Walau bagaimanapun, permohonan persijilan halal di Malaysia bagi mana-mana bidang skim bidang tersebut adalah bersifat sukarela. Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Sabak Bernam ingin penjelasan bagaimana JAKIM pantau sijil dan logo yang dikeluarkan bagi memastikan produk ini benar-benar halal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah secara berkala ke atas pemegang sijil pengesahan halal Malaysia dan dilakukan sekurang-kurangnya dua kali dalam tempoh sah laku Sijil Halal tersebut atau sekurang-kurangnya sekali setahun.

Sekiranya pemegang sijil halal tersebut didapati telah dengan sengaja tidak mematuhi piawaian persijilan halal yang ditetapkan, maka sijil halalnya boleh digantung atau ditarik balik oleh JAKIM. Di samping itu JAKIM juga memantau aduan yang dilaporkan oleh orang awam...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: ...Bagi memastikan ianya tidak menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) dan Takrif Halal 2011. Untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan halal, seramai 160 pegawai JAKIM dan JAIN telah dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pelantikan ini telah membolehkan pegawai-pegawai JAKIM dan JAIN tersebut bertindak dengan kuasa yang sama dengan pegawai-pegawai KPDNKK yang mana mereka boleh menjalankan siasatan melalui serbuan, sitaan, rampasan dan lain-lain kuasa di bawah akta berkenaan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: JAKIM juga turut melakukan operasi penguatkuasaan bersama agensi-agensi lain yang berkaitan sekiranya terdapat aduan yang memerlukan tindakan bersepadu diambil. Agensi-agensi terlibat ialah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Selain itu, dalam usaha memperkasakan pemantauan halal di Malaysia, JAKIM telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan aplikasi-aplikasi di telefon pintar seperti Halal Square, MyJakim, Direktori Halal Malaysia bagi tujuan mengesan, memantau restoran,

premis, produk yang menggunakan logo halal Malaysia hendaklah mempunyai sijil pengesahan halal Malaysia yang sah.

Yang Berhormat Padang Besar dan Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan pemantauan kepada pusat penyembelihan dan juga mencadangkan supaya Majlis Agama Islam menyediakan pusat penyembelihan halal bagi mengatasi keraguan di kalangan pengguna Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) merupakan agensi berwibawa untuk mengeluarkan sijil halal di Malaysia bagi rumah sembelihan sama ada ianya di bawah milik bumiputera atau bukan bumiputera.

■1620

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya jelaskan tadi, JAKIM, JAIN hanya berbidang kuasa untuk memantau pusat-pusat premis sembelihan yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia atau mana-mana premis yang menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) dan (Perakuan Penandaan Halal) 2011. Bagi bukan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia, premis-premis yang melakukan kesalahan-kesalahan berkaitan boleh dikenakan tindakan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

Berhubung penyediaan pusat sembelihan di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengkaji untuk mewujudkan pusat sembelihan di Kuala Lumpur dengan kerjasama JAKIM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Walau bagaimanapun, perkara tersebut perlu diperincikan terlebih dahulu agar ia benar-benar dapat memenuhi keperluan umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan di samping penglibatan dalam bidang perniagaan yang menjadi bidang baru kepada majlis-majlis agama di seluruh Malaysia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh? Sudah terlepas tadi. Yang Berhormat Menteri, saya hendak kembali kepada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Menteri telah sebut bahawa kes mengenai kalimah Allah ini masih di dalam mahkamah dan itulah sebab adalah untuk mengelakkan *subjudice*, Yang Berhormat Menteri tidak mahu menyentuh.

Akan tetapi saya mahu dapat pengesahan dari Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada 25 Januari 2014, sebelum mahkamah membuat keputusan, juga komen tentang kalimah ini tidak sesuai atau tidak boleh digunakan oleh golongan bukan Islam. Saya ingin dapat tahu, itu adalah pendirian peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau pendirian kerajaan? Kalau itu pendirian kerajaan, saya juga ingin tahu, apakah status persetujuan *10 points* yang telah dijamin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap negeri Sabah dan Sarawak?

Akhir sekali, saya juga kemukakan satu proses untuk perbincangan untuk mencapai satu muafakat kebangsaan supaya mengelakkan pertelingkahan di antara agama dan juga mencari kalimah yang boleh dipersetujui oleh pihak Kristian atau kumpulan lain termasuk menggunakan

istilah lama, “Elohim”, atau “Ilahi” sebagai penggantian kepada “Allah”. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya sudah pergi sampai halal, dia patah balik pada kalimah “Allah” pula. Halal pun tidak habis lagi. Akan tetapi, tidak apalah, oleh kerana Yang Berhormat Batu tanya juga.

Yang Amat Berhormat merujuk pada Majlis Agama Islam seluruh Malaysia kecuali di Sabah dan Sarawak yang telah pun mempunyai enakmen masing-masing yang ada kaitan langsung dengan kalimah Allah. Apa sekalipun, maknanya, tidak ada mana-mana suara yang boleh *supersede*, dengan izin, ataupun yang boleh mengatasi daripada peruntukan itu melainkan keputusannya harus dibuat di mahkamah. Jadi sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup memahami bahawa di Malaysia, dalam konteks Semenanjung, negeri-negeri sudah ada enakmen-enakmen masing-masing dan pendirian dalam konteks kalimah “Allah” tersebut kecuali di Sabah dan di Sarawak. Maka sebab itu di Sabah dan Sarawak ada peruntukan yang lain yang dibincangkan.

Namun, sekiranya sudah ada enakmen-enakmen yang berkaitan, ianya tidak boleh mengatasi enakmen itu oleh mana-mana suara dan juga mana-mana pandangan. Jadi sebab itu saya katakan, ianya adalah merupakan perkara yang telah pun ditetapkan. Dalam masa yang sama juga ialah, sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, saya bersetuju kalau Yang Berhormat amat-amat bersetuju untuk meletakkan soal kalimah “Allah” ini sebagai satu kepentingan walaupun ada orang Islam kata, kalau hendak guna kalimah “Allah” masuk Islam dahulu.

Akan tetapi saya tidak berhasrat untuk menyatakan sedemikian kepada Yang Berhormat Batu. Kalau begitu, *alhamdulillah*, apa pun sekalipun saya ingin menyatakan bahawa dalam konteks yang berkaitan dengan soal cadangan Yang Berhormat itu, biar kita bincangkan nanti selepas daripada keputusan yang diputuskan oleh pihak mahkamah yang akan memberikan keputusan, Mahkamah Persekutuan nanti.

Saya tambahkan sedikit lagi berkenaan dengan Yang Berhormat Pasir Gudang yang membangkitkan isu vaksin yang diragui halal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan Standard Halal Malaysia untuk produk farmaseutikal yang dikenali dengan *MS 2424:2012 Halal Pharmaceuticals-General Guideline*. Berdasarkan standard berkenaan, JAKIM telah memulakan Skim Persijilan Halal bagi produk farmaseutikal mulai 4 Oktober 2012. Permohonan berkaitan farmaseutikal yang diberikan pensijilan halal sebelum pelancaran MS 2424:2012 adalah diproses mengguna pakai MS 1500:2009 di mana standard tersebut merangkumi makanan tambahan dan produk herba tradisional.

Oleh yang demikian, semua produk farmaseutikal termasuk vaksin dari luar negara perlu mendapat kelulusan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) terlebih dahulu sebelum dipasarkan di Malaysia. Ini bertujuan memastikan produk yang diimport adalah selamat, berkesan dan berkualiti. Justeru, sekiranya produk-produk tersebut telah mendapat

kelulusan daripada BPFK, maka permohonan halal boleh dikemukakan kepada JAKIM dan juga JAIN. Manakala bagi produk yang telah disahkan halal oleh badan persijilan halal luar negara yang diiktiraf JAKIM, kelulusan BPFK perlu diperolehi terlebih dahulu dan logo halal badan persijilan tersebut boleh digunakan serta tidak perlu mendapat pengesahan halal dari negara Malaysia.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang kesukaran pihak industri kotej dan juga pengusaha di luar bandar mendapat Sijil Halal. Persijilan halal dilakukan oleh JAKIM dan JAIN adalah mengguna pakai *Malaysian Standard MS 1500:2009* dan Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (MPPHM) serta Fatwa Kebangsaan sebagai rujukan utama sebagai undang-undang lain yang berkaitan. Justeru, setiap pemohon persijilan halal Malaysia hendaklah mematuhi piawaian persijilan seperti yang ditetapkan termasuklah bagi industri kotej, pengusaha berskala kecil di kampung, di luar bandar.

Walau bagaimanapun, JAKIM bersama agensi-agensi pembimbing seperti *Halal Development Cooperation* (HDC), FAMA, MARDI, RISDA, FELDA dan lain-lain agensi yang berkaitan telah bekerjasama bagi membantu pengusaha industri kotej ini supaya dapat mematuhi piawaian persijilan halal yang telah ditetapkan. Sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan diberi dalam tempoh 30 hari bekerja dan dari tarikh pembayaran dibuat dan tiada notis ketidakakuran dikeluarkan semasa audit pematuhan dijalankan atas premis tersebut.

Yang Berhormat Sik pula meminta kerajaan mewajibkan...

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Manis. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata pasal sijil halal untuk industri kotej. Satu daripada kriteria untuk mendapat persijilan halal ialah mesti berada dalam kawasan kilang ataupun tempat yang telah diiktiraf oleh industri oleh Kementerian Perdagangan. Masalahnya, kebanyakan di kampung-kampung ataupun di luar bandar di mana mereka membuat makanan-makanan secara kampung, mereka memang agak sukar untuk mendapat persijilan halal ini kerana nombor satu, memang tidak ada tempat, memang dia orang buat dari dapur rumah. Air pun daripada air hujan, yang telah diambil- dan untuk mereka jual ke bandar pun mereka tetap perlu persijilan halal tetapi mereka tetap tidak akan dapat kerana dari segi kelulusan memang mereka tidak akan luluskan.

Jadi, macam manakah dan saya juga ada mendapat pengalaman di mana mendapat persijilan halal untuk industri-industri kecil agak sukar dan memakan masa yang agak lama. Bukan 30 hari Yang Berhormat Menteri, lebih dari itu. Kadang-kadang setahun dua tahun masih belum dapat. Ada satu yang membuat keropok di Tanjong Manis sampai hari ini tidak dapat, itu pun dah empat tahun. Jadi memakan masa yang agak lama, kerana ia buat di rumah. Jadi apabila industri itu bermula di rumah, macam mana kementerian dapat membantu atau JAKIM

dapat membantu pengusaha-pengusaha kecil, *home based* di Sarawak terutamanya kawasan luar bandar untuk memajukan diri mereka dengan persijilan halal? Terima kasih.

■1630

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri. Satu lagi.

Seorang Ahli: Diserang oleh wanita.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sambungan daripada apa Yang Berhormat Tanjong Manis katakan tadi. Saya juga hendak bawakan beberapa isu yang dibangkitkan oleh pengusaha-pengusaha yang telah mengeksport barangan mereka ke luar negara. Ada sesetengah produk ataupun barangan yang hendak dieksport ke luar negara ini perlukan *certification* halal ini. Daripada maklum balas yang diberikan kepada saya, mereka menyatakan bahawa untuk mendapatkan kelulusan itu terlalu lambat.

Keduanya, beberapa produk itu perlukan halal *certification*, dengan izin, sebagai contoh, *pampers*. Sekiranya kita hendak mengeksport barangan ke luar negara, saya bagi satu contoh iaitu pengeluaran ataupun *drypers* kanak-kanak. Di Malaysia kita tidak perlukan halal *certification* untuk produk seperti ini. Walau bagaimanapun, sekiranya produk ini perlu dieksport ke luar negara terutamanya, Timur Tengah, *drypers* perlukan. Ini saya bagi contoh sesuatu yang *very specific* untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga.

Di Timur Tengah perlukan halal *certification* untuk produk seperti ini. Mereka telah mendapat permohonan untuk membeli barangan. Akan tetapi apabila mereka pergi ke JAKIM ianya tidak memerlukan halal *certification*. Jadinya, ada *conflict of interest* di sini. Saya hendak minta maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri dan diharapkan Yang Berhormat Menteri melalui JAKIM dapat juga membantu pengusaha-pengusaha terutamanya yang akan mengeksport barangan mereka ke luar negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Satu lagi Yang Berhormat Menteri, isu halal.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi. Beri Tanjong Manis sekejap ya. Terima kasih. *Gentleman* dia [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak sambung sedikit lagi daripada segi antara JAKIM dan HDC. Kita banyak industri daripada luar negara yang berminat menggunakan Sijil Halal JAKIM. Industri halal adalah satu industri yang amat besar terutamanya daripada segi gelatin ya. Gelatin halal sahaja adalah satu industri yang di tahap sekarang adalah sebanyak USD1 trilion. Satu industri yang amat besar.

Jadi, beberapa syarikat telah memohon untuk persijilan halal terutamanya di *factories* mereka di luar negara dan apabila mereka membuka *factory* mereka di Malaysia memang mengikut standard yang telah dibantu oleh HDC. Bagaimana pula *factory* mereka di luar negara? Bagaimana kita dapat membantu supaya standard halalnya sama, mengikut standard JAKIM? Bagaimana JAKIM dapat membantu kerana saya faham JAKIM pun tidak mempunyai pegawai-pegawai yang cukup untuk membantu mereka di luar negara? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Satu lagi Yang Berhormat Menteri. Isu halal. Sedikit lagi. Saya ada dua perkara berkaitan dengan halal ini. Pertama sekali tentang konsep halal. Saya ingat JAKIM perlu *review* balik kerana konsep makan ini... *[Berucap dalam Bahasa Arab]* Asal daripada makanan halal dulu barulah dibuktikan sebaliknya. Ertinya dalam konteks negara Malaysia yang rakyatnya majoriti adalah Muslim, yang diperlukan satu notis bahawa ada makanan tidak halal dalam makanan di pasaran.

Ertinya peraturan yang perlu kita buat ialah yang mewajibkan pengusaha makanan terutamanya di kalangan orang bukan Islam meletakkan label tidak halal ataupun haram ataupun yang seumpamanya pada *packaging* mereka supaya sekiranya berlaku penipuan bahan makanan yang tidak ada unsur halal dijual di pasaran, maka kerajaan boleh ambil tindakan. Yang berlaku hari ini, kita hendak mengesahkan apa yg telah asalnya halal hingga akhirnya menyebabkan kesannya kepada rakyat Malaysia beragama Islam di peringkat bawahan, yang membuat produk makanan kecil-kecilan. Hendak dapat logo halal, yang sangat susah macam disebutkan oleh daripada Yang Berhormat 'Seri Manis' tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Manis.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Tanjong Manis tadi- isu ini saya rasa banyak aduan timbul di kalangan orang kita. Di tempat saya sendiri di Seberang Takir dan sebagai contoh, orang kampung yang bila mereka buat keropok hendak dapatkan logo halal bukan mudah sebenarnya. Jadi, saya minta satunya JAKIM, jika makanan melibatkan orang Islam sebagai pengilangnya, syarat mendapatkan logo halal mesti diperingan dan dipermudahkan. Saya rasa itu poin yang saya minta Yang Berhormat Menteri respons. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Parit Sulong dan kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Kuala Nerus dulu. Lama sudah kita bincang bab halal. Hari ini berhenti pula sijil halal pula Yang Berhormat Kuala Nerus. Sebenarnya hal ini Yang Berhormat Kuala Nerus, sudah dibincangkan panjang.

Asalnya sebab kita setuju... *[Berucap dalam Bahasa Arab]* Ini kaedah yang hendak diguna pakai. Akan tetapi sebenarnya memang kita faham bahawa asas sesuatu dan sebagainya itu juga mengambil kira bahawa ianya harus tetapi dalam konteks yang kita maksudkan persijilan halal ini lain iaitu ada perkara yang dilihat nampak halal tetapi *content*nya itu, yang itu menjadi persoalan. Kena faham juga bila sebut persijilan halal ini yang pertamanya, dia ada standard yang tertentu.

Standardnya ialah bukan hanya sekadar halal itu sahaja tetapi sebab itu saya sebut tadi dengan MS2012 termasuk juga dengan menggunakan MS2009 dan sebagainya yang berdasarkan kepada standard-standard tersebut dia terangkum *halalan-toyyibban*, halal dan juga baik. Ertinya ialah termasuk dia mengandungi bagaimana kebersihannya, bagaimana dijaga barangan tersebut, bagaimana pensterilan ataupun simpanannya, distorkan dan kemudian bagaimana penghantarannya.

Akan tetapi oleh kerana mengenangkan bagaimana Yang Berhormat Kuala Nerus sebutkan tadi di Seberang Takir orang jual nasi lemak sebab yang demikianlah untuk Yang Berhormat Tanjong Manis, untuk Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kuala Nerus sebab itu sijil halal tidak diwajibkan. Sijil halal adalah kesukarelaan. Cuma yang jual nasi lemak-sebab kita sudah fikir sudah daripada sudut...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sekejap. Sekejap dulu, bagi saya bercakap habis dahulu. Cuma oleh kerana saya katakan dulu kita sudah fikir sebelum perkara ini, ada pandangan suruh diwajibkan. Jadi, kita beritahu kalau kita wajibkan nanti pula akan timbul persoalan makcik- bukan yang di Seberang Takir dan Kuala Nerus sahaja. Di kampung saya, Daka itu pun asyik fikir orang jual nasi lemak, roti canai apa semua, dia hendak pergi minta sijil dekat mana pun dia tidak tahu. Macam mana dia hendak mohon pun dia tidak tahu walaupun kita sudah ada *online*.

Jadi, sebab itu permohonan sekarang ialah bersifat kesukarelaan. Bila bersifat sukarelawan, dia tidak menjadi satu kekangan yang oleh kerana tidak dapat sijil, dia tidak boleh hendak jual. Cuma, mungkin barangkali dalam persaingan produk pada peringkat yang ada sekarang, dia memerlukan kepada ramai persaingan-persaingan, dia ada nilai tambah bila dia ada sijil-sijil tersebut.

Saya setuju kalau produk-produk kampung termasuk dalam kelulusan sijil halal tersebut dia mesti dilihat juga cara penyediaan, bagaimana dia sediakan? Ambil contoh keropok, di mana dia jemur keropok tersebut? Kalau di tepi jalan, atas tempat-tempat yang boleh menyebabkan binatang naik di situ buang air, kencingnya di situ dan sebagainya maka sebab itu faktor-faktor itu terlalu amat diambil kira. Oleh kerana *halalan-toyyiban* itu halal dan juga baik. Itu di antara faktor yang menyebabkan kenapa demikian. Namun sebagaimana kata Yang Berhormat Parit Sulong disebutkan tadi juga Yang Berhormat Tanjong Manis, kita mencadangkan supaya...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Nanti dulu, tidak habis lagi. Saya habis nanti, saya bagi.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Poin itu, saya hendak...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tidak apa. Jangan risau. Kalau tidak saya hilang poin pula. Supaya dalam keadaan yang demikian, industri rumah, kita setuju dia dibuat di rumah. Akan tetapi dia pastikan kebersihan, mudahnya sijil halal yang tergantung di kedai dia itu terpampang pada pakej ataupun pada *packagingnya* itu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ialah terkandung juga kebersihan, terkandung juga kualiti yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Maknanya, kalau di rumah dia disediakan dengan jalan yang tidak berapa menepati kehendak kebersihan maka sijil tidak dikeluarkan. Oleh sebab itu *halalan-toyyiban* tadi. Namun,

saya mencadangkan industri-industri kecil kotej ini untuk supaya dia bernaung, yang beroperasi di rumah ini, dia bernaung dengan agensi-agensi yang boleh membantu mereka iaitu untuk persijilan halal yang tertentu seperti mana syarikat-syarikat ataupun jabatan-jabatan yang tertentu.

■1640

Seperti mana MARDI dan juga seperti mana jabatan-jabatan yang berkaitan untuk membantu mereka bagi tujuan mempertingkatkan industri mereka di kawasan ataupun di rumah masing-masing. Dalam masa yang sama juga kita mengharapkan supaya kita dapat memahami bahawa bila sebut kata masalah tiada tempat. Jadi maknanya kita tidak mahu Sijil Halal kita keluar, maka dia disajikan dalam keadaan yang tidak bersih. Ambil contoh, ada belacan yang masuk Sijil Halal, tetapi ada belacan yang tidak masuk Sijil Halal. Jadi belacan yang tidak ada tulis “حلال” tersebut, kedua-duanya itu secara umumnya ia dibuat daripada udang, halallah. Akan tetapi kita tidak keluar sijil itu, antaranya kerana bila sudah buat belacan, hendak jemur belacan ini, ada kucingnya nanti di situ, ada anjingnya di situ lalu dan sebagainya, ada lalat dan sebagainya. Jadi proses penyimpanan dan proses untuk hendak menyediakan tersebut diambil kira. Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa alasan yang diberi isu anjing, lalat- semua itu bukan alasan sebenarnya. Logo halal- ini halal bukan logo tapi ‘*halalan-toiyiban*’- satu benda. Isu fasal hari ini, memang kita tahu bahawa halal bukan diwajibkan kepada semua yang membuat makanan. Ia hanyalah nilai tambah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Sekarang ini ialah rakyat kita orang kampung, mereka hendak maju ke depan. Dia hendak maju ke depan, mereka perlu pergi lebih jauh, modal yang terhad, masalah mereka hendak dapat Sijil Halal dengan cara mudah agak sukar. Ini saya kira tadi perlu satu keprihatinan kepada JAKIM agar memudahkan mereka supaya industri kecil-kecilan, walaupun dengan modal kecil sekali pun mereka dapat halal... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Cerita anjing lalu, saya rasa tidak berlaku di kampung-kampung anjing lalu ini, benda yang- satu.

Kedua Yang Berhormat Menteri, isu halal kita ialah isu sebenar ialah isu orang bukan Islam yang buat produk makanan, yang dipasarkan di merata tempat, yang mungkin ada bahan yang tidak halal. Ini keprihatinan besar kerajaan yang untuk kita pastikan mereka mendapatkan logo halal.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya sebutkan sebentar tadi, mungkin kita dalam ini kita terkeliru sebab semasa kita kemukakan Sijil Halal tersebut, kita sudah sebutkan bahawa dalam Sijil Halal itu ia terkandung juga dalam itu bagaimana segala proses sehingga sampai *from farm to table*, itu yang kita maksudkan Sijil Halal tersebut. Ia bukan kata tidak ada gelatin yang berunsur babi dan juga berunsur minuman yang boleh memabukkan sahaja. Akan tetapi itulah Sijil Halal. Oleh sebab itu kita tidak wajibkan. Kita bagi secara terbuka. Itu prinsip yang telah diputuskan berdasarkan kepada standard yang telah kita letakkan pada sijil tersebut. Begitulah juga sebab ramai orang.

Namun saya hendak sebut juga sekali lagi, sebenarnya tadi saya lupa hendak jawab juga bahawa 30 hari itu untuk dapat sijil adalah apabila mereka *comply*, ada yang sampai empat tahun dan juga lima tahun dan sebagainya, mereka ini tidak mematuhi syarat permohonan yang telah kita tetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin fasal sudah terlalu panjang saya bercakap ini, kita bincang sekejap...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri minta maaf, tetapi yang fasal itu sebab itu pengusaha-pengeksport. Jadi saya juga hendak minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh permudahkan. Memang dekat Malaysia kita tidak perlu halal...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tidak. Kita setuju permudahkan, tetapi jangan sampai melanggar prinsip peraturan yang telah kita tetapkan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan Yang Berhormat Sik. Oleh kerana sudah masa terlampau panjang saya berdiri di sini, rakan-rakan saya ramai yang menunggu kesian kepada mereka-mereka. Yang Berhormat Sik ada sini? Ini kerana yang tidak ada saya kena bagi jawapan bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana saya jelaskan sebentar tadi, pada masa ini permohonan untuk mendapat sijil pengesahan halal bersifat sukarela dan tidak menjadi satu kewajipan pada pengusaha industri. Namun begitu, sebahagian besar pengusaha restoran telah memohon dan berjaya mendapat sijil pengesahan halal daripada JAKIM, MAIN. Bagi restoran-restoran yang belum dapat pengesahan halal adalah digalakkan agar segera memohon sijil dan logo halal di premis mereka bagi kepentingan para pengguna, khususnya pengguna Islam.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam mengawal selia dan memastikan pengusaha-pengusaha restoran menepati piawaian serta standard yang telah ditetapkan. Dalam melaksanakan usaha dan matlamat tersebut, JAKIM dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Veterinar dan sebagainya telah berjaya mencipta suatu sinergi kerjasama yang amat cemerlang. Di peringkat negeri pula, JAKIM telah mendapat sokongan dan kepercayaan yang amat baik daripada majlis dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Hasil daripada kesepakatan kesemua pihak tersebut, logo Halal JAKIM telah mendapat kepercayaan yang amat tinggi di kalangan pengusaha industri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga ialah Yang Berhormat Sabak Bernam, ada dalam Dewan? Seterusnya Yang Berhormat Sabak Bernam juga mencadangkan gred pentadbiran agama daerah dinaikkan Gred 48 kepada Gred 52.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk memperkasakan peranan pejabat agama daerah ataupun ringkasnya PAID melalui menaiktarafkan struktur perjawatannya di seluruh negara. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 1 Oktober 2013,

maknanya lima bulan yang lalu telah meluluskan dua model perjawatan pegawai tadbir agama daerah iaitu adalah model 'A' diketuai oleh pegawai tadbir agama daerah yang gred perjawatan S48 dan model 'B' diketuai oleh pegawai tadbir agama daerah Gred S44.

Memandangkan pelaksanaan model jawatan pegawai agama daerah ini masih lagi baru iaitu lima bulan, JAKIM berpandangan kajian semula gred perjawatan pegawai tadbir agama daerah daripada S48 kepada S52 akan dilaksanakan setelah dinilai keberkesanan pelaksanaan model perjawatan pegawai tadbir agama daerah sedia ada.

Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Bukit Gantang, Ahli Yang Berhormat yang lain membangkitkan isu penggunaan bomoh dalam usaha mengesan MH370 dan minta pihak berwajib tidak membiarkan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mengarahkan mana-mana pihak untuk menggunakan bomoh dalam usaha mengesan MH370. Kerajaan juga menyelar usaha pihak-pihak yang mendapat khidmat bomoh yang melanggar batas-batas syarak dalam usaha pencarian pesawat MH370 yang secara jelas adalah bertentangan dengan Islam. Pihak kerajaan melalui JAKIM bersama dengan pihak berkuasa agama negeri sedang dan akan sentiasa membuat pemantauan di *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA) supaya perkara tersebut tidak berulang dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap mana-mana pihak yang terlibat...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Juga ingin saya jelaskan mengenai isu ini dalam berita yang disiarkan...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Dalam akhbar- sekejap, bagi saya habis dulu boleh?.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Okey.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Pada 12 Mac 2014, berita tersebut hendaklah dibaca sepenuhnya sebelum membuat andaian kerana dengan jelas dinyatakan bahawa perenggan kedua mendoakan kebaikan kepada misi mencari dan penyelamat itu amat diperlukan. Namun, mestilah berlandaskan syarak yang ditetapkan oleh Islam. Sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta mencelah.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Menteri, siapakah yang mengupah bomoh tersebut? Mengapakah mereka boleh dibenarkan untuk masuk ke kawasan Lapangan Terbang KLIA? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, satu soalan daripada Yang Berhormat mana tadi?... [Disampuk] Yang Berhormat Tanjong. Lapangan terbang adalah merupakan tempat yang terbuka. Kalau tanya siapa yang mengupah, tentunya kita tidak boleh hendak jawab sebab bukan urusan kita pergi tanya kepada dia. Lapangan terbang adalah tempat yang terbuka. Siapa-siapa yang pergi sekali pun untuk berada di lapangan terbang di saat

dan ketika ini, tidak menjadi satu soalan untuk orang menahan. Bahkan bukan setakat itu, apa pakaian yang dipakai pun tidak menjadi masalah.

Bahkan kalau katakan Yang Berhormat pergi sekarang pun, buka baju sebagai contoh, bukan niat untuk menghina, tidak, tetapi orang akan menganggap ini barangkali pelancong daripada Taiwan, daripada mana dan sebagainya, contoh. Orang melihat sebab cara pakaian. Namun, kehadiran yang seperti itu untuk menahannya ialah mestilah kehadiran daripada Majlis Agama Islam dan dalam konteks KLIA, ia mestilah penguatkuasanya datang daripada negeri Selangor. *Alhamdulillah* kita telah pun berbincang dengan Selangor minta untuk supaya tindakan diambil kalau sekiranya perkara ini berlaku. Kita amat kesal dalam suasana dunia yang sedang melihat, apa yang sedang dilakukan dengan kesungguhan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh Menteri-Menteri kerajaan dan sebagainya, termasuk seluruh rakyat Malaysia melihat dengan penyatuan hati untuk supaya kita mampu menoktahi pencarian.

Namun, dalam masa yang sama ada hal-hal yang boleh menyebabkan orang melihat perkara ini mencemarkan dan kerajaan tidak pernah mengupah mana-mana pihak. Mungkin barangkali sama ada dia datang sendiri dan sebagainya, tetapi di peringkat JAKIM kita telah mengarahkan supaya Majlis Agama Islam Negeri Selangor untuk sentiasa memantau dan bersiap sedia berada di kawasan tersebut sekiranya perkara tersebut...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri boleh...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya sikit?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya yang tanya soalan ini dalam perbahasan. Boleh saya sambung sikit? Terima kasih. Yang Berhormat, saya dengar dengan jelas penerangan Yang Berhormat tadi. Sebab salah satu faktor saya mempersoalkan tempoh hari adalah kerana di sini ada satu *Utusan Online* pada 12 Mac 2014. Tajuknya sendiri mengatakan, "*Tidak salah guna khidmat bomoh- Jamil Khir.*" Ini adalah petikan daripada *Utusan Online* sendiri. Oleh sebab itulah saya tempoh hari telah membawa persoalan ini. So, saya minta Yang Berhormat menjelaskan. Terima kasih.

■1650

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Kapar Yang Berhormat, Kapar.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Daripada Kapar ya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Sebenarnya, saya setuju Yang Berhormat kata tajuk tetapi Yang Berhormat, untuk pada waktu-waktu yang lain sama ada Yang Berhormat merujuk pada mana-mana akhbar, elok Yang Berhormat membaca sehingga sampai habis dalam itu. Jangan baca tajuk sahaja sebab tajuk dia akan menyebabkan *mislead* atau menyebabkan Yang Berhormat tersilap pentafsiran. Oleh sebab saya sebutkan di dalam itu Yang Berhormat, saya

sebutkan apabila ditanyakan tentang pencarian pada hari tersebut, akhbar yang dikeluarkan pada hari tersebut ialah pada 12 Mac 2014.

Jadi, pada 12 Mac 2014 tersebut, 11 Mac 2014 saya ditanyakan dalam satu majlis, apakah usaha-usaha yang telah dibuat, saya beritahu usaha yang pelbagai yang boleh dibuat, sembahyang hajatnya dan sebagainya dalam konteks orang Islam. Dia kata, boleh tidak dalam konteks perbomohan? Saya ingin meletakkan pada waktu itu kerana waktu itu Yang Berhormat Kapar belum ada di Dewan ini, saya di antara orang yang pada waktu itu Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat masa tersebut Dato' Sri Lee Tiong Lai, telah pun membawa usul. Ya, Yang Berhormat Bentong ada di sini juga. So, boleh jadi saksi. Saya bersama-sama kita berbincang. Beliau bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bawa satu akta untuk Kementerian Kesihatan bagi "pengamal-pengamal perubatan Islam" dan juga ke dalam, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang itulah yang disebutkan dengan "bomoh".

Jadi, pada waktu tersebut, akta yang hendak dibawa masuk pada Bacaan Kali Pertama pada rang undang-undang tersebut ialah untuk perubatan alternatif daripada orang-orang Cina ataupun singse. Akan tetapi kita bincang dan kita masukkan kemudian setelah Persatuan Perubatan-perubatan ini datang untuk berjumpa dia kata, minta tolong Parlimen untuk *endorsekan* juga. Sebab itu sekarang ini telah pun diluluskan dan wujud di sana perubatan-perubatan alternatif di hospital-hospital tertentu kerajaan dengan memberikan ruang kepada pengamal-pengamal perubatan alternatif daripada Cina dan juga termasuklah juga daripada orang Melayu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sedikit.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kelmarin- hari ini Mufti Perak telah menyeru kepada bomoh ini- Raja Bomoh ini, supaya dia bertaubat daripada melakukan amalan yang sebegini. Jadi, jelas bahawa salah dari segi hukum. Apa tindakan yang telah diambil oleh kementerian ke arah mengekang, jangan ada lagi pengamal perubatan alternatif sebegini, menyeleweng dan memalukan umat Islam itu sendiri.

Sebab saya sendiri tidak bersetuju dengan perbuatan dia. Oleh sebab saya faham, kalau orang berilmu, dia tidak akan tunjuk-tunjukkan ilmu dia. Dia tidak akan berasa riak. Yang riak, yang sombong ini, Tuhan Allah SWT sahaja, manusia tidak boleh. Sebab itu Allah berfirman, antara maksudnya- sehebat-hebat kamu manusia, Aku lagi hebat. Sehingga hari ini kehebatan manusia, MH370 pun belum ditemui sebab Allah tidak mengizinkan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh saya tambah, tambah sedikit sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Fasal panjang sangat, panjang sangat. Sedikit sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, terima kasih. Saya rasa kalau kita semua setuju, perlu diambil tindakan. Bila diambil tindakan, maka soalan yang ditanya tadi, siapa yang bayar, siapa yang biayai pun boleh kita selidik dan kita akan dapat maklumat. Perkara ini pun amat perlulah saya rasa pihak pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional khususnya, nama mereka telah banyak dikaitkan oleh bomoh ini. Bila dia dalam video dia, dia sebut tentang 'penampor buaya' itu, dia sebut semua nama pemimpin-pemimpin besar-besar dalam UMNO, saya rasa ini perlu dibersihkan nama-nama mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, masih ada video yang terbaru bomoh ini. Dia pergi masuk dalam air laut dengan dia punya teropong buluh, dia hendak pergi cari kotak hitam. Ada video baru juga, dengan budak yang tengah azan di tepi dia, dengan beduk yang dipukul, dia ambil daripada surau mana pun kita tidak tahu, dan dia dengan teropong buluh dia cari masuk dalam laut, hendak cari kotak hitam. So, memang mesti ditamatkan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Okey, okey. Panjang sudah itu, panjang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya nampak dia pasti nampak Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Shah Alam tidak ada pantailah. Kinabatangankah?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada semua pandangan. Kita setuju bahawa ada di sana sebab sekarang ini *IP*- saya difahamkan oleh Selangor, Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam telah pun mengeluarkan kertas-*Investigation Paper*, dengan izin, Kertas Siasatan yang telah pun dibuka. Kita setuju, elok diberitahu juga siapa yang upah tadi, seperti Yang Berhormat katakan tadi. Sebab bukan satu pihak sahaja yang dinamakan. Dia tidak sebut upah tetapi dia namakan banyak orang dalam itu, termasuklah pihak belah pembangkang, termasuk juga belah kerajaan. Jadi, elok semua. Sebenarnya bukan medan kita untuk bincang di sini.

Yang Berhormat seterusnya ialah berkaitan dengan Tabung Haji, Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Pokok Sena*] Kalau tidak ada, saya bagi dengan jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat, Beruas ada dua soalan.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih kepada semua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak timbulkan dua perkara.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Saya ada satu yang kita bangkitkan tidak terjawab.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sudah pukul 5 sudah, pukul 5.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan kita sebelum ini ada satu perkara yang kita bangkit tetapi saya tidak dapat dengar daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi. Berkait dengan pemantauan pihak berkuasa agama terhadap isu sosial, konsert-konsert liar yang semakin menjadi-jadi di dalam negara kita.

Baru-baru ini di tangguh dan dibatalkan kerana dua perkara. Yang pertama kerana kematian enam remaja dalam *Future Music Festival Asia*, dan yang kedua ini, *Twin Tower* ini dibatalkan menghormati MH370. Soalnya, apakah nanti ada kematian ataupun ada kapal terbang jatuh... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Baru hendak batalkan konsert itu dan diluluskan oleh pihak PUSPAL. Jadi, apa Jabatan Agama ataupun pihak berkuasa agama bertindak dalam perkara ini?

Saya tengok satu sudut, baru ini dianjurkan selawat, nampak Islamik, *alhamdulillah*. Yang Berhormat Menteri pun hadir. Akan tetapi dalam masa yang sama, diimarahkan negara kita dengan maksiat dan mungkar. Jadi, ini adalah satu perkara yang sangat mendukacitakanlah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Jangan campur-adukkan di antara yang hak dan yang batil itu. Jadi, mohon penjelasan daripada pihak Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, saya ada dua perkara yang hendak saya bangkitkan, boleh?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya sudah panjang, sudah cukup, saya sudah cukup masa, nanti.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dua perkara yang...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Ada perkara yang ditimbulkan nanti ada kementerian yang berkaitan untuk jawab soalan Yang Berhormat. Kalau tidak nanti, tidak dijawab oleh rakan-rakan Yang Berhormat lain, saya akan jawab bertulis. Kepada Yang Berhormat Temerloh, maknanya program-program yang berkaitan dengan konsert dan sebagainya adalah merupakan program yang ada kementerian yang bertanggungjawab untuk tujuan perkara tersebut. Kita sentiasa berikan input-input dan juga pandangan-pandangan terhadap tersebut.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, lagi satu isu memang kalau Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Lagi satu yang akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri lain...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau- duduk Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat Menteri yang sedang menggulung perbahasan itu duduk, sebenarnya saya bertanggungjawab untuk tidak lagi membenarkan siapa yang berdiri. Akan

tetapi kadang-kadang kita biarkan kalau Yang Berhormat Menteri itu sendiri mahu menjawab. Sekarang Yang Berhormat Menteri tidak mahu menjawab, jadi saya tidak boleh paksa Yang Berhormat Menteri. *You* tidak boleh paksa dia pun Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat Menteri seterusnya, Yang Berhormat Pensiangan.

4.58 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin mengambil bahagian di dalam Perbahasan Ucapan Menjunjung Kasih Titah Diraja baru-baru yang telah pun membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan jabatan ini.

Yang Berhormat Gelang Patah, walaupun tiada di sini, saya ingin menyampaikan juga jawapan saya. Yang Berhormat Ipoh Barat ada di sini, soalan mereka itu merupakan soalan yang sama.

Jadi, kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini telah membangkitkan isu yang sama. Sama ada kerajaan komited melaksanakan Pelan Penyatuan Nasional dan adakah tindakan diambil kerajaan menangani isu polarisasi kaum. Kesungguhan kerajaan ingin menjayakan Pelan Penyatuan Nasional tidak perlu diragui dan dipertikaikan lagi.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak nampak dari sudut manakah usaha ini dianggap tidak ikhlas dan tidak bersungguh-sungguh. Penyatuan sendiri adalah ilham dan inisiatif kerajaan untuk menambah baik hubungan kaum. Ini bukan sekadar *a piecemeal* sahaja. Penyatuan nasional amat penting. Kami sedar penyatuan nasional amat penting demi melicinkan usaha ke arah menjadikan negara ini sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Usaha-usaha ke arah mencapai matlamat tersebut, sedang giat dilaksanakan dan perpaduan negara merupakan salah satu faktor penyokong pembangunan negara. Kami sedar juga perpaduan merupakan aspek penting dalam pembangunan negara. Kemajuan yang dinikmati sekarang adalah hasil daripada perpaduan erat antara pelbagai kaum di negara ini. Keadaan yang aman selama ini telah membolehkan kerajaan merancang pembangunan negara dan membawa kemajuan dan kemakmuran untuk rakyat jelata.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita membuktikan perpaduan adalah kunci keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara. Dengan izin, Tun Abdul Razak, *and I quote*, "*Without harmony, they will be no progress and without progress, there will be no prosperity*". Konsep penyatuan nasional ini adalah selari dengan Gagasan 1Malaysia yang bertujuan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat untuk turut sama-sama berperanan membina negara Malaysia yang bersatu-padu dalam mendepani cabaran masa depan.

Pelan penyatuan nasional ini berteraskan kepada empat tonggak utama iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa. Pelan ini lebih kepada melibatkan kolaborasi

pendirian bersama dan membina persefahaman demi kebaikan agama serta masyarakat. Semestinya bingkai kerangka penyatuan nasional ini berpaksikan kepada perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 manakala pegangan *wasatiyyah* atau kesederhanaan menjadi kunci dalam mendekati rakyat dan memulihkan kerukunan hubungan antara kaum. Seperti penulisan Dr. Sivamurugan dari USM, "*Perlembagaan dan Rukun Negara menjadi perisai atau seal kepada ikatan memartabatkan penyatuan nasional. Penghayatan ke atas menjadi signifikan untuk kita bergerak jauh bersama*".

Penyatuan nasional untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, terbahagi kepada dua. Pertama, di peringkat dasar, Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) ditubuhkan. Seperti mana yang dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda, penubuhan MKPN adalah bertujuan untuk memelihara keharmonian negara untuk mencari kebersamaan dalam pelbagai isu agama dan etnik.

Badan ini adalah badan bebas dan menjadi platform untuk mendapatkan pandangan dan cadangan rakyat berhubung dengan usaha-usaha memelihara, mengukuh dan meningkatkan lagi perpaduan. Majlis Konsultasi Perpaduan Negara sesungguhnya mempunyai satu tanggungjawab besar untuk mengemukakan kepada kerajaan suatu pelan tindakan perpaduan negara, suatu pelan yang akan menjadi rujukan utama oleh semua pihak akan inisiatif atau usaha untuk memupuk keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ini baru mukadimah. *[Ketawa]* Akan tetapi okey, sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia minta penjelasan kepada mukadimah itu Yang Berhormat. Sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dua hal Yang Berhormat.

Bila saya berhujah mengenai perkara ini, saya telah berkata bahawa "*Tidak ada apa-apa pertemuan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pembangkang untuk menyelesaikan perkara ini*". Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah yang mula-mula kata selepas pilihan raya bahawa "*Kita perlu untuk mencari jalan untuk menyelesaikan dan memberi keutamaan unity dalam hal ini*". Sampai sekarang, hanya retorik, tidak ada apa-apa yang dibuat *on the ground*.

Lagi satu perkara yang saya ada bangkitkan adalah Menteri sendiri, Menteri Perpaduan yang mana bila Menteri pergi ke Kajang semasa kempen, kata - kempen itu biasalah kita semua. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri berkempen kata kepada pengundi-pengundi di sana, "*Tolong undi kepada candidate dari MCA kerana dia adalah daripada masyarakat Cina kepada pengundi-pengundi Cina*". Apakah pendirian Yang Berhormat sangat merumitkan, sangat menyusahkan makna *unity* dalam negara ini?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Itulah sebentar tadi saya cakap apa yang saya sampaikan kepada Dewan yang mulia ini merupakan satu mukadimah terlebih dahulu. Sabarlah! *[Ketawa]* Nanti saya jawab apa yang 'engkau' sebut itu pada hari dulu dan sekarang juga. Sabarlah! Apa yang 'engkau' satu ini akan dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menghasilkan Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional yang komprehensif, lima jawatankuasa kerja MKPN telah ditubuhkan iaitu:

- (i) perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara;
- (ii) membina bangsa dan persefahaman silang budaya;
- (iii) pembangunan *inclusive*;
- (iv) belia dan perpaduan; dan
- (v) integrasi nasional.

Jawatankuasa kerja ini akan memberi tumpuan kepada beberapa bidang tertentu yang sesuai untuk diteliti dan diperhalusi dari sudut perpaduan negara dan integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu MKPN boleh dijadikan landasan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia. Bagi merintis jalan ke arah mencari penyelesaian mengatasi polarisasi kaum dan pemupukan keharmonian antara agama serta pembentukan dasar sosial *inclusive* dalam menentukan kesejahteraan rakyat. Beberapa siri penjelajahan— ini Yang Berhormat daripada Ipoh Timur, dengarlah. *[Disampuk]* Oh! Yang Berhormat Ipoh Barat. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Jangan diganggu, jangan diganggu Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Beberapa siri penjelajahan, sudah beberapa siri penjelajahan oleh ahli-ahli Majlis Konsultasi Perpaduan Negara ke seluruh negara untuk mendapat pandangan, cadangan, komen daripada rakyat telah dan sedang dilaksanakan yang dinamakan '*Dialog Perpaduan: Suara Akar Umbi*' atau mendengar '*Voices of the Grassroots*' dan hasil dialog tersebut akan diperhalusi dan dijadikan rujukan kepada penggubalan Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional.

Bukan sesiapa sahaja kita berunding tetapi *we consulted the grassroot* secara komprehensif. MKPN telah pun mengadakan sebanyak 17 daripada 18 siri dialog perpaduan dirancang mulai 22 Februari 2014 bagi mendapatkan input syor dan pandangan dari pelbagai lapisan masyarakat termasuk parti-parti politik.

▪ 1710

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sebarang cadangan masih terbuka. Sebarang cadangan untuk memantapkan perpaduan negara boleh disalurkan melalui kami iaitu www.mycc.my, dapat sudah? Kepada Ahli Yang Berhormat daripada Selayang yang menyentuh berkaitan kenyataan pihak-pihak tertentu mengenai penubuhan MKPN. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tindakan pihak yang mempertikaikan penubuhan MKPN telah dijangka dan segala tuduhan yang dilemparkan tidak akan mematahkan semangat ahli-ahli MKPN untuk terus melakukan *engagement* bersama rakyat untuk mencari kunci kepada perpaduan dan integrasi nasional.

Untuk makluman juga, komposisi MKPN adalah melibatkan mereka yang tidak bersama kerajaan atau mempunyai pendirian politik yang berbeza. Kerajaan memang cukup yakin dengan kebolehan Ahli-ahli Majlis ini untuk menyarankan dan mencadangkan kerangka yang sesuai kepada kerajaan untuk kelangsungan perpaduan dan keharmonian negara. Saya hanya mempunyai satu nasihat kepada golongan yang segelintir ini. *I only have one advice to them. I only want advise to such group, please try to understand the delicate situation that the nation is facing, and the need for government to find a balance between a demand of the idealism and the limitation of the realities of everyday life, couple with each communities interest.* Ahli-ahli Yang Berhormat, *we will definite to welcome, will definite to welcome the contributions if they should have something constructive to offer.* Usaha MKPN hendaklah dilihat secara *inclusive* dan bukan untuk tunduk memenuhi kehendak dan objektif pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat daripada Gelang Patah, Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Apakah tindakan, *I sure come to that.* Kajang punya isu. Apakah tindakan diambil kerajaan menangani isu populasi kaum. Saya ingin menegaskan di sini bahawa sesungguhnya kerajaan telah berusaha sedaya mungkin dalam memupuk nilai-nilai persamaan yang kita boleh junjung bersama supaya perbezaan kaum itu tidak dijadikan penghalang dalam kita mencorakkan hasrat murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Gerakan untuk menyatupadukan rakyat ke arah perpaduan nasional bermula lagi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Program Perpaduan Nasional telah diberi nilai tambah dan kami mempunyai program-program tertentu untuk mencapai matlamat ini. Baru-baru ini, sejak pilihan raya ke-13, kita telah menambah nilai dan penambahbaikan dari semasa ke semasa melalui pelaksanaan program-program berimpak tinggi atau *high impact program* yang dipacu oleh Rukun Tetangga, Rukun Negara, SRM, Peronda Skim Ronda Sukarela, Tabika Perpaduan, Taska PERMATA Perpaduan, aktiviti lawatan integrasi, orientasi dan mediator komuniti.

Kini timbul kesedaran di kalangan kepimpinan Rukun Tetangga bahawa gerakan penyatuan nasional hendaklah bermula di peringkat akar umbi. Inisiatif penyatuan nasional ini bertujuan untuk membantu mempercepat, mendidik, memperkasa dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti melalui penubuhan Skwad **Uniti** yang baru saja dilancar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai empat nilai teras iaitu tolong-menolong, hormat-menghormati, bekerjasama dan menyebar luaskan jaringan. Penubuhan Skwad Uniti bertepatan dengan komitmen kerajaan memberi perkhidmatan kepada komuniti dan masyarakat untuk mencapai objektif berikut:

- (i) inisiatif penyatuan nasional;
- (ii) menggerakkan masyarakat atau dengan izin *the grass root movement*,
dan
- (iii) memperkasakan Rukun Tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga telah melaksanakan dan memperteguh hubungan etnik di Malaysia melalui pelbagai program seperti berikut:

- (i) perluasan 6,482 Rukun Tetangga dan 4,011 Skim Rondaan Sukarela di seluruh negara sehingga 31 Disember 2013 yang bertujuan untuk memperkasakan semangat kejiranan dan kesukarelawan demi keselamatan dan keharmonian masyarakat melalui pelaksanaan sebanyak lebih 100,000 aktiviti di peringkat akar umbi;
- (ii) peningkatan kesedaran masyarakat melalui program perpaduan masyarakat dan integrasi nasional sebagai platform melebar luaskan pendidikan, perpaduan masyarakat melalui pelaksanaan sebanyak 187 program JPNIN di kalangan masyarakat berbilang kaum dan latar belakang seperti Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Pertubuhan Persatuan Sukarela dan Badan-badan Bukan Kerajaan; dan
- (iii) pengesanan pemantauan dan intervensi isu-isu sosial dan kejiranan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan dan perbalahan di antara kaum supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang mediator komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya JPNIN juga memantapkan Jawatankuasa Mempromosikan Kefahaman dan Harmoni Di Antara Penganut Agama (JKMPA) dengan menjadikan mekanisme dan mediasi agama bagi mewujudkan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama ke arah membina Malaysia sebagai negara berjiwa muhibah. Saya juga telah mengarahkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk melakukan pendampingan kepada kumpulan-kumpulan berkepentingan seperti *Hua Zhong*, *Jia Zhong*, *Young Buddhist Association of Malaysia*, *Malaysian Christian Youth Association* bertujuan untuk berinteraksi dan mendapatkan pandangan serta cadangan memperbaiki populasi yang wujud.

Hasil pertemuan dan perdampingan tersebut, beberapa aktiviti berjaya dilaksanakan seperti program My Hero Our Cap Goh Meh, Pesta Tanglung, Anugerah Usman Awang dan lain-lain lagi. Menggunakan pendekatan deria atau *disseminate an effective and responsive information accurately* oleh pegawai-pegawai Jabatan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: ...Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk turun padang mendekati komuniti untuk menjelaskan isu-isu dengan tepat secara efektif dan responsif. Ya.

■ 1720

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Menteri. Ini isu perkauman. Saya tekankan dalam teks perbahasan saya apa yang diterangkan oleh Menteri memang

menarik, memang semua teratur dan sebagainya. Saya khusus kepada pergerakan-pergerakan yang mencetuskan isu perkauman seperti PERKASA dan JATI. Tiada tindakan langsung dari pihak Kementerian. Perkara ini semakin meluas walaupun hari ini program macam-macam perkataan teknikal digunakan tetapi *let's go back to the root*. Isunya dibawa keluar Parlimen ini memang wujud isu perkauman dan isu agama.

Jadi, tiada tindakan konkrit atau mekanisme konkrit daripada Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Malahan pihak yang mencetuskan isu perkauman dan isu agama makin lama makin kuat, makin menguar-uarkan isu mereka dan agenda mereka. So tindakan konkrit tiada di pihak Kementerian. Itu yang kita tuntutan jawapan dan penjelasan daripada Kementerian. Bukan sekadar *planning* semata-mata dengan perkataan teknikal yang cantik. Saya harap Menteri faham apa yang saya cuba minta jelaskan. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya tolong? Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat kata NUCC akan anjurkan *mid of term festival*, festival tahun baru China, ada apa lagi? Ada hari raya dan sebagainya. Ini kita Selangor semua wakil rakyat kita buat dan bukan buat satu. Banyak tempat juga kita buat.

Jadi saya rasa kalau macam apa Yang Berhormat Kapar kata kita pergi kepada *root cause of the problem* adalah kerana Barisan Nasional yang parti komponennya yang *major* parti itu berasaskan kaum. Ini adalah masalah. Semasa perhimpunan pemilihan UMNO diadakan, macam gilalah semua calon-calon yang merebut jawatan ini semua yang cuba tunjukkan siapa yang paling ekstrem, siapa yang boleh mengeluarkan kenyataan yang berbau perkauman. Mereka yang buat semua ini boleh dapat sokongan yang paling tinggi.

Saya rasa ini adalah *root cause of the problem*. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat kerana saya tahu parti politik Yang Berhormat itu bukan berasaskan perkauman. Betulkah?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya ingin menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Pendapat saya kalau kita mahu perpaduan mesti bermula daripada Dewan Rakyat. Kalau sini pun sudah bercanggah pendapat, tidak akan kesampaian. Semua pun politik juga.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Di sini tidak ada isu-isu perkauman dan agama diwujudkan. Sini okey, *maintain* lagi. Masih *maintain* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sendiri pernah menyaksikan Yang Berhormat loncat-loncat mengenai hal kecil. Teruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab terlebih dahulu soalan pertama itu. Dari segi apa yang saya faham ialah tidak ada tindakan konkrit untuk diambil kepada orang-orang yang mengeluarkan kata-kata provokasi. Kalau kita lihat apa yang saya cakap daripada mula, peranan saya ini sebagai Menteri yang bertanggungjawab, perpaduan ialah untuk mendamaikan dan menyatupadukan rakyat menerusi apa-apa projek yang boleh meng*intergraded* kepada berbilang kaum yang terdapat di negara ini.

Kami tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan dan seterusnya menghukum kepada sesiapa. Ini bererti soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi itu telah dikemukakan kepada kementerian yang salah. Kami boleh bantu kalau ada apa-apa sesuatu perkara yang berlaku yang salah. Kami boleh bantu untuk menasihati orang itu untuk membuat laporan kepada pihak tertentu. Jadi terserahlah kepada pihak tertentu untuk mengambil tindakan itu. Itu sahaja saya boleh jawab.

Yang Berhormat Seputeh tanya saya tidak berapa faham apakah pertanyaan itu. *[Ketawa]* Akan tetapi program yang kita buat ini adalah program yang berpanjangan dan semestinya kita buat. Pihak sana boleh buat program untuk menyatupadukan rakyat. Saya ucapkan terima kasih kalau kita mempunyai program seperti ini oleh siapa di antara kita yang tidak suka melihat perpaduan yang baik. Jadi apa juga yang kita buat kami juga menyokong untuk menyatupadukan rakyat kita ini. Siapa pun boleh buat. Keluarga boleh buat, saudara-mara pun semua boleh buat asal sahaja ia menjurus kepada perpaduan untuk menyatupadukan rakyat kita tidak ada masalah bagi kami. Jadi teruskan usaha itu kalau boleh.

Berikutnya menggalakkan untuk meningkatkan kesedaran melalui kerjasama kerajaan dan swasta. Inilah usaha kita. Kami meningkatkan dan menggalakkan kesedaran melalui kerjasama kerajaan dan swasta melalui penerangan mengenai kontrak sosial, menggalakkan penggunaan slogan-slogan perpaduan di premis, bungkusan produk, papan iklan dan bahan-bahan bercetak. Syarikat yang bekerjasama menjayakan program perpaduan nasional akan dilantik oleh kami sebagai rakan perpaduan atau *partners in unity*. Kita akan mengalu-alukan semua yang membantu kami untuk meningkatkan lagi perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Parit Buntar bahawa semua pihak terutamanya media hendaklah bersatu padu menentang fahaman ekstremis sama ada di dalam politik atau agama yang melampau sehinggalah menimbulkan perasaan benci di kalangan rakyat pelbagai kaum. Dengan izin lagi Tuan Yang di-Pertua, *since the media is considered the forth pillar of the state and the forth branch of government*. Media oleh yang demikian bertanggungjawab dan berperanan mewujudkan persekitaran maklumat yang tepat. Ini adalah amat penting dalam usaha media memainkan peranan memupuk perpaduan bersama kerajaan untuk memastikan kelangsungan perpaduan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam blog beliau telah menulis dan menyeru pihak media untuk tidak melaporkan kenyataan provokasi golongan tertentu, dengan izin *he said, I quote, "Do not give these extremists the publicity they crave. If no one reports on their actions, they will not gain the recognition they want. We don't have to condemn them but just ignore them. Don't give them the airtime or the publicity.*

Saya juga menyeru kepada rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira parti mengamalkan sikap profesional dalam politik. Elakkan politik perkauman yang tidak langsung mendatangkan faedah untuk pembangunan negara. Yang Berhormat Penampang oleh kerana dia tidak ada di sini, nanti saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, semasa saya berada di Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu saya telah menyatakan oleh kerana saya telah beri ruang kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat untuk berseronok bagi mengatakan apa sahaja dia cakap.

■1730

Saya punya jawapan itu tidak apa nanti saya jawab apabila *floor* saya sampai. Jadi saya harap Yang Berhormat daripada Ipoh Barat berperanan seperti apa yang saya buat tempoh hari. Jangan kacau.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya menafikan saya menggunakan perkataan bangsa atau *race* semasa saya berhujah. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak media yang bertanggungjawab itu oleh kerana telah memperbetulkan apa yang saya cakap. Oleh itu Yang Berhormat saya mempunyai tanggungjawab memastikan kurang lebih RM20 lebih juta rakyat Malaysia berpegang teguh kepada asas-asas perpaduan yang kita warisi daripada pemimpin-pemimpin masa lalu.

Apa yang peliknya, *what is comical* apa yang *comical* saya nampak di sini ialah saya tahu Ahli Yang Berhormat merupakan seorang peguam. Saya betul-betul hairan kenapa dia boleh menuduh *accuse* kepada seseorang *based on hearsay, based on something here not been clarify*. Saya tidak ada menggunakan kata-kata itu apabila saya berucap di Kajang dahulu. Jadi ini sepatutnya tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat tersebut membuat pertuduhan berasaskan kepada suatu laporan oleh media *online* yang kemudiannya ditarik balik, diperbetulkan oleh media tersebut kerana kesilapan dalam penterjemahan ucapan saya mungkin. Apa yang jelas di sini itu yang berat Yang Berhormat Ipoh Barat, apa yang jelas di sini isu ini dibawa masuk ke Dewan hanya untuk mendapatkan *political mileage*. Sekali gus *I consider it as an abuse Parliamentary privilege*. [Tepuk] Menyalahgunakan keistimewaan yang diberi oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat itu memberi satu peluang untuk Yang Berhormat untuk *clarify* situasi. Saya tidak tahu adakah itu benar atau tidak.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey cukup, cukup, cukup.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat memegang jawatan yang sangat mustahak. Yang Berhormat sendiri ada menyatakan sedemikian tetapi sedikit lebih atau sedikit kurang dari apa yang dikata.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey Ahli Yang Berhormat saya tidak berminat dan tiada masa untuk memanjangkan isu ini. Terpulanglah kepada kita semua untuk menilai apa yang berlaku.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini Yang Berhormat dipetik, "*Undilah calon Barisan Nasional untuk kesejahteraan rakyat dan perpaduan negara. Undilah calon Barisan Nasional yang merupakan orang kamu sendiri.*" *This is what is quoted.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Apa salah dia? Saya ada cakap saya orang Sabah undi orang kampung sendiri. Apa salah itu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa maksud dia?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Manakan dia orang Sabah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apa maksud dia? Menteri Perpaduan?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya sudah cakapkan tadi saya tidak mahu memanjangkan isu ini sekali lagi okey. Tuan Yang di-Pertua, perpaduan, berbalik kepada subjek perpaduan. Perpaduan itu adalah milik dan tanggungjawab bersama setiap warga yang bangga menjadi rakyat Malaysia.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Sedikit sahaja penjelasan. Menteri sedikit sahaja. Saya memang keliru Tuan Yang di-Pertua apabila Menteri kata undilah calon kamu sendiri dan penjelasannya adalah kerana saya adalah orang Semenanjung. Saya adalah orang Sabah tetapi *you* mesti mengundi orang Semenanjung, ini boleh— apakah maksud ini? Ini kerana pengundi itu kebanyakannya adalah pengundi Cina. Jadi apabila orang dengar memang ada satu bau perkauman ini. Sila beri penjelasan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat saya sudah cakapkan sebentar tadi saya tidak ingin memanjangkan lagi perkara ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu persepsi sahaja siapa pun boleh buat persepsi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *My perception is different, different angle.*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua setiap rakyat mestilah sentiasa menjunjung tinggi perlembagaan yang menjadi tunggak utama kepada perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Prinsip asas negara yang termaktub dalam Perlembagaan Negara tidak boleh dikompromi dan generasi baru perlu sedar kepentingannya. Ini kerana tanggungjawab kewarganegaraan adalah tanggungjawab bersama sebagai mana yang termaktub dalam perlembagaan. Sebagai rujukan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan Parlimen yang pertama tahun 1959. Dengan jelas menyatakan bahawa telah menjadi tanggungjawab kita dalam amalan sistem Demokrasi Berparlimen untuk menjunjung ketinggian dan keluhuran perlembagaan, mempertahankan dan memelihara keluhuran perlembagaan seperti mana salah satu Rukun Negara kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat kalau boleh Menteri jawab bertulislah sebab kita pun faham tentang perpaduan rakyat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sokong, sokong saya pun sokong jawapan bertulis, jawapan bertulis.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sedikit sudah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ini hanya saya punya rayuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kita sama-sama menghayati betapa pentingnya perpaduan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Malam ini malam Jumaat Tuan Yang di-Pertua, Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat jangan ganggu Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Malam Jumaat Tuan Yang di-Pertua kena balik kawasan ini. *[Ketawa]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat keluar sekarang ini kerana mahu balik kawasan tidak apa-apa. Sila.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya diminta arahan daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan jangan hiraukan itu Yang Berhormat teruskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua gagasan penyatuan

...

Tuan Yang di-Pertua: Jumpa di bilik saya nanti Yang Berhormat Bintulu.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: ...Kepada asas...

Tuan Yang di-Pertua: Jumpa di bilik saya nanti sama Yang Berhormat Seputeh. Sila teruskan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Gagasan Penyatuan Nasional memerlukan kita kembali kepada asas. Tuan Yang di-Pertua seperti yang dikatakan, *when one has lost one way, one will return to the beginning*. Malahan seorang profesor berkata: *“Those who cannot learn from history are doomed to repeat it. History bound to repeat because we’re either fail to learn the lessons of the past or because we choose to ignore the lessons of the past”*.

Yang di-Pertuan Agong juga bertitah semua pihak perlu sedar akan pentingnya perpaduan dengan kembali kepada landasan sebenar asas penubuhan negara seperti dihasratkan pemimpin terdahulu. Saya ingin memetikkan hanya satu ayat dan ini akhir Tuan Yang di-Pertua, *“.....make ourselves authentic and not synthetic, is what it is all about, We return to history not to seek refuge in nostalgia, because retracing our steps into the world of yesteryear is a painful experience. We are not masochists. Neither should we look back in anger when we turn the pages of our nation’s annals. This is remind of what happened of 1969. in our mind’s eye, cynical exploitation debauchery, hurt and humiliation. So let history be our guide and our tutor so that we may never again suffer the pangs, suffer the humiliation of a divided people.*

Sekian terima kasih dan ucapan berbilang-banyak terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Batang Sadong.

5.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan undang-undang serta agensi-agensi di bawah tanggungjawab saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 11 Mac hingga 20 Mac 2014.

■1740

Sesungguhnya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Untuk melakukan keadilan bagi semua, saya akan menjawab mereka yang ada di dalam Dewan sahaja.

Di sini Yang Berhormat Parit Buntar ada. Cadangan yang diwujudkan mahkamah perlembagaan menjadi isu yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes-kes yang melibatkan isu-isu perlembagaan, ia dikendalikan oleh Mahkamah Persekutuan seperti diperuntukkan dalam Bahagian I Perkara 4(4) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Mahkamah Persekutuan bertindak mentafsir peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan dengan lengkap dan teratur. Maka, tiada keperluan untuk 'mahkamah perlembagaan' diwujudkan.

Seterusnya soalan dari Yang Berhormat Jerantut. Ada. Tetapi ini saya sudah jawab mengenai Mahkamah Majistret Jerantut. Saya rasa kita boleh lepas, ya. Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Tumpat ada? Tidak ada. Kita bagi jawapan bertulis.

Seterusnya Yang Berhormat Selayang ada? Tidak ada. Lepas.

Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Batu? Tidak ada.

Yang Berhormat Gelang Patah? Semua saya akan bagi jawapan bertulis bagi mereka yang tidak ada di dalam.

Seterusnya Yang Berhormat Parit Buntar mencadangkan mewujudkan Jawatankuasa Reformasi Perundangan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, buat masa ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan reformasi jalanankah?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Jawatankuasa Reformasi Perundangan untuk mengkaji sesuatu akta adalah relevan mengikut keperluan semasa kerana fungsi tersebut pada masa ini telah dilaksanakan oleh agensi yang sedia ada seperti Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang ataupun BPPUU di bawah Jabatan Peguam Negara dan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia iaitu JPUUM di bawah seliaan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Peguam Negara telah menjalankan fungsi pembaharuan undang-undang sejak tahun 2002 melalui BPPUU. Bahagian ini telah menjalankan fungsi untuk membuat kajian semula undang-undang bagi memastikan undang-undang Malaysia adalah terkini dan tepat serta sentiasa relevan dengan perkembangan semasa. Mengikut amalan di BPPUU, pembaharuan undang-undang dijalankan sama ada atas permintaan kementerian dan agensi atau atas inisiatif BPPUU sendiri. Proses pembaharuan undang-undang merupakan satu proses yang panjang dan berterusan.

Selain Jabatan Peguam Negara, satu lagi agensi yang ditubuhkan di bawah JPM ialah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang ataupun BHUU yang turut diberi tanggungjawab berkaitan pembaharuan undang-undang. Tanggungjawab ini Tuan Yang di-Pertua, dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia atau JPUUM pada tahun 2009. JPUUM telah ditugaskan untuk mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang lapuk dan undang-undang lain di Malaysia dari semasa ke semasa. Ahli-ahli JPUUM terdiri daripada wakil-wakil daripada sektor awam, sektor swasta dan ahli akademik yang masing-masing menyumbangkan idea dalam melaksanakan pembaharuan undang-undang.

Pada masa ini, JPUUM dipengerusikan saya sendiri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh individu daripada kalangan yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang seperti Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara, pensyarah Fakulti Undang-undang, Penasihat Undang-undang kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan wakil daripada Majlis Peguam.

Walaupun JPUUM dan BPPUU...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu mengenai *technical team* dengan pembaharuan undang-undang. Beberapa syor telah dibuat untuk pembaharuan undang-undang yang kita telah bawa ke Parlimen. Lebih 10 tahun dahulu saya ada banyak kali telah membawa mengenai seksyen 7 dan seksyen 8 *Civil Law Act* di mana pampasan yang dibayar kepada seorang ibu bapa bila anaknya meninggal dunia dalam kemalangan hanya RM10,000. Statik untuk lebih 30 tahun. Statik, tapi tidak ada. *What is happening* kepada perkara tersebut dan undang-undang berkaitan dengan itu?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. *It is timely* Tuan Yang di-Pertua, soalan itu kerana memang *Civil Law Act*, *insya-Allah* akan dibentangkan. Memang sudah ada dibuat pindaan. Terima kasih di atas soalan tersebut supaya orang lain juga mengetahui prosesnya.

Jadi seterusnya, walaupun JPUUM dan BPPUU beroperasi secara berasingan, namun kedua-duanya saling bekerjasama dalam menentukan sesuatu projek pembaharuan undang-undang bagi mengelakkan berlaku pertindihan. Dalam hal ini, lebih banyak projek pembaharuan undang-undang mampu dijalankan kerana kedua-dua agensi saling melengkapi fungsi masing-masing.

Seterusnya ialah Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ada di dalam tidak? Okey. Saya jawab di sini iaitu Yang Berhormat Kuala Kangsar telah mencadangkan agar kuasa pendakwaan diberikan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sebenarnya soalan ini telah beberapa kali sudah kita jawab. Namun, untuk membolehkan, mungkin untuk memperingati Yang Berhormat Kuala Kangsar, ingin saya maklumkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuasa penuh pendakwaan kepada SPRM untuk memulakan pendakwaan bagi kes rasuah tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara kerana dalam menjalankan penyiasatan dan pendakwaan perlu ada *check and balance* dengan izin.

Seterusnya kita ke Yang Berhormat Puchong, tidak ada di sini ya? Yang Berhormat Puchong tidak ada.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Death penalty*. Isu yang dibangkitkan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak apa, saya sudah bercakap dengan dia di luar Dewan pun. Jadi dia faham sudah. Saya akan bagi jawapan bertulis secara...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Death penalty* sebenarnya saya ada terlibat dengan dia sekali gus.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tidak apa. Dia tidak ada tapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat pun sudah faham tapi saya akan hantar jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Ipoh Barat ini soalan yang sama tiap-tiap kali bila dia tanya. Inilah jawapannya untuk Yang Berhormat Ipoh Barat. Soalan yang sama, jawapan pun sama Tuan Yang di-Pertua iaitu Yang Berhormat Ipoh Barat ingin mengetahui perkembangan terkini untuk Malaysia menjadi Ahli Rome Statute.

Di sini, pada prinsipnya, Malaysia menyokong penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa sebagai Tribunal Jenayah Antarabangsa Tetap yang pertama untuk memastikan jenayah antarabangsa yang serius tersebut dibawa ke muka pengadilan. Namun, bagi maksud Malaysia menjadi negara pihak kepada Statute Rome tersebut, pemerhatian dan implikasi dari segi undang-undang yang berikut perlu dipertimbangkan.

Pertama dari segi keberkesanan Mahkamah Jenayah Antarabangsa ataupun ICC dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya selaras dengan prinsip *complementarities* dengan izin, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Artikel 1 Rome Statute perlu dipastikan. Ini adalah berdasarkan pemerhatian bahawa kes-kes ICC yang melibatkan situasi di Kenya dan Libya gagal mengambil kira prinsip *complementarities*, dengan izin tersebut iaitu pendakwaan di peringkat domestik oleh Kenya dan Libya masing-masing perlu diberi keutamaan terlebih dahulu sebelum kes dibawa ke peringkat ICC. Dalam erti kata lain, pemakaian prinsip ini dalam kes-kes sedia ada tidak menunjukkan bahawa prinsip ini dilaksanakan dengan efektif.

Selanjutnya Artikel 27 Rome Statute memperuntukkan bahawa kekebalan ataupun dengan izin, *immunity* atau peraturan-peraturan khas yang terpakai bagi seseorang semasa menyandang jawatan rasminya di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa tidak boleh menghalang ICC daripada melaksanakan bidang kuasanya ke atas orang sedemikian. Penerimaan artikel ini merupakan salah satu aspek penting kerana artikel ini menyentuh isu

kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu di bawah Perkara 32(1), Perkara 181(2), Perkara 182 dan Perkara 183 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, sebarang pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan hak keistimewaan dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja terlebih dahulu selaras dengan Perkara 38(4) Perlembagaan Persekutuan.

■1750

Ingin diingatkan bahawa Malaysia masih boleh mempertimbangkan untuk membenarkan ICC melaksanakan bidang kuasanya ke atas sesuatu kesalahan sekiranya kesalahan itu berlaku di Malaysia walaupun tidak menjadi negara pihak. Hal ini diperuntukkan dalam Artikel 4(ii) Statut Rome yang membolehkan negara-negara bukan pihak menandatangani persetujuan khas dengan ICC bagi maksud tersebut. Selain itu, perkara utama yang menjadi persoalan adalah berhubung kebebasan ICC. Artikel 13(b) Statut Rome yang antara lain memperuntukkan bahawa ICC boleh melaksanakan bidang kuasanya terhadap jenayah antarabangsa iaitu genosid, jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah pencerobohan sekiranya rujukan dibuat oleh Majlis Keselamatan PBB yang bertindak di bawah bab 7 Piagam PBB. Dalam hal ini diperhatikan bahawa terdapat pengaruh Majlis Keselamatan PBB terhadap kebebasan Mahkamah Jenayah Antarabangsa dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Peruntukan-peruntukan tersebut secara langsung membenarkan negara-negara Ahli Majlis Keselamatan yang tetap dan tidak tetap, yang bukan negara pihak kepada Statut Rome mengambil tindakan untuk merujukkan sesebuah negara bukan pihak ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Pada masa ini tiga daripada anggota tetap Majlis Keselamatan PBB iaitu Amerika Syarikat, China dan Rusia, bukan negara pihak kepada Statut Rome. Selanjutnya berdasarkan situasi-situasi yang telah dirujuk oleh Majlis Keselamatan PBB setakat ini konteks keputusan yang diambil adalah tidak jelas. Contohnya, situasi Sudan dan Libya dirujukkan ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa manakala situasi di Iraq ketika *Operation Iraqi Freedom 2003* mahupun situasi di Palestin tidak dirujukkan. Kesannya terhadap sistem perundangan tempatan kedaulatan negara yang berhubungan dengannya, takrifan terhadap jenayah genosid, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah peperangan dan jenayah pencerobohan masih tidak diperuntukkan. Takrifan jenayah-jenayah ini sebagaimana yang diterima oleh perundangan antarabangsa pada lazimnya adalah lebih luas berbanding perundangan tempatan. Mekanisme pendakwaan ICC yang berdasarkan undang-undang sivil tidak konsisten dengan amalan sistem *common law* di Malaysia. Selain itu ia juga tidak konsisten dengan perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, penyertaan Malaysia dalam Statut Rome perlu diberikan pertimbangan yang mendalam kerana ia menyentuh perkara-perkara yang mempunyai implikasi undang-undang yang serius seperti kedaulatan Malaysia dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong. Pemerhatian yang berterusan sedang dilakukan terhadap perkembangan kes di luar negara yang dibawa di hadapan ICC seperti Sudan dan Kenya untuk melihat keberkesanannya dan kebebasan ICC dalam melaksanakan fungsi dan kewajibannya bagi memastikan ICC ini dilaksanakan sebagai satu mahkamah yang adil dan bebas. Seterusnya..

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terperanjat dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri kerana nampaknya *stand* yang diambil oleh kerajaan sekarang sangat berbeza dari pandangan yang dibuat pada tahun 2011 di mana kerajaan mengaku *give an undertaking to international community* bahawa kita akan menjadi anggota. Sekarang nampaknya dengan isu-isu yang baru, *a different stand*, nampaknya jalan mencari helah untuk tidak menjadi satu anggota *international community*. Saya rasa itu adalah tidak kena kepada asasnya. Ini kerana kalau kita tengok kepada artikel-artikel yang dirujuk dan Raja-Raja yang mungkin ada implikasi dan sebagainya, saya ada hujah mengenai perkara ini. Lebih sepuluh tahun dahulu, di mana saya telah mengatakan bahawa negara Jordan *total Islamic law, absolute monarchy* di mana mereka boleh menjadi anggota. Apatah lagi kita *constitutional monarch*, sangat berbeza, *lesser impact*. Ini adalah yang saya rasa tidak ada kena-mengena dengan perkara yang asasnya tidak betul Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa apa Yang Berhormat sebut tadi, *I pick to your words you* kata dengan adanya unsur-unsur baru ini. Inilah yang menyebabkan kita terpaksa mengkaji semula dan melihat, meneliti sebelum kita terus untuk menyertai Rome Statute ini. Jadi, kita perlu berhati-hati kerana ianya sudah ada contoh seperti Sudan dan Kenya yang boleh dijadikan rujukan untuk kita. Oleh sebab itu kita perlu mengkaji semula dan melihat kepada keadaan ini.

Jadi, apa yang kita lihat pada hari ini banyak isu baru yang mungkin menjadi – Yang Berhormat, *put it this way* dengan izin, *there is a blessing in disguise* kadang-kadang. Bila ada isu baru ini ia memberi kita satu peringatan yang baru. Perkara baru inilah yang boleh menjadi perkara yang boleh dikajikan semula untuk dijadikan panduan kepada kita sebelum kita menyertainya. Terima kasih.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Batu, tidak ada di sini ya. *[Disampuk]* Tadi dia ada, sekarang tidak ada. Nampaknya itu sahajalah. Yang lain tidak ada.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beruas ada dua soalan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Soalan pertama?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata 'Menteri Undang-undang' akan jawab mengenai dengan...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Dia tidak kata saya jawab tetapi saya boleh juga tolonglah. Saya rasa – Yang Berhormat Beruas punya isu itu apa tadi?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya bangkitkan sekali lagi berkenaan dengan cadangan kerajaan untuk meminda undang-undang *The Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, Administration of Islamic Law (Federal Territories) and...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bintulu, saya tidak dengar hujah Yang Berhormat Beruas. Sila.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 and Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984* yang telah dicadangkan pada tahun 2009 untuk menyelesaikan di mana kedua-dua pihak yang berkahwin di bawah undang-undang bukan Islam, satu pihak masuk Islam semata-mata kerana dengan izin, “*To avoid the responsibility to the wife and children*”.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu satu isu dan lagi satu isu ialah tentang Perkara 11 di bawah Perlembagaan Persekutuan. Masalah yang timbul sekarang di mana orang bukan Islam tetapi kerana secara teknikal dia nama Islam diminta pergi ke Mahkamah Syariah untuk keluar Islam menyebabkan ramai yang hendak kahwin tetapi tidak boleh kahwin. Mereka bersekedudukan dan mempunyai anak di luar nikah. Bagaimana cara menyelesaikan ini kerana Mahkamah Syariah ini seperti mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian tetapi bukan untuk – kalau dahulu untuk seorang itu menukar butir-butir dalam kad pengenalan. Dia boleh buat melalui... atau surat sumpah atau pun mendapat satu surat daripada Majlis Agama. Akan tetapi sekarang ini cara-cara ini dikatakan tidak boleh diterima lagi. Jadi, untuk menghormati Perkara 11, hak untuk menentukan agama seseorang itu adalah hak orang itu. Bukan mesti dapat persetujuan daripada mana-mana pihak lain seperti Mahkamah Syariah.

Saya hendak dapat penjelasan bagaimana menyelesaikan masalah kumpulan kecil ini yang memang dalam jalan buntu dan ini ada impak negatif sosial kepada negara kita.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, soalan yang pertama tadi mengenai perkahwinan dan perceraian boleh atau tidak saya hantar bertulis? Jawapannya terlalu panjang. Keduanya, banyak melibatkan syariah. Jadi, saya rasa itu perlu dibantu oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam hal agama dan *insya-Allah* esok saya akan maklumkan kepada beliau dan kita akan bantu jawab bertulis. Kita perlu tengok *you* punya *Hansard* hari ini melihat kepada isu itu lagi ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi Menteri di luar sana menyatakan JAKIM tidak ada masalah dengan pindaan yang dicadangkan pada tahun 2009.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau JAKIM tidak ada masalah, itu bukan dalam skop saya tetapi saya akan *remind* dia besok, *insya-Allah*.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Dari segi undang-undang kalau boleh kita selesaikan ini secepat mungkin.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sebab undang-undang pun JAKIM bertanggungjawab kepada bidang syariah. Tidak mengapa, saya akan rujuk kepada *Hansard* dan akan membantu untuk membawa perkara ini kepada Menteri berkenaan dan kami akan bincang.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Isu ini sudah berlarutan selama lima tahun. Ramai yang sengsara dan harapkan satu penyelesaian. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Jadi, oleh kerana yang lain itu tidak ada di sini Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, ada soalan yang saya bangkitkan...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini isu apa?

■1800

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Dalam perbahasan.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Saya ada bangkitkan tentang- Dengarlah dahulu. Saya ada bangkitkan tentang alasan kerajaan melantik Datuk Shafie Abdullah sebagai pendakwa raya dan berapakah jumlah bayaran yang diberikan oleh kerajaan. Apa alasan untuk melantik orang luar dan apakah ini menunjukkan bahawa kita punya Unit Pendakwaan ataupun Peguam Negara tidak *competent* untuk melakukan kes-kes pendakwaan seperti ini ataupun memang ia bersifat politik? Memang tujuannya untuk *discredit* dan menyerang secara peribadi Ketua Pembangkang? Ini saya tanya secara khusus dalam perbahasan saya. Terima kasih.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Dari segi pelantikan peguam Datuk Shafie itu, pertama beliau mempunyai kebolehan, beliau mempunyai pengalaman dan kepakaran. Jadi, beliau dilantik bukan kerana politik. Ini bukan perkara yang pertama sekali sebab kita pernah melantik peguam luar pertama di mana David Machell, Siros Dust dan juga dahulu kalau tidak silap Tan Bok Chuan, pernah mewakili kerajaan dalam perkara ini.

Selain daripada itu, dari segi pembayaran pula, itu adalah perkhidmatan yang diberi beliau. Jadi, mempunyai satu *it is a client* dengan peguam punya *service*. Jadi, itu tidak dapat kita *disclose*, di sini dengan izin. Jadi, tiada kena mengena dengan politik kerana itu satu perkara yang biasa. Itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]: Cuma Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya hendak penjelasan. Maaf Tuan Yang di-Pertua. Adakah wang yang dibayar itu bukan wang kerajaan atau syarikat mana-mana menaja kerana pada saya kalau katakan wang itu adalah wang yang diambil di Perbendaharaan, saya fikir *client and confidentiality agreement* ini dia tertakluk kepada maklumat yang *detrimental to the case*. Bukan isu kos. Misalnya saya ingat tahun 2011, kerajaan ada umumkan bayar kepada Datuk Shafie dalam kes berkaitan dengan Teoh Beng Hock misalnya, dibayar RM150,000. Dia kata dalam kes ini kerajaan dedahkan tetapi dalam kes yang juga membabitkan kerajaan, pendakwa raya lawan Yang Berhormat Permatang Pauh itu tidak boleh di *disclose* atas alasan *confidentiality* ataupun kerahsiaan. Jadi, saya minta penjelasan. Terima kasih.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, dalam kes Teoh Beng Hock itu adalah satu kes inkues yang dimaksudkan. Itu dalam kes inkues. Lagipun kes ini masih berjalan, masih belum selesai lagi dan masih lagi *sub judice* juga kes ini. Jadi, kita tidak berhasrat untuk *to disclose* dengan izin, kerana ini adalah seperti Yang Berhormat sendiri tahu *this is confidentiality between* peguam dengan *client* dia. Jadi, apa Yang Berhormat nyatakan tadi seperti mana kes-kes yang lain juga ada juga mempunyai perkara yang di mana ia melibatkan peguam-peguam

luar juga yang telah dilakukan sebelum ini. Namun begitu, sekiranya kita dibenarkan untuk memberi maklumat mengenai pembayaran tersebut, *I should think there is no problem* yang kita boleh bagi kepada Yang Berhormat.

Okey, terima kasih. Kita bagi secara bertulis. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi kerjasama dalam hal ini, dalam hal-hal melibatkan agensi kita. Jadi, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

6.04 ptg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan penggulungan, izinkan saya merakamkan rasa sedih di atas kehilangan pesawat MH370. Kita semua doakan agar Allah SWT melindungi dan memberi kekuatan kepada keluarga penumpang-penumpang dan anak-anak kapal pesawat tersebut. Kita juga memohon agar segala urusan mencari pesawat dan penyelesaian isu-isu yang berbangkit dapat dipermudahkan Allah SWT.

Terima kasih juga kita ucapkan kepada semua kakitangan Malaysia Airlines, DCA, Kementerian Pengangkutan, anggota-anggota tentera, polis, APMM dan lain-lain agensi yang telah dan sedang bertungkus-lumus membantu menyelesaikan insiden ini. Ini merupakan satu insiden yang *unprecedented* dengan izin dan jasa mereka ini perlulah kita kenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada 12 isu-isu untuk dijawab berkaitan dengan bidang tugas saya di Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Saya bahagikan isu-isu ini kepada empat bahagian iaitu:

- (i) sosioekonomi;
- (ii) jurang pendapatan;
- (iii) pembangunan wilayah; dan
- (iv) isu infrastruktur.

Pertama sekali, saya ingin memberi penjelasan kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang berhubung dengan isu sosioekonomi. Yang Berhormat Serdang telah menyarankan agar kerajaan mempertimbangkan untuk menerima Akta Keterangkuman Sosial berkaitan dengan isu-isu kemiskinan, sosial dan masyarakat terpinggir yang dikatakan akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mempertimbangkan Akta Keterangkuman Sosial berkaitan isu-isu kemiskinan ini kerana isu tersebut pada masa ini sudah pun ditangani di bawah dasar pembangunan sedia ada yang bersifat *inclusive*. Di bawah Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, pelaksanaan program diorientasi berdasarkan kepada empat prinsip utama iaitu yang berasaskan kepada keperluan ataupun *need space, married, ketuluan dan mesra pasaran*.

Peningkatan pembangunan secara *inclusive* ini dilaksanakan bagi memastikan semua rakyat tanpa mengira batasan etnik, geografi dan budaya mendapat faedah sewajarnya daripada pembangunan negara. Peranan pelbagai kementerian, agensi kerajaan terus diperkemas untuk menangani isu-isu pembangunan *inclusive* secara lebih berkesan.

Di samping itu, kerajaan juga bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan yang lain, NGO secara aktif untuk membantu menangani isu-isu spesifik berkaitan dengan kemiskinan, sosial dan juga masyarakat terpinggir. Hasil daripada pendekatan pembangunan secara *inclusive* dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan, Malaysia telah pun berjaya membasmi kemiskinan tegar dan terus mengurangkan kadar kemiskinan am daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 1.7% pada tahun 2012. Dalam hal ini, kejayaan kita telah pun diiktiraf di peringkat antarabangsa termasuklah oleh Bank Dunia dan juga UNDP.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Boleh? Sedikit sahaja.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak nafikan bahawa kerajaan telah membuat dan menjalankan langkah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini. Akan tetapi salah satu sebab kenapa *private members bill* untuk mencadangkan satu *Social Inclusion Act* dengan izin, adalah supaya satu *Social Conclusion Commission* ditubuhkan. Ini bukan bermakna bahawa dasar kerajaan untuk menangani isu kemiskinan itu tidak baik. Akan tetapi sama seperti hasrat untuk memperbaiki keadaan *Human Rights* ataupun hak asasi manusia di negara ini, satu Suruhanjaya Hak Manusia ataupun *Human Rights Commission* telah ditubuhkan di negara kita.

Jadi, itu adalah salah satu sebab kenapa kita hendak mencadangkan satu *Social Inclusion Commission* supaya boleh memberi satu cadangan dan boleh menjadikan sebagai satu *independent body*, satu badan yang bebas untuk memberi cadangan dan juga memantau perbuatan dasar-dasar kerajaan untuk menangani - sekarang bukan sahaja kadar kemiskinan, *absolute poverty* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga untuk menangani isu *urban poverty* di mana di kawasan-kawasan bandar ini memang *poverty and income* itu terlalu rendah untuk merangkumi orang yang ada masalah dari segi *urban poverty* itu. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan cadangan ini. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, kami berpendapat bahawa cadangan itu buat masa ini tidak perlu ataupun tidak dapat dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah berhubung dengan jurang pendapatan dan di sini mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Parit Buntar.

■1810

Yang Berhormat Permatang Pauh telah membangkitkan isu kesenjangan pendapatan rakyat yang menurut beliau kian melebar walaupun langkah transformasi telah dilaksanakan oleh

kerajaan. Menurut beliau, ia dapat dilihat daripada perangkaan nasional bahawa nisbah pendapatan rakyat dan KDNK negara yang kononnya telah menyusut daripada 28% pada tahun 2008 kepada 23% pada tahun 2013. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh adalah tidak benar. Ini kerana rekod menunjukkan bahawa kerajaan telah berjaya meningkatkan pendapatan kasar bulanan isi rumah daripada RM264 sebulan pada tahun 1970 kepada RM5,000 sebulan pada tahun 2012. Ketidakeimbangan pendapatan juga telah pun berkurangan berdasarkan kepada Pekali Gini daripada 0.513 kepada 0.431 dalam tempoh yang sama.

Ini mencerminkan ketidakeimbangan keseluruhan telah pun bertambah baik dan pendapatan rakyat telah meningkat selaras dengan pembangunan sosioekonomi negara. Ini juga menunjukkan bahawa usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui dasar-dasar pembangunan implosif telah dapat mengurangkan jurang serta meningkatkan kualiti hidup rakyat secara keseluruhannya. Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa nisbah pendapatan rakyat dan KDNK yang dikatakan kononnya menyusut daripada 28% pada tahun 2008 kepada 23% pada tahun 2013, ia juga adalah tidak benar. Ini kerana pampasan pekerja telah pun meningkat secara purata 8.2% setahun daripada RM225.4 bilion pada tahun 2008 kepada RM309.4 bilion pada tahun 2012.

Manakala kadar Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga semasa telah pun meningkat sebanyak 5.2% setahun daripada RM769.9 bilion pada tahun 2008 kepada RM941.2 bilion pada tahun 2012. Ini bermakna pampasan pekerja yang diukur daripada segi peratusan kepada KDNK sebenarnya telah pun meningkat daripada 29.3% pada tahun 2008 kepada 32.9% pada tahun 2012. Pengiraan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu adalah tersasar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin telah menyarankan agar kerajaan memberi perhatian kepada pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama. Manakala Yang Berhormat Parit Buntar telah menyuarakan kekusaran beliau terhadap isu jurang pendapatan. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa jurang pendapatan boleh menyumbang kepada masalah perpaduan di kalangan rakyat. Kenyataan Yang Berhormat Parit Buntar ada kebenarannya. Jurang pendapatan yang melebar jika tidak ditangani akan menyumbang kepada masalah perpaduan.

Sebab itulah melalui Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan memberi perhatian khusus kepada isu jurang pendapatan bagi mewujudkan corak agihan pendapatan yang lebih saksama. Ini dilaksanakan melalui pendekatan pembangunan secara inklusif dan fokus kepada kumpulan isi rumah 40% terendah serta kumpulan masyarakat khusus dalam kalangan masyarakat Orang Asli, minoriti Sabah dan Sarawak, masyarakat India dan penduduk Kampung Baru Cina yang memerlukan perhatian.

Kita juga sedia maklum bahawa masalah perpaduan bukan sahaja disebabkan oleh jurang pendapatan, perpaduan juga dipengaruhi oleh tahap toleransi dan persefahaman dalam kalangan rakyat. Sehubungan itu, pendekatan pembangunan inklusif yang dilaksanakan berasaskan kepada empat prinsip iaitu keperluan, merit, ketelusan dan mesra pasaran adalah

selaras dengan semangat dan prinsip 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin juga telah menyarankan agar kerajaan memberi perhatian kepada penggubalan Dasar Induk Agenda Bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan usaha merapatkan jurang ekonomi bumiputera dengan bukan bumiputera, kerajaan terus mengambil langkah untuk memperkemas pelaksanaan program dan inisiatif-inisiatif pembangunan bumiputera.

Antaranya, pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera telah pun dilaksanakan dan ini bertujuan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi serta bermakna dan berkesan. Pelaksanaan agenda bumiputera ini telah pun diperkukuhkan daripada semasa ke semasa bagi memantapkan lagi pelaksanaan agenda bumiputera ini. Seterusnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada 1 September 2013 juga telah mengumumkan lima strategi dan 34 *touch points*, dengan izin, untuk dilaksanakan bagi memperkasakan ekonomi bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang ingin saya sentuh ialah berkenaan pembangunan wilayah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Gelang Patah telah menyatakan terdapat pembangunan yang tidak terkawal di Iskandar Malaysia sehingga memusnahkan khazanah alam semula jadi di kawasan sekitar. Tuan Yang di-Pertua, sejak di peringkat permulaan perancangan Iskandar Malaysia lagi, kepentingan pembangunan yang mampan telah diberikan perhatian yang serius. Dalam *Masterplan Iskandar Malaysia* iaitu *Comprehensive Development Plan* atau CDP II 2013 hingga 2025, penjagaan alam sekitar diberi pendekatan setaraf dengan elemen ekonomi dan sosial. Dalam CDP II ini, satu bab khusus tentang elemen alam sekitar telah dihuraikan dan *the greening* ataupun *low carbon Iskandar*, dengan izin, sebagai satu langkah utama.

Bagi menyokong Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar ini, beberapa pelan induk ataupun *blueprint* berkaitan dengan penjagaan alam sekitar telah pun dirangka dan diluluskan serta dalam proses pelaksanaan. Antaranya ialah Pelan Induk Alam Sekitar, Pelan Pengurusan Pesisir Pantai, Guna Tanah Bersepadu, Pelan Induk Pengurusan Guna Tanah, Roadmap Bangunan Hijau dan lain-lain lagi. Oleh itu, pembangunan di Iskandar Malaysia bukan sahaja memberikan keutamaan kepada pembangunan infrastruktur seperti jajaran jalan baru dan sebagainya tetapi juga memberi perhatian kepada pemuliharaan alam sekitar seperti pemulihan Sungai Seget dan penempatan semula setinggan.

Lebih kurang RM400 juta telah pun diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga Kesepuluh bagi tujuan ini. Dengan pelaburan yang diterima di Iskandar Malaysia, kepentingan alam sekitar akan terus diberikan perhatian. Antara program yang dirangka termasuklah merangka inisiatif masyarakat rendah karbon ataupun *low carbon society* dan kerja-kerja menghalang hakisan di kawasan berkepentingan alam sekitar di Tanjong Piai. Oleh itu walaupun Iskandar Malaysia membangun dengan pesat, namun aspek-aspek penjagaan alam sekitar tidak akan diabaikan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka telah membangkitkan isu pembangunan projek mega, khususnya di Negeri Melaka. Beliau ingin tahu

siapakah yang mengawal dan memantau projek mega oleh kerajaan negeri dan contohnya, projek tambak laut bernilai RM40 bilion di Melaka.

Siapakah syarikat pelaksana, bagaimanakah kedudukan kewangannya dan isu-isu lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua projek kerajaan negeri yang tiada penglibatan Kerajaan Persekutuan daripada segi peruntukan, pinjaman pembiayaan dan memenuhi syarat serta keperluan yang ditetapkan adalah dipantau sepenuhnya oleh kerajaan negeri tanpa merujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Mengenai projek tambak laut yang dibangkitkan itu, ia merupakan sebahagian daripada projek Melaka Gateway yang dilaksanakan oleh Syarikat KAJ Development Sdn. Bhd dan melibatkan pelaburan daripada Singapura, China, Hong Kong, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Sebelum ini, syarikat tersebut telah melaksanakan beberapa projek Kerajaan Persekutuan seperti projek pengindahan Sungai Melaka, projek Tebatan Banjir Daerah Melaka Tengah dan projek-projek lain termasuklah menguruskan Zoo Melaka dan juga Taman Burung Air Keroh. Pada masa ini, projek tersebut dipantau oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui jabatan teknikal berkaitan seperti Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Majlis Bandar Raya Melaka Bersejarah, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Tanah dan Galian Negeri dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka.

Lazimnya, hanya projek yang berdaya maju dan memberi impak yang positif kepada pembangunan sosioekonomi serta memenuhi kriteria atau syarat yang telah ditetapkan sahaja yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Antara syarat-syarat dan keperluan yang telah ditetapkan yang melibatkan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan sama ada melalui kementerian, agensi dan jabatan adalah lima perkara yang berikut.

Pertama sekali, projek yang melibatkan pelaburan asing dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang perlu mendapatkan keperluan ataupun kelulusan pihak MIDA. Keduaanya, projek yang memerlukan pembiayaan pinjaman oleh kerajaan negeri perlu mendapatkan kelulusan pihak Kementerian Kewangan. Yang ketiga, projek yang memerlukan insentif khas dan cukai perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan juga MIDA. Keempat, projek yang mempunyai kesan terhadap alam sekitar perlu mendapat penilaian *environment impact assessment* ataupun EIA daripada Jabatan Alam Sekitar. Kelima, projek-projek infrastruktur yang menghubungkan dengan negara luar atau yang melibatkan isu sempadan negara perlu mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkan isu pembangunan di negeri Sabah. Beliau menyarankan agar Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian kepada pembangunan di Sabah yang dikategorikan negeri paling miskin dan masih dalam keadaan nombor dua walaupun 40% petroleum adalah dari negeri Sabah. Ini menurut pengamatan beliau.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa masih wujud jurang pembangunan sosioekonomi di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Namun

begitu, usaha telah dan sedang giat dijalankan bagi mempercepat pembangunan di wilayah dan di negeri-negeri yang kurang maju. Selain daripada hasil petroleum kepada negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan telah pun menyalurkan peruntukan pembangunan yang besar kepada negeri Sabah. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20.63 bilion ataupun 9% daripada peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan projek dan program pembangunan sosioekonomi di negeri Sabah.

Dalam tempoh tahun 2011 hingga 2014, Sabah menerima peruntukan sebanyak RM16.54 bilion ataupun 8.7% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan. Hasilnya, pendapatan KDNK per kapita bagi negeri Sabah telah pun meningkat daripada RM11,134 pada tahun 2005 kepada RM19,010 pada tahun 2012. Di samping itu, pendapatan kasar bulanan isi rumah purata meningkat daripada RM1,884 pada tahun 1999 kepada RM4,013 sebulan pada tahun 2012. Manakala kadar kemiskinan telah menurun daripada 24.3% kepada 8.1% dalam tempoh yang sama. Ini semua menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan amat komited dan terus berusaha untuk mempercepat pembangunan di negeri Sabah dan tidak membiarkan Sabah terpinggir daripada arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerlun telah meminta agar pembangunan bandar getah ataupun *rubber city*...

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Ya.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya minta sedikit jalan Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana usaha kalau kita lihat, bukan sahaja sepuluh tahun semenjak merdeka, menambahkan pendapatan warga Malaysia dan bukan sahaja kaum bumiputera, semua mendapat peningkatan pendapatan seperti Yang Berhormat Menteri nyatakan tadi. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kepada senario yang baru ini yang mana dengan kenaikan kos cara hidup di bandar-bandar ini.

Anak-anak muda walaupun mereka mendapat pekerjaan di bandar-bandar tetapi kos sara hidup amat meningkat. Kadang-kadang mereka ini amat berminat untuk bekerja di luar bandar. Adakah kerajaan hendak mempertimbangkan kembali bahawa kawasan-kawasan industri ini, peluang-peluang pekerjaan yang wujud di luar-luar bandar? Kenapa? Ini akan menghindarkan mereka daripada berhijrah ke bandar-bandar. Sudah ada Tuan Yang di-Pertua orang di kawasan saya sebagai contoh. Dia berhenti kerja di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, kerana dia tidak sanggup lagi menyara hidup dua, tiga orang anak mereka hendak pergi sekolah, kos sara hidup semakin tinggi, mereka balik ke kampung.

Akan tetapi di kampung peluang pekerjaannya tidak ada pendapatan yang agak lumayan seperti bandar. Adakah kerajaan hendak mengkaji kembali usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan ini di luar bandar dan mengkaji kembali peranan-peranan agensi-agensi kerajaan seperti FELCRA, RISDA yang lain-lainlah untuk mewujudkan pula peluang pekerjaan di luar-luar bandar? Ini kerana dengan kos sara hidup yang amat rendah di luar bandar, mengapa tidak

digunakan agensi ini seperti ECR, agensi-agensi yang ada untuk melihat kembali cara kita mewujudkan peluang pekerjaan. Bukan sahaja kita menggunakan kuasa pasaran tetapi dengan kerajaan mengambil satu tindakan secara *intervention* untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di luar bandar pula.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya memang setuju dengan saranan Yang Berhormat tentang pentingnya kita mempertingkatkan aktiviti-aktiviti di kawasan wilayah dan kawasan luar bandar. Sebab itu kerajaan telah mewujudkan pelbagai koridor termasuklah di Pantai Timur untuk memastikan bahawa banyak projek dapat dilaksanakan di kawasan sebegini. Satu lagi Yang Berhormat sebut tadi adalah amat relevan tentang peranan syarikat-syarikat seperti FELCRA, FELDA yang boleh menjalankan aktiviti-aktiviti *downstream*, dengan izin bukan di kawasan-kawasan bandar tetapi di kawasan-kawasan luar bandar. Ini akan mempertingkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia termasuk golongan yang muda.

Ini termasuklah juga isu *rubber city* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun yang saya hendak sambung tadi kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jerlun telah meminta agar pembangunan bandar getah ataupun *rubber city* di negeri Kedah dapat dipercepatkan. Untuk itu, untuk maklumat Yang Berhormat, *rubber city* ini merupakan satu pembangunan kawasan yang menyatupadukan ataupun *integrate* pengeluaran tanaman getah dengan aktiviti hiliran dan aktiviti-aktiviti tambah nilai dalam satu kawasan. Projek ini telah pun dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi semalam dan kerajaan negeri sekarang ini sedang memuktamadkan lokasi tapak projek tersebut. ini antara contoh Yang Berhormat Rompin tadi sebut yang kita bakal laksanakan. *Insyallah*, kita akan adakan banyak lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat ialah isu infrastruktur yang telah menarik perhatian beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Dungun.

Yang Berhormat Tanjong Manis memohon agar Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri Sarawak untuk pembangunan infrastruktur di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan memang komited dalam pembangunan projek infrastruktur di negeri Sarawak. Banyak projek yang telah dan sedang dilaksanakan. Mungkin saya boleh bagi beberapa contoh di sini. Pertama sekali, Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui ataupun SCORE antara projek utama di koridor ini ialah bekalan air Samalaju dengan kos sebanyak RM370 juta dan juga penyediaan tapak dan infrastruktur serta bekalan air di Mukah. Di Tapak Perindustrian Samalaju ini, tapak infrastruktur adalah berjumlah RM229 juta dan bekalan air Mukah pula berjumlah RM207 juta.

Keduanya ialah jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa dan jalan pertanian. Dari tahun 2011 hingga tahun 2013, kerajaan telah menyiapkan pembinaan jalan sepanjang 865 kilometer manakala bagi tahun 2014, kita bercadang untuk menyiapkan jalan sepanjang 181.7 kilometer. Dari segi jalan persekutuan, panjang keluruhan jalan persekutuan di negeri Sarawak ialah 1,453.79 kilometer. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, sepanjang 147

kilometer jalan telah di naik taraf dan sepanjang 162.5 kilometer lagi jalan persekutuan akan di naik taraf di bawah Program Naik Taraf Lebuhraya Pan Borneo. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi pembangunan jalan persekutuan di negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah berjumlah RM2.69 bilion.

Dari segi bekalan air dan pemotongan, kita menyediakan siling peruntukan dalam *rolling plan* keempat sebanyak RM397 juta dan ini termasuklah projek-projek yang diluluskan berkaitan dengan projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Miri. Projek pembinaan Empangan Bengoh, pembangunan sumber air untuk bekalan air Miri dan projek pembinaan loji kolam takungan dan paip untuk bekalan air di Sri Aman.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: [*Bangun*]

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Kelima ialah lapangan terbang yang mana...

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tanjong Manis, boleh?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Boleh silakan.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak-banyak kepada kementerian yang telah prihatin memberikan dana untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Saya amat memahami perancangan-perancangan ini tertakluk kepada permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Akan tetapi juga kita sebagai Ahli Parlimen ada memohon juga beberapa kriteria seperti di Tanjong Manis, kita tidak ada jalan persekutuan langsung dan kita banyak jalan yang disediakan oleh Kementerian Luar Bandar.

Di Pulau Bruit sahaja sebuah pulau yang amat besar sebesar negara Singapura, sepanjang kayu pembaris, 13 kampung, satu rumah panjang, tidak ada jalan.

■1830

Ada jalan kampung tetapi tidak bersambung dari kampung ke kampung. Jadi saya pernah mengutarakan beberapa hari dahulu, tiga sekolah menengah terletak di selatan padahal kebanyakan kampung di utara kerana tidak ada air bersih. Jadi air bersih cuma ada di bahagian selatan. Bagaimana anak-anak ini hendak turun ke sekolah yang sejauh 30 lebih kilometer kalau tidak mendapat peruntukan daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah untuk menjalankan kerja mereka. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri berilah dana dan berikan perhatian khas kerana hujung tahun ini sekolah itu hendak siap. Tidak lama lagi *white elephant*, tidak ada budak-budak. Ada sekolah yang cantik, tidak ada budak-budak.

Lagi satu dari segi rumpun tadi membawa daripada segi ekonomi luar bandar. Kalau kita lihat perancangan-perancangan ekonomi luar bandar, memang belum berkembang dengan baik. *We have the land*, kita mempunyai tanah di Sarawak. Banyak tanah. Akan tetapi dari segi membantu *small-medium industry*, tidak ada. Langsung tidak ada. Di Pulau Bruit, satu pulau pun tidak ada satu industri untuk membantu rakyat. 10,000 orang tidak ada hasil makanan selain daripada pergi ke laut atau pergi ke sungai untuk kais pagi, makan pagi.

Jadi saya harap kementerian dapat melihat, mungkin menggunakan PEMANDU, jangan sahaja tengok perancangan-perancangan yang besar. Macam mana kita hendak menaikkan taraf ekonomi hidup rakyat di luar bandar dalam perancangan PEMANDU. Bagaimana dari segi koridor di Parlimen itu untuk membantu rakyat-rakyat di luar bandar? Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit, Bagan Serai.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Okey.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada peluang pekerjaan dan untuk meningkatkan pendapatan kawasan luar bandar. Contohnya di Parlimen Bagan Serai yang mana keadaan sekarang ini dengan pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dan ada *exit highway* daripada Bukit Merah dan juga tahun depan di Alor Pongsu. Jadi saya memikirkan tentang kewujudan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi. Jadi keadaan ini dengan logistik yang lebih baik, dengan jarak yang lebih dekat sekarang seolah-olah macam paip pecah di kawasan Parlimen bagan Serai. Akan tetapi kita tidak ada tarikan-tarikan dari segi institusi untuk menambahkan ekonomi. Jadi di sini kalau kita dapat - saya hendak sarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi umpamanya IPT dan sebagainya sebab ia menarik dan memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di kawasan Parlimen Bagan Serai yang mana topik kemiskinan adalah perkara yang selalu dibincangkan. Terima kasih.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Yang Berhormat Menteri, sambung sedikit. Lupa. Satu lagi. Di Pulau Brait, paip-paip untuk air sudah di sambung tetapi tidak ada air. Sudah banyak tahun sudah. Jadi saya berharap diperlihatkan agar diperkemas supaya rakyat tidak merana. Ini kerana sudah sebulan lebih tidak ada air langsung. Jadi musim sekarang ini musim panas, kemarau yang amat teruk, tahap kritikal. Jadi saya berharap kementerian dapat meneliti dan memberi bantuan dengan segera untuk rakyat sementara waktu.

Satu lagi dari segi tadi kita berbahas dengan Yang Berhormat Menteri yang menjaga hal ehwal agama dari segi pensijilan halal. Saya lihat tidak ada *coordination* daripada HDC dengan JAKIM. Macam mana kementerian boleh membantu untuk *ensure that the matching* berlaku. Ini kerana satu, hendak buat laju. Satu, terlampau lambat. Mungkin *because manpower* tidak ada dan *coordination and then again back again to* dari segi standard yang diperlukan. Mungkin HDC patut keluar daripada MITI, masuk bawah Jabatan Perdana Menteri supaya *coordination* itu dapat disegerakan bukan sahaja untuk rakyat Malaysia terutamanya untuk *for international investment* dari segi *branding* halal. *The mismatch is very apparent* Yang Berhormat Menteri. Kita ada sebuah syarikat, saya difahamkan sebuah syarikat daripada Jepun, Nippon Logistic. Ada 400 *logistic company*. Dia mohon sijil halal daripada JAKIM. Belum dapat jawapan sampai hari ini. Kalaulah kita dapat eksport *that brand*, JAKIM punya *brand* halal, *I think there's a lot of business to be done*. Akan tetapi kita tidak memandang ke arah itu.

Satu lagi dari segi gelatin tadi saya bawakan. Kita membeli gelatin daripada bermacam-macam negara. Saya pernah melihat di negara China. Hari ini dia buat gelatinbase. Minggu depan dia buat daripada tulang lembu. Akan tetapi dia dapat sijil halal daripada negara China dan

kita terima sijil halal itu. Siapa hendak bertanggungjawab? Jadi kalau hendak cakap sijil halal itu tidak penting, tidak perlu apa nama ini, itu adalah satu sijil yang siapa hendak boleh pakai *as long they answer. That's not the right answer.* Jadi saya rasa kita patut melihat kita punya kekuatan, kekuatan Malaysia adalah sijil halal kita. Jadi kenapa di bawah PEMANDU, kita tidak melihat ini dengan serius?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri. Bukit Katil. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sokong Yang Berhormat Tanjong Manis. Saya kesian dengar tadi tidak ada dan sebagainya. Saya minta Yang Berhormat Menteri ambil perhatian. Sudah lama mereka sokong Barisan Nasional. Kalau tidak nanti pilihan raya negeri, kita tukarlah. Terima kasih. Saya sokong, sokong. Ini kalilah. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis dan juga Yang Berhormat Bagan Serai. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Manis tadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan berbincang dengan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kita tengoklah bagaimana kita dapat menyelesaikan perkara tersebut. Kita ambil maklum komen yang diberikan oleh Yang Berhormat Bagan Serai.

Mengenai isu halal itu, itu memerlukan satu perbincangan yang berbeza dengan rakan-rakan saya di kementerian lain. Terima kasih. Kalau boleh saya sambung.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Yang Berhormat Menteri, saya berharap Yang Berhormat Menteri bawa ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerana banyak *international company* yang berminat dengan sijil halal tetapi tidak mendapat sokongan yang kuat. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit tadi. Tadi saya sedang menyebut tentang lapangan terbang. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, kita ada tiga projek lapangan terbang yang telah diluluskan iaitu pertama sekali projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sibu yang telah pun disiapkan pada penghujung tahun 2012 dan ia melibatkan kos RM144 juta. Kedua, lapangan terbang yang baru, yang bakal dibina di Mukah, Sarawak dengan kos sebanyak RM341 juta. Ketiga ialah Lapangan Terbang Miri yang akan dinaiktarafkan bermula pada tahun ini dengan kos sebanyak RM78 juta.

Selain itu, bekalan elektrik juga akan dipertingkatkan di negeri Sarawak. Ini berkenaan dengan projek bekalan elektrik luar bandar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.88 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong secara khusus telah memohon supaya EPU membantu meningkatkan infrastruktur untuk menarik pelaburan daripada luar dalam industri makanan di Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang menyambut baik usaha kerajaan negeri Perak untuk membangunkan kawasan seluas 2,900 ekar sebagai Lenggong Agro Valley bagi tujuan pengeluaran makanan yang kekal. Ini adalah satu inisiatif yang baik untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara dan wajar diberi keutamaan oleh semua kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sememangnya mempunyai program khusus untuk membangunkan kawasan pengeluaran

makanan negara melalui perwujudan taman pengeluaran makanan kekal dan sehubungan dengan itu pihak Kerajaan Negeri Perak, kita minta bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memperincikan keperluan dalam rancangan ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Projek yang saya maksudkan ialah projek lembah Lenggong Agro Valley iaitu projek yang memberi tumpuan kepada pengeluaran barang makanan di mana kerajaan negeri telah pun memperuntukkan sebidang tanah lebih kerana 800 hektar, lebih kurang 2,900 ekar yang meletakkan *title* projek Lenggong Agro Valley.

■1840

Ia sebahagian daripada Projek Agro Pelancongan. Ia sebenarnya berbeza dengan TKPM. Walaupun TKPM ada berdekatan dengan kawasan tersebut, tetapi program ini adalah satu projek untuk menarik pelaburan yang membolehkan ia menjadi projek sokongan kepada Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia. Jadi kita harap selepas ini kita akan kemukakan perincian kepada pihak kementerian untuk membantu kita bagi membolehkan kita membuat lonjakan ekonomi pada masyarakat luar bandar. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon sedikit kesempatan kalau boleh. Tadi Yang Berhormat Menteri ada bercerita tentang prasarana tentang lapangan terbang. Saya minta izin sidang yang mulia hendak bertanya sedikit tentang masalah di kawasan saya. Lapangan terbang di Rompin di Pulau Tioman, dikatakan dahulu sudah lama tetapi sekarang ini Berjaya pun sendiri sudah tidak menyambung dia punya *flight* ke Tioman, nanti usaha kerajaan untuk meningkatkan pelancongan yang tergendala kerana pelancong tidak dapat pergi ke Pulau Tioman itu terutama sekali kawasan tengkujuh kerana tidak mampu lagi pergi mengikut laut dan udara pun tidak mampu. Ini saya dapat sedikit, nanti kalau tidak ada maklumat di sini mungkin kemudian.

Kedua saya tertarik dengan Yang Berhormat Bagan Serai yang isu menggunakan RISDA dan FELCRA, KPI mereka sekarang ini menambahkan kalau RISDA, FELCRA banyak lagi tanam kelapa sawit, banyak lagi tanam getah. Peruntukan EPU memberi berasaskan kepada permohonan mereka menambahkan tanaman-tanaman getah dan juga kelapa sawit. Adakah EPU akan mengkaji kembali kelulusan peruntukan ini untuk menggalakkan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri tadi supaya turun kepada industri hiliran di luar bandar? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Rompin dan sebelum itu Yang Berhormat Lenggong. Untuk maklumat Yang Berhormat Lenggong, saya menyambut baiklah peluang ini dan saya akan berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak untuk projek ini dan mungkin kita boleh melaksanakannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti. Berkenaan dengan Yang Berhormat Rompin, tentang isu *airlines* itu, penerbangan, ini perlu saya semak semula dan berbincang dengan Kementerian Pengangkutan dan begitu juga dengan saranan berkenaan Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Jelutong ingin penjelasan mengenai *Penang Port* berkenaan dengan terma komersial dan pemindahan berkaitan dengan Penang Port Sdn. Bhd. dan pihak ketiga. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. merupakan syarikat pembida yang berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang dan ini dilakukan melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd. yang telah dilaksanakan melalui tender terhad atau pun *restricted tender* dengan izin.

Rundingan mengenai terma-terma perjanjian pula telah pun dimuktamadkan dan perjanjian tambahan atau pun *supplemental agreement* penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah pun ditandatangani pada 23 November 2013. Ini di antara kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd.

Obligasi syarikat antaranya ialah pertama sekali, untuk menyediakan kemudahan pengangkutan feri, ini yang memerlukan kos yang besar di mana syarikat terpaksa menanggung kos sebanyak RM16 juta setiap tahun. Keduanya ialah mengambil alih beban hutang Penang Port Sdn. Bhd. yang melebihi RM1.2 bilion. Ketiga, menanggung kos pelaksanaan kerja-kerja pengerukan utama daripada 11.5 meter kepada 14.5 meter dalamnya. Keempat ialah untuk membuat suntikan modal atau pun *cash injection* dengan izin, bagi menyokong pembangunan di pelabuhan berkenaan..

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir berkenaan dengan infrastruktur yang ingin saya beri penjelasan ialah tentang Projek Kereta Api Pantai Timur khasnya Terengganu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dungun. Beliau menyatakan selaras dengan hasrat negara maju tahun 2020, elemen pengangkutan dan kemudahsampaian perhubungan adalah penting. Namun di Terengganu perkhidmatan kereta api tidak ada dalam kita membincangkan kereta api laju dan kereta api berkembar. Beliau melihat dan meminta supaya kerajaan melihat perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah pun mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur sebagai satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Ini bakal menjadi pemangkin untuk mempercepatkan lagi pembangunan industri di Wilayah Pantai Timur.

Pada masa sekarang, kajian daya maju projek dan kebolehlaksanaan kewangan terperinci atau pun *detail financial feasibility* dengan izin, sedang dilaksanakan bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi, Unit Kerjasama Swasta, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau pun SPAD.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan semasa perbahasan Titah Diraja 2014 di Dewan yang mulia. Mana-mana isu yang telah dibangkitkan tetapi tidak dirangkumi dalam jawapan penggulungan ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan agar perkara ini telah pun dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Muar.

6.46 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan sesi penggulangan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dalam hal yang dibangkitkan dan saya ingin mengucapkan terima kasih pada semua cadangan, pandangan dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha kita untuk meningkatkan integriti, kualiti mutu kerja kita demi menghasilkan masa depan yang lebih baik dan sempurna kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit membangkitkan soal berkaitan pencerobohan tanah di *Cameron Highlands*. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM telah pun mengambil tindakan berhubung isu pencerobohan tanah tersebut dan pada 10 Januari 2014, seorang peneroka tanah haram iaitu Tan Meng Lee telah dituduh di bawah seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atas kesalahan menawarkan wang rasuah sebanyak RM20,000 supaya tidak diambil tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja penerokaan haram yang dijalankannya.

Yang Berhormat Bakri bertanyakan mengenai siasatan melibatkan gelaran Tun, Tan Sri, Dato' dan sebagainya, sukacita dimaklumkan bahawa SPRM menyiasat setiap kesalahan jenayah rasuah tanpa mengira kedudukan, latar belakang kaum mahu pun gelaran seseorang individu.

Berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu mengenai persepsi antarabangsa di mana kes-kes *high profile* dalam isu rasuah dan penyelewengan tidak dikenakan tindakan sebaliknya ramai di kalangan Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang telah menghadapi tindakan mahkamah, saya ingin menyangkal bahawa kenyataan Yang Berhormat Batu itu sebagai benar kerana SPRM menyiasat setiap kesalahan rasuah tanpa pilih kasih atau fahaman politik seseorang yang disiasat.

Saya menyeru agar kita semua untuk memperbaiki persepsi tersebut dengan tidak terus membuat tuduhan sedemikian rupa di masa akan datang kerana ia dapat menjejaskan usaha kita memerangi rasuah. Walau bagaimanapun sama ada ahli pembangkang yang didakwa itu berkaitan pil kuda atau kesalahan-kesalahan lain, itu tidak termasuk ke dalam perkara yang saya nyatakan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut berkaitan perlindungan kepada pemberi maklumat melibatkan anggota tentera. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, rasuah adalah perbuatan jenayah dan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang mengetahui perlakuan jenayah rasuah untuk melaporkan perbuatan tersebut kepada agensi penguat kuasa yang berkaitan.

Pemberi maklumat tidak perlu kluatir kerana Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 memperuntukkan perlindungan kepada mereka daripada sebarang tindakan yang memudaratkan, lanjutan daripada maklumat rasuah yang telah dikemukakan. Namun begitu,

sekiranya seorang pemberi maklumat menghebah-hebahkan maklumat yang dilaporkan kepada pihak media, atau pihak-pihak yang seumpamanya atas tujuan publisiti, politik atau apa tujuan maka pemberi maklumat berkenaan tidak lagi dilindungi di bawah akta tersebut. Bagi anggota tentera, atas kapasiti sebagai individu dan warga negara, mereka turut memihak yang sama ketika memberi laporan atau aduan berkaitan sesuatu maklumat mengenai sesuatu jenayah.

Yang Berhormat Gelang Patah menyatakan krisis rasuah yang tidak menunjukkan sebarang tanda kerana tiada kempen yang serius untuk membasmi rasuah besar bagi menamatkan pembaziran yang melampau dan salah guna dana awam.

■1850

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membasmi rasuah yang seterusnya diharap dapat mengelakkan pembaziran serta membasmi salah guna dana awam dan mengharap sokongan dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha tersebut. Di antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan integriti pek dengan izin yang mengutamakan elemen integriti dalam proses perolehan kerajaan berserta pemantauan dari pihak ketiga terhadap projek-projek besar;
- (ii) pelaksanaan ikrar integriti korporat atau *corporate integrity pledge*; dan
- (iii) menubuhkan unit-unit integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan negeri tertakluk kepada penerimaannya seperti ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 yang berkuat kuasa melalui 1 Ogos 2013.

Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Akademi Pencegahan Rasuah telah melaksanakan program Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO) sebanyak lima siri di mana para peserta perlu mengikuti empat modul iaitu pengenalan integriti, penguatkuasaan undang-undang pekeliling peraturan dan arahan, pematuhan dan pemantauan serta pembentukan pelan integriti. Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah sebelum boleh menerima pentauliah sebagai pegawai integriti bertauliah.

Setakat ini bilangan pegawai yang telah ditauliahkan sebagai pegawai integriti bertauliah adalah seramai 148 orang. Manakala di peringkat sekolah pula, kita telah memperkenalkan inisiatif pencegahan rasuah kepada pelajar dengan memasukkan elemen anti rasuah dalam buku teks, mewujudkan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan Guru, mewujudkan Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pendidikan MARA dan menyediakan buku panduan pencegahan rasuah kepada guru.

Yang Berhormat Kuala Kangsar ada menyatakan tentang perlakuan rasuah di sektor swasta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan juga sedang menggubal Rang undang-undang Liabiliti Korporat yang mana syarikat-syarikat akan dipertanggungjawabkan ke atas satu kesalahan jenayah rasuah yang dilakukan oleh kakitangannya. Dengan adanya implikasi perundangan ini, syarikat-syarikat perniagaan diharap akan lebih peka terhadap keperluan untuk memastikan entiti perniagaan mereka tidak terdedah kepada risiko pendakwaan dan hukuman.

Berkaitan isu kecurian balak dan pembalakan haram di hutan simpan kawasan Kalabakan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan dan Yang Berhormat Kota Kinabalu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan kerana membangkitkan isu ini. Saya tidak mahu ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu kerana dia menuduh Barisan Nasional mendalangi pencerobohan tersebut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, hasil semakan SPRM mendapati terdapat beberapa maklumat pembalakan haram di Kalabakan. Namun begitu, kita belum mendapat satu laporan yang kukuh dan demikian kita memohon mana-mana pihak untuk tampil memberikan maklumat lanjut berkaitan kes kecurian balak. Bukan sahaja di negeri Sabah malahan di seluruh negara.

Siasatan ke atas isu tadbir urus negeri Melaka seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil. SPRM sedang meneliti isu yang dibangkitkan bagi mengenal pasti jika terdapat unsur kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Jika sekiranya ada kesalahan, maka siasatan akan dijalankan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Penjelasan sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk kes Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, apakah ianya telah berada di dalam makluman ataupun perlu ada satu *follow up* dari segi laporan? Kalau sudah ada makluman, saya fikir tidak perlu ada laporan untuk menyegerakan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Seperti yang saya nyatakan tadi, Yang Berhormat Kalabakan tidak membuat laporan. Dia sebut dalam ini pun kita siasat. Jadi perkara ini telah pun dibangkitkan dan kita telah pun memulakan siasatan. Saya tidak boleh kongsi cuma saya hendak beritahu walaupun jumlah yang disebut itu ada kerugian dan ada perubahan perjawatan seramai 18 orang. Namun, tidak semestinya ada unsur rasuah. Berkemungkinan pelaburan yang tidak baik, ada juga mungkin kemungkinan perubahan perjawatan yang biasa.

Oleh sebab itu, kalau kita tengok kepada perkara yang dikeluarkan di dalam akhbar yang telah pun dikemukakan oleh Ketua Menteri Melaka. Sebenarnya Yayasan Melaka mengalami keuntungan dan dalam tahun 2013 sebelum diaudit, keuntungan melonjak kepada RM15.75 juta maksudnya.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: [Bangun]

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Berbanding tahun 2012 (RM11.5 juta), tahun 2011 (RM6.89 juta). Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka juga mencatatkan keuntungan. Mungkin Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya itu ada rugi sebab ada tanggungan.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Jadi maknanya tidak semestinya wujud elemen rasuah dan siasatan akan kita jalankan.

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak tanya sedikit kerana masa ada sedikit. Ada tanggapan di masyarakat kita kononnya dari segi hendak menghapuskan rasuah, kita hanya mengambil tindakan kepada penerima sahaja. Tanggapan.

Kalau kita ambil bandingkan dengan dadah, kalau kita hendak hapuskan anasir dadah, kita ambil tindakan kepada pengedar dadah.

Saya hendak bertanya bahawa adakah kerajaan beri tumpuan yang sama? Mengambil tindakan kepada penerima rasuah dan juga pemberi rasuah. Nampaknya kes-kes semuanya yang menerima. Kita amat, agak sunyi, lesu sedikit hendak ambil tindakan kepada yang memberi. Apakah tanggapan ini salah?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Saya setuju dengan Yang Berhormat Rompin. Persepsi ini selalu dibuat. Pertama, bila sebut rasuah semua rasa duit. Dia tidak perasan ada juga elemen seks. Kadang-kadang kita hendak lulus satu-satu perkara ya, kita beri perkhidmatan seks pun rasuah. Menggunakan kuasa memberi arahan atas kuasa pun rasuah. Jadi, persepsi tentang pemberi tidak dikenakan itu pun wujud. Oleh sebab itu kita wujudkan tentang satu rang undang-undang yang lebih kita perketatkan Tuan Yang di-Pertua, untuk kita ambil tindakan atas perlakuan kakitangan di sektor swasta pada masa-masa akan datang.

Oleh sebab itu persepsi rasuah ini sering menjadi *indicator*. Saya ingin mengambil kesempatan sebab sudah disebut oleh Yang Berhormat Rompin. Terima kasih banyak. Yang Berhormat Kampar buat satu kenyataan akhbar selepas kita beri maklumat tentang soalan yang ditanya. Berapa perbelanjaan yang diperuntukkan kepada SPRM? Kita jawab dalam tempoh lima tahun. Dia tanya dua, berapa perbelanjaan, berapa sabitan. Kita beritahu. Kita belanja sehingga tahun ini, RM980 juta umpamanya. Dia buat kenyataan akhbar.

Saya kalau boleh sempat saya hendak baca. Dia kata "*Over the five year period, for the case convicted, the government spent an average amount of RM700 million plus, plus and find and average amount of RM34,000 at best, a return of 4.9%*".

Pada saya ini kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Dalam urusan untuk mentadbir rasuah, kita tidak boleh tengok untung dan rugi. Tidak boleh kita tengok berapa banyak kita labur, berapa banyak kita dapat. Saya hendak beritahu Yang Berhormat kenyataan seperti ini tidak bertanggungjawab.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ini yang kita kata kita berusaha untuk mengetepikan persepsi rasuah tetapi dia buat di luar. Apa maksud dan motif? Walhal kita mungkin satu hari nanti tidak ada rasuah dalam negara. Tidak ada. Akan tetapi, kita tetap akan belanja RM900 juta. Macam kita beli aset ketenteraan, kita bukan harap orang serang kita. Akan tetapi, kita tetap ada pelaburan kepada ketenteraan. Mungkin besar, mungkin kecil. Akan tetapi tidak boleh kira berapa untung kita beli kapal terbang perang, kereta kebal perang umpamanya. Contoh, *fire extinguisher* di rumah sampai *expired* kita tidak pakai. Sebab apa? Tidak terbakar rumah lagi bagus. Akan tetapi, tidak boleh semua perkara...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: ...Sekejaplah Yang Berhormat. Sekejap. Saya hendak habis sedikit lagi. Kedua, jumlah yang dipetik pun tidak betul. Sebab dalam RM900 juta itu, dia bayar gaji. Untuk siasatan, hanya terlibat jumlah yang sangat kecil. Sebanyak 60% untuk gaji, 5%

untuk penyelenggaraan bangunan, 35% yang digunakan dalam bajet yang diberi adalah untuk sewaan, utiliti, penyelenggaraan bangunan, pendidikan masyarakat. Jadi, maknanya kalau hendak kira RM900 juta sehingga boleh kira hanya ada profit sekian peratus, pada saya tidak betul.

Ketiga, dalam kita buat kerja kita, kita tidak boleh kira hari ini buka fail, esok sabit. Ada kes 10 tahun, ada kes setahun. Kita hanya beritahu berapa yang kita buka kertas siasatan dan kita tidak beritahu bila dia hendak disabitkan. Jadi, perkara ini saya minta tolong sangat supaya apa juga alasanlah, jangan kita gunakan semua perkara macam sama sebab ini tidak sama. Akan tetapi, benda ini keluar dalam satu portal dan akhirnya orang luar kata "*Oh teruk Malaysia ini.*" Jadi ini tidak baik.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ya, sila.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa mungkin ROI itu bukan satu angka yang begitu tepatlah. Akan tetapi, dari segi persepsi satu masalah besar ialah apabila kes-kes yang melibatkan jumlah yang begitu besar, berbilion-bilion ringgit itu seperti PKFZ di mana telah buat siasatan. Selepas itu orang yang disiasat itu selepas itu dibebaskan, selepas itu tidak ada *appeal*. Ini memberi satu persepsi di mana kes-kes yang besar punya, tidak ada apa-apa tindakan yang wajar yang diambil. Selepas itu orang yang mungkin bersalah itu dilepaskan. Jadi, RM900 juta itu boleh dikatakan di mata orang awam itu telah dibazirkan. Diwasted dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

■1900

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat, saya boleh cakap tentang kita siasat. Kalau Yang Berhormat kata kita tidak siasat PKFZ, saya boleh jawab. Akan tetapi kalau dia menang kalah di mahkamah, itu bukan tugas saya. Jadi maknanya perkara itu disiasat sampai ke mahkamah. Apabila mahkamah putuskan sebagai tidak bersalah, itu cerita lain. Akan tetapi pada saya, itu tidak ada kena-mengena dengan perbelanjaan dengan yang kita keluarkan untuk kita mensabitkan. Akan tetapi kalau SPRM dari awal tidak siasat kerana dia seorang Tan Sri, kerana dia seorang kroni, mungkin saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Sedikit sahaja.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ada lagi?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, apabila kes yang digunakan oleh *Attorney General* ini menggunakan bukti yang disiasat oleh SPRM dan *Attorney General* itu mendapati bahawa bukti itu tidak begitu kukuh, ini juga melibatkan kes siasatan. Jadi ini adalah perkara yang penting.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Tidak betul. Kes itu bukan sebab siasatan. Kes itu kalau saya hendak cerita, ia ada dalam keputusan mahkamah, saya tidak berapa minat. Sekejap lagi saya *explain* kenapa. Ada kes ada bukti, tetapi sebab teknikal, dia lepas. Kes PKFZ bukan pasal teknikal, tetapi nanti saya cerita bab mahkamah itu. Saya bukan berminat hendak bercerita di sini, tetapi saya boleh beritahu. Akan tetapi kalau hendak kata sebab siasatan lemah dalam kes

PKFZ, saya tidak boleh hendak setuju. Akan tetapi kita tengok balik apa yang ditulis, tentang apa yang diputuskan termasuk kenapa tidak rayu kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Bukit Katil bertanyakan soalan keperluan membuka semula kertas siasatan lama kes rasuah termasuk di era Tun Abdullah, Tun Mahathir dan siasatan terhadap Menteri Kewangan terdahulu iaitu bekas Ahli Parlimen Merbok, suka saya nyatakan di sini bahawa semua kertas siasatan lama boleh dibuka sekiranya terdapat maklumat-maklumat baru dari segi keterangan dan fakta. Sebenarnya ada banyak lagi kes-kes yang melibatkan sahabat-sahabat kita kalau kita hendak buka.

Akhir sekali, kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Saya ingin meminta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, saya pernah jawab soalan ini tahun lepas. Memandangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 36(8), perkara ini menyentuh Tuan Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Berhormat Bayan Baru tidak membawa usul secara sendiri, maka saya tidak rasa saya berada dalam kedudukan sebab Peraturan Mesyuarat kita sendiri menyebut di bawah Peraturan Mesyuarat 36(8), perkara-perkara yang berkaitan dengan Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu dan seperti yang disebut termasuk juga Yang di-Pertua Negeri. Cumanya yang dirujuk itu pada hari ini merupakan Yang di-Pertua Negeri Sarawak, kaedah membangkit soalan tersebut saya rasa tidak memberikan saya ruang untuk memberi penjelasan. Saya hendak beritahu kita ada jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan. Cuma, peraturan Dewan tidak mengizinkan saya berbuat demikian.

Jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: Okey, *last*.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sedikit sahaja, *five minutes*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sebab tadi saya tidak berapa hendak tangkap apa Yang Berhormat Timbalan Menteri ulas tentang mantan Menteri Kewangan tadi, Tun Daim. Adakah status kes itu telah ditutup, ataupun masih lagi dalam siasatan ataupun pihak SPRM menunggu bukti baru? Ini kerana pada saya, kalau tidak silap ingatan saya, tahun 1999, ada tiga surat yang telah dikemukakan kepada pihak BPR waktu itu, iaitu berkaitan dengan surat Tan Sri Halim bertarikh 30 April 1990 yang menyatakan beliau memegang saham sebanyak RM52 juta saham Faber Merlin dan juga RM130 juta saham Renong Berhad bagi pihak Tun Daim. Ada surat Tan Sri Tajuddin, dia pegang amanah bagi pihak Tun Daim berjumlah RM70 juta. Juga, surat Tan Sri Wan Azmi mengaku memegang bagi pihak Tun Daim sejumlah RM150 juta.

So, ini saya fikir tiga surat termasuk perkara lain, misalnya RM400 juta saham yang dipegang oleh seorang bernama Datuk Wan Osman sebagai amanah untuk UMNO, tetapi tidak

masuk dalam akaun UMNO. So, perkara-perkara ini saya ingat ada perinciannya. Cuma, adakah siasatan itu ditutup, atau hendak tunggu bukti baru? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat Serdang tadi sudah bagi tahu. Kita tidak boleh hendak buat satu perkara, nanti kalau dakwa selepas itu nanti tidak disabitkan pun susah jugak kan? Jadi saya hendak beritahu, dalam siasatan, kita mesti lengkapkan siasatan kita supaya perkara itu dapat dibawa sehingga dapat disabitkan. Jawapan saya tadi, buat masa ini, kes-kes itu yang telah disiasat cara lama akan dibuka jika ada maklumat baru. Kalau Yang Berhormat kata tadi dia tutup, dia tutuplah. Cuma saya pun hairan juga. Saya pun tidak pernah tahu pasal ada surat-surat seperti yang didakwa. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat dapat. Akan tetapi hendak beritahu, sehingga sekarang kita tidak menjalankan siasatan kerana pada kita sudah selesai kecuali, sebab soalnya boleh dibuka, boleh. Bagi maklumat baru. Kita boleh buka. Buat masa ini tidak ada siasatan.

Jadi Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah berbahas. Saya percaya perkara-perkara yang kita bangkitkan adalah untuk kita mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan marilah sama-sama kita buat kerja kita dengan jujur, dengan ikhlas dan beramanah. *Insyaa-Allah* kita terus diberikan limpah dan rahmat Allah. Sekian, *wabillahitaufiq walhidayah, assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita beredar kepada agenda seterusnya, sukacita saya membuat pengumuman iaitu saya mendapat nota daripada Yang Berhormat Bayan Baru iaitu bersama kita pada petang ini ada delegasi yang diketuai oleh *Member of Parliament* dari Jerman yang diketuai oleh *Honorable Mark Hauptmann... [Tepuk] I hope I pronounce that name correctly.* Jadi kepada delegasi ini, Parlimen Malaysia mengucapkan selamat datang, *welcome... [Tepuk]* Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 20 Mac 2014, saya telah menerima suatu cadangan pindaan ke atas Usul Menjunjung Kasih daripada Yang Berhormat Seremban. Usul tersebut dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 30(1) iaitu berkenaan peraturan meminda usul-usul. Yang Berhormat Seremban dalam usul beliau mencadangkan untuk memasukkan perkataan-perkataan ke dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu usul pokok yang sedang dibahaskan ketika ini. Peraturan Mesyuarat 30 membenarkan usul-usul dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis dipinda jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

Namun begitu, pindaan yang dicadangkan tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat tertentu atau kehendak peraturan mesyuarat sebelum ia dibenarkan untuk dibahaskan oleh Yang di-Pertua. Saya mendapati bahawa pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seremban adalah selari dengan Maksud Peraturan Mesyuarat 30(4)(c) iaitu dengan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain kepada sesuatu usul itu. Dalam hal ini, pindaan yang dicadangkan adalah dengan memasukkan perkataan-perkataan selepas perkataan "*Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka penggal kedua Parlimen yang ke-13*".

Ahli Yang Berhormat, isu yang berbangkit adalah sama ada perkataan-perkataan pindaan tersebut mematuhi Peraturan Mesyuarat 30(3). Dalam Peraturan Mesyuarat 30(3) dinyatakan bahawa, *“An amendment must not raise any question which, by the rules of the House, can only be raised by a substantive motion after notice.”*

Dalam buku *House of Common Procedures and Practice, 2nd Edition, 2009, Canada*, menyatakan bahawa, *“Substantive motions are independent proposals which are complete in themselves, and are neither incidental took nor dependent upon any proceeding already before the House. As self-contained items of business for consideration and decision, each is used to elicit an opinion or action of the House.”*

Setelah meneliti usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seremban, saya berpendapat bahawa perkataan yang hendak dimasukkan oleh beliau iaitu, *“Memutuskan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Malaysia perlu ditubuhkan serta-merta untuk menyasat segala aspek yang melibatkan peristiwa kehilangan MH370”* adalah suatu usul yang memerlukan suatu resolusi atau ketetapan Majlis Mesyuarat. Dalam hal ini, perkataan yang hendak dimasukkan tersebut adalah bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas yang mana ini merupakan suatu keputusan atau resolusi yang tidak berkaitan dengan usul pokok.

■1910

Saya berpendapat bahawa usul bagi menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah dibawa menerusi Peraturan 81 dan 27. Kesemua ini dengan jelas menunjukkan bahawa usul ini adalah suatu usul yang bersifat *substantive*. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul *substantive* memerlukan notis bersendirian sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat 30(3) yang berbunyi; *“Sesuatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh Peraturan-peraturan Majlis hanya boleh dikeluarkan dengan usul bersendirian setelah dikeluarkan pemberitahu”*.

Dalam hal ini, usul bersendirian adalah suatu usul yang dinyatakan dalam Peraturan 27(3) yang memerlukan notis 14 hari. Peraturan Mesyuarat 27(3) menyatakan seperti berikut; *“Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 dan perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 86 dan 26(1), apa-apa usul hendaklah dikeluarkan pemberitahu tidak kurang daripada empat belas hari terlebih dahulu tetapi jika usul itu dengan nama Menteri, maka memadai dengan dikeluarkan pemberitahu tujuh hari sahaja terlebih dahulu, dan pula jika Tuan Yang di-Pertua puas hati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Menteri iaitu bagi faedah orang ramai sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segeranya maka memadai dikeluarkan pemberitahu itu satu hari sahaja terlebih dahulu”*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada prinsip dan peruntukan Peraturan Mesyuarat yang telah dinyatakan tadi, saya memutuskan bahawa usul Yang Berhormat Seremban adalah bersifat substantif yang mana usul ini hendaklah dikemukakan melalui usul di bawah Peraturan 27 bagi menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Peraturan 81. Oleh sebab itu pindaan-pindaan dalam usul tersebut jika dibenarkan akan *exceeding the scope* Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Oleh yang demikian, usul Yang Berhormat Seremban ini akan *totally negated* usul pokok ataupun menyangkal usul pokok. *[Tepuk]* Berdasarkan kepada sebab yang dinyatakan tersebut usul pindaan Yang Berhormat itu hendaklah ditolak kerana tidak mematuhi kehendak peraturan mesyuarat. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru itu hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 30 Mac 2014. Sekian Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.13 malam]